



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Cuti Kepada Ahli - Kebenaran	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2005	(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO

18. Yang Berhormat Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

56. Yang Berhormat Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasar Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO

94. Yang Berhormat Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Syed Azuddin bin Syed Othman

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari

Rozaimah binti Mohamad Ariffin

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 26 April 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh, Ahli bagi kawasan Bukit Gelugor dari 21 Mac 2005 hingga 28 April 2005.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bilangan Lesen Laut Dalam yang dikeluarkan setiap negeri dan benarkah dakwaan yang menyatakan satu pertiga lesen tersebut dipajakkan kepada warga asing dan nyatakan kerugian hasil tangkapan negara dari pajakan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan permit penangkapan ikan laut dalam yang dikeluarkan pada tahun 2004 di seluruh Malaysia ialah berjumlah 1,917, di mana jumlah bagi negeri Sarawak adalah 558, Kelantan - 505, Terengganu - 228, Pahang - 122, Johor - 114, Perak - 101, Wilayah Persekutuan Labuan - 98, Sabah - 78, Perlis - 77, Pulau Pinang - 19, Kedah - 15 dan Selangor - 2.

Berkaitan dengan dakwaan bahawa satu pertiga lesen laut dalam telah dipajakkan kepada warga asing ianya adalah tidak benar. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terima kasih di atas jawapan. Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Pahang merupakan empat negeri yang agak utama dalam jumlah pengeluaran lesen. Tetapi setakat yang kita maklum bahawa contohnya di Terengganu, walaupun sudah ada 228 lesen, pengeluaran ikan laut dalam ini masih belum mencukupi untuk keperluan dalam negeri. Apakah sebenarnya masalah yang kita hadapi daripada hasil tangkapan ini? Walaupun yang menyatakan bahawa pajakan kepada warga asing ini tidak benar, tetapi semua orang tahu bahawa *vessel* yang ada dalam negara kita ini adalah merupakan secara *charter* - lesen diberi kepada rakyat kita, dan akhirnya operasi penangkapan ikan ini diberi secara *charter*, francais dan sebagainya yang saya kurang faham, sehingga keperluan ikan dalam negara kita tidak mencukupi.

Apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh negara kita tentang hasil tangkapan ikan yang tidak mencukupi? Apakah ia "hilang" di mana-mana ataupun apa? Sedangkan status nelayan kita masih di paras imejnya. Golongan miskin yang harus kita

basmikan dengan baik - apakah di tengah-tengahnya kelemahan ataupun halangan-halangan yang perlu kita tangani bersama? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang ada kebenarannya. Seperti yang saya katakan tadi, itu adalah jumlah keseluruhannya dari segi permit yang telah kita keluarkan. Tetapi di dalam jumlah itu memang kita ada juga dari segi maklumat, iaitu permit atau lesen yang kita keluarkan kepada operasi *charter* asing di mana setakat ini berjumlah 252.

Yang sebenarnya Yang Berhormat, kita menggunakan *charter* asing ini mulai pada tahun 1997 untuk kita cuba hendak membangunkan industri perikanan. Tujuan mengeluarkan lesen *charter* asing ini berbentuk sementara, khasnya di Semenanjung sudah diberhentikan, tidak dikeluarkan lagi lesen ini di mana dari tahun ke setahun kita mengurangkannya.

Betullah apa Yang Berhormat katakan tadi bahawa nampaknya bukan main banyak lesen ini tetapi hasil tangkapannya tidak memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada beberapa syarat yang harus dipatuhi, di mana satu daripada syaratnya iaitu prestasi pendaratan hasil tangkapan di dalam negara mesti memenuhi jumlah *tonnage* yang digunakan, seperti kita memastikan bahawa pemegang lesen mesti mendaratkan ikan di pelabuhan-pelabuhan pendaratan ikan lebih daripada 350 metrik tan setahun, kalau tidak kita akan batalkan lesen itu dari masa ke semasa.

Terima kasih Yang Berhormat, memang betul tujuan kita kalau dapat semua ikan ini didaratkan di negara kita supaya masalah Yang Berhormat katakan tadi iaitu dari segi kemiskinan, meningkatkan taraf hidup dan sebagainya akan terjamin. Teguran-teguran seperti ini daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan lebih lagi mendorong kementerian untuk memastikan kita akan menjadi lebih tegas dalam pemberian lesen dan insya-Allah mulai dari tahun 2006 tidak ada lagi lesen *charter* yang akan dikeluarkan, khasnya di Semenanjung. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih SUP Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pertamanya saya hendak bertanya sedikit berkenaan dengan lesen laut dalam. Sekarang ini saya hendak bertanya, sejauh manakah keberkesanan pihak-pihak berkuasa untuk mengawal nelayan-nelayan pantai dan nelayan-nelayan laut dalam - nelayan bot besar ini, kerana kita dapati yang menanggung penderitaan ini ialah nelayan-nelayan pantai, kerana nelayan-nelayan bot besar ini mengaut habis hak nelayan di kawasan-kawasan ini.

Nelayan-nelayan yang menghadapi tsunami baru-baru ini pun terjejas. Apabila mereka sudah lama tinggalkan laut ini, hak yang ini dok pi makan habis ikan-ikan di kawasan ini. Jadi, bagaimana keberkesanan dari segi kawalan?

Setakat ini saya difahamkan bahawa lesen untuk negeri-negeri telah dibekukan buat sementara waktu. Saya berharap pihak kementerian - oleh kerana kita ini tidak cukup ikan - dok import ikan, apalah salahnya bagi lesen. Depa pergilah ke laut. Ikan ini bukan kita yang buat, Allah Taala yang menjadikan ikan di laut. Kita bukan bubuh baja, kita bukan bagi makan pun, jadi biarlah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa laut ini begitu luas, jadi dari segi penguatkuasaan (*enforcement*) memanglah ada. Dari segi jenis lesen-lesen yang dikeluarkan pun ada bermacam-macam kategori, Yang Berhormat. Saya ingin menceritakan sedikitlah dari segi jenis-jenis lesen yang dikeluarkan iaitu:

- (i) Lesen A dinamakan lesen tradisi dan ini memang terbuka kepada semua nelayan kecil. Mereka ini dinamakan mesra laut dan mesra alam. Bermakna mereka yang mempunyai Lesen A ini boleh pergi ke mana-mana. Tetapi kita galakkan janganlah pergi jauh sangat. Lanun-lanun pun memang ramai;
- (ii) 5 batu nautika - iaitu 5 batu nautika daripada pantai;
- (iii) Lesen C pula 12 batu. Lesen C2 pula 30 batu yang dinamakan betul-betul lesen laut dalam - yang kadang-kadang dua, tiga bulan di dalam laut. Lesen C3 pula ialah untuk penangkapan ikan tuna. Mereka hanya diberi untuk Lautan Hindi.

Yang Berhormat, kalaulah diikuti betul-betul sebagaimana yang kita kategorikan, tentulah tidak ada masalah seperti Yang Berhormat timbulkan tadi. Tetapi lumrahlah Yang Berhormat, sebab itulah sekarang ini *enforcement* kita memang begitu tegas. Kita berharaplah kalau mereka ini tegas janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat marah pula kalau kita menangkap nelayan sebab kita hendak tegas. *[Disampuk]* Tetapi pada masa yang sama memanglah kita prihatin.

Satu lagi Yang Berhormat, sekarang ini kita hendak mengelakkan bot-bot kita ini daripada ke Siam. Kita tidak tahu mengapa mereka suka ke Siam.

Beberapa Ahli: Hahaaa.....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: itulah. Kita tidak mahu dia mendaratkan di Siam

Seorang Ahli: Tanya dengan Arau.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: dan kita minta dia mendaratkan di pelabuhan pendaratan kita sendiri. Tidak guna ke Siam. Kita juga akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang memunggang di tengah-tengah laut ini ke *mother boats*. Inilah langkah yang kita ambil, insya-Allah. Kita juga mencadangkan mungkin kita boleh mengadakan konsortium perikanan untuk memastikan semua *players* ini untuk sama-sama mencari jalan supaya ikan-ikan kita ini tidak pergi ke luar negara kita. Terima kasih.

Seorang Ahli: Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Arau. *[Ketawa]*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SUP Pertanian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan singgah ke Siam ini, nelayan kita yang pergi menangkap di laut dalam ini sudah penuh dengan ikan, hendak balik ke Perlis itu melalui sempadan Kedah. Apabila hendak melalui sempadan Kedah itu, maka kadang-kadang marin itu ada di situ. Kadang-kadang lanun itu ada yang berlesen, kadang-kadang ada yang tidak berlesen. *[Ketawa]* Kadang-kadang ada ribut dan mereka terpaksa singgah di Siam. Bagaimana pihak kementerian boleh menolong nelayan-nelayan kita supaya nelayan-nelayan Perlis yang melalui sempadan Kedah dengan selamat, tidak dikacau oleh sesiapa pun. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat telah membawakan isu ini dan kita telah juga membawa. Insya-Allah kita akan berdialog bersama cara mana yang terbaik supaya masalah yang disebut oleh Yang Berhormat ini tidak akan berulang lagi sebab setiap negeri memang dia ada pelabuhan masing-masing.

Memang kita hendak mengadakan dialog dan mencari jalan apa sebenar masalah yang dialami supaya Yang Berhormat tadi kata bukan mereka ini sengaja singgah di Siam, tetapi sebenar hendak balik. Yang Kedah pula, tanyalah jiran sebelah itu. Yang Berhormat, kita memang mengadakan syarat-syarat pendaratan ini sebab mereka setiap kali mendarat memang ada satu borang yang perlu diisi, borang ini ringkasan nama LOV, senang LOV iaitu *landing operation vessel* bermakna dia akan *landing* dan ini yang kata, tidak boleh kurang daripada 100 metrik tan dan dia boleh lebih kepada 300 metrik tan ke atas.

Yang Berhormat, kita pun prihatin dan saya memang telah mengarah supaya Jabatan Perikanan bersama dengan LKIM sama-sama melihat apa sebenarnya masalah yang dihadapi sehingga mereka ini, orang kata tersinggah di Siam dan tidak dapat balik ke Kuala Perlis. Terima kasih, Yang Berhormat.

2. **Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]** minta Menteri Pelancongan menyatakan bagaimanakah perkembangan Tok Bali sebagai pusat pelancongan yang menarik dapat dimajukan dengan prasarana yang lengkap.

Menteri Pelancongan [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, Tok Bali di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan lebih merupakan satu kawasan pelabuhan pendaratan ikan dari nelayan laut dalam dan juga mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai salah satu dinasti pelancongan, khususnya untuk dibangunkan sebagai satu pusat rekreasi sukan air di Kelantan. Dengan potensi yang ada itu maka Tok Bali telah di pilih untuk pesta air nasional Kelantan dan telah diadakan pada April 2002, dengan kunjungan pelawat melebihi 120,000 orang.

Satu kajian sedang dilaksanakan oleh majlis tindakan pelancongan negeri Kelantan bagi menentukan jenis pembangunan serta prasarana yang perlu kita sediakan bagi kita terus membangunkan industri pelancongan kawasan Tok Bali sebagai satu destinasi tarikan pelancongan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kerana sendiri menjawab soalan tadi. Saya perlu membawa anjakan paradigma satu kejutan budaya kerana Kelantan adalah cukup potensi Tok Bali ini dari segi *geographynya* di tengah-tengah antara *airport* Kota Bharu, Pengkalan Chepa hendak pergi ke Besut, Tok Bali itu adalah dalam dom saya iaitu dom Semerak, kebetulan pula majoriti saya pun tinggi, menang di situ termasuk dom.

Saya cadangkan kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju. majlis tindakan pelancongan sedang mengkaji, kalau boleh kita kekalkan Tok Bali dijadikan pusat pesta air tahunan yang disebut oleh menteri tadi 120,000 sebenarnya saya sendiri dapat maklumat 200 ribu dalam masa tiga hari. 200,000 ini adalah dikunjungi daripada dalam negara dan luar negara. Saya lihat satu lagi ialah kerana Tok Bali ini juga berpotensi untuk membina perhotelan bagi memberangsangkan pelancong-pelancong dari luar negara. Tetapi rakyat Kelantan saya rasa termasuk rakan saya daripada PAS, Rantau Panjang dia tidak akan negatif dengan pelancongan ini. Kalau kita bawa pelancong kita disiplinkan betul-betul, insya-Allah, dia akan melihat Kelantan ini sebuah negeri dalam Malaysia ini yang agak maju dan mungkin potensinya untuk balik kepada UMNO akan datang, insya-Allah. Bagaimana pendapat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Menteri.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat itu, memang untuk kita membangunkan itu sebagai tarikan pelancong berasas kepada sukan air atau kegiatan laut iaitu *marine tourism*, dengan izinnnya, dan juga *water sport tourism*. Kita memang menggalakkan juga supaya pusat ini adakan kegiatan tiap-tiap tahun dan menjadi tarikan supaya kita dapat mengutarakan atau mengenalkan pusat ini kepada pelancong-pelancong kita dari luar negara.

Pada masa kini nampaknya *trend* atau dalam *tourism* pada masa kini, khususnya di rantau ini, memang kegiatan seperti *sport tourism* yang melibatkan joran dan mengail ikan di laut dalam dan juga sukan-sukan seperti *yatching* dan juga mengembara di laut kegiatan yang ada banyaknya sumber-sumber di negara kita ini termasuk juga yang sedia ada kita majukan supaya menambahkan nilai tarikannya kepada Tok Bali di mana kawasan-kawasan pantai kita banyak.

Untuk mengadakan sebagai satu pusat tiap-tiap tahun, tidak menjadi amalan kita kerana kita mengalihkan tiap-tiap tahun di mana tempat kita mengadakan pesta besar supaya kita dapat mengemukakan produk-produk baru atau kawasan-kawasan yang masih belum cukup menarik pelancong.

3. **Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) tahap keselamatan dan kadar kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur dari KL-Kuantan; dan
- (b) adakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dan meningkatkan keselamatan pengguna lebuhraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Pantai Timur dari Kuala Lumpur-Kuantan adalah selamat digunakan oleh semua kenderaan. Mengikut perangkaan yang di kumpul oleh pihak polis terdapat penurunan jumlah kemalangan jalan raya DLPT, iaitu daripada 82 kemalangan pada bulan Ogos, 2004 kepada 42 kemalangan pada bulan Disember, 2004. Bilangan kemalangan terus mengalami penurunan pada bulan Januari dan Februari 2005, iaitu 33 kes kemalangan masing-masing. Ini menunjukkan tahap keselamatan di lebuhraya ini bertambah baik. Bagi menjamin LPT selamat digunakan oleh pengguna jalan raya beberapa langkah telah diambil dalam usaha mengatasi kemalangan jalan raya. Di antara langkah-langkah yang diambil dari masa ke masa adalah seperti berikut:

- (i) menurap semula jalan yang tidak rata di sepanjang kilometer 99 hingga kilometer 126 dari Temerloh ke Lanchang yang merupakan kawasan yang kerap berlaku kemalangan;
- (ii) menjalankan aktiviti penguatkuasaan oleh pihak polis serta operasi perangkap laju dan rondaan pemantauan serta operasi bersepadu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (iii) membuat rondaan di sepanjang LPT bertujuan untuk mengawasi binatang ternakan seperti lembu dan khinzir dari memasuki kawasan lebuhraya;
- (iv) mengadakan kempen kesedaran, keselamatan jalan raya di kawasan di rehat atau R&R itu di Gambang atau Temerloh dan mengedarkan risalah kepada pengguna lebuhraya berhenti rehat di tempat-tempat tersebut dan memaklumkan supaya berhati-hati di kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana telah menjalankan berbagai langkah untuk memastikan pengguna-pengguna jalan raya ini dalam keadaan yang selamat. Saya difahamkan bahawa kementerian ada menjalankan satu kempen ataupun satu kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa subjek keselamatan jalan raya dimasukkan dalam *syllabus* pelajar-pelajar kita di sekolah rendah. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, bilakah subjek ini akan diajarkan sepenuhnya dalam sekolah rendah kita dan apakah modus operandinya. Sekian, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian telah mengambil beberapa tindakan untuk mencari jalan bagaimana hendak mengurangkan kemalangan jalan raya di negara kita. Malah satu jawatankuasa telah di tubuhkan di peringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk memantau berbagai tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Di antara beberapa pendekatan adalah satu cara untuk bagaimana kita hendak menyemaikan sikap berhati-hati di jalan raya dan menggunakan jalan raya dengan selamat. Kementerian mendapati bahawa satu pendekatan yang harus diambil ialah untuk menyemaikan sikap ini di peringkat sekolah. Ini telah pun dijalankan, projek perintis telah kita jalankan di negeri Kelantan dengan kerjasama beberapa buah sekolah. Dari pihak kementerian kita mengadakan alat-alat, buku-buku dan segala apa yang diperlukan untuk mendidik anak-anak mengenai betapa penting, betapa bergunanya kita sentiasa berhati-

hati di jalan raya. Kita akan mengkaji dan meneliti program perintis ini, kalau dia berjaya kita akan meneruskan program kepada seluruh negara.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Keselamatan jalan raya banyak bergantung kepada keadaan jalan. Kalau kita lihat Lebuhraya Utara Selatan di antara Gunung Semanggol dengan Juru dan juga Gurun dengan Alor Setar, banyak jalan lebuhraya ini yang tidak rata dan telah dibaiki beberapa kali, kalau kita bawa kereta *slow* kita semacam naik unta, kalau laju macam naik kuda. Saya hendak tanya kepada kementerian, apakan tindakan seterusnya yang akan dilakukan setelah *direpair* banyak kali pun macam itu juga terjadi. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedarlah tetapi mungkin Yang Berhormat harus menghantar kereta Yang Berhormat ke mekanik [*Ketawa*] sebab dia jadi kuda dan unta mungkin [*Ketawa*] salah kereta, Yang Berhormat. Itu berguraulah.

Walau bagaimanapun, kementerian sedar bahawa [*gangguan alat pembesar suara*] kata Timbalan Menteri sebelah, dia pakar jalan raya. Memang kementerian sedar bahawa beberapa tempat di jalan raya di seluruh negara kita adalah dinamakan sebagai lokasi kerap berlaku kemalangan dan kementerian telah mengenal pasti bahawa di Jalan Persekutuan kita ada 153 tempat, di Jalan Negeri ada 380 tempat dan di Jalan Perbandaran ada 129 tempat. Tempat-tempat ini sudah pun dimajukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk mencari jalan bagaimana kita hendak memperelokkan kawasan-kawasan ini supaya dia tidak lagi dianggap sebagai lokasi kerap berlaku kemalangan. Terima kasih.

4. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bagaimanakah pihak kementerian dapat membantu hasrat melahirkan lebih ramai jururawat terlatih di negara ini memandangkan hanya sebahagian kecil daripada kursus kejururawatan di IPTS mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara.

Setiausaha Parlimen Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod sehingga 2005 Mac, pihak kementerian telah meluluskan 20 buah permohonan kursus kejururawatan dalam pelbagai peringkat pengajian daripada 16 buah IPTS manakala 7 permohonan masih dalam proses penilaian dan pertimbangan.

Berdasarkan ketetapan semasa, satu Kursus Pengajian Kejururawatan yang telah diluluskan hanya perlu memenuhi ketetapan Akta IPTS 1996 berkait dengan pencapaian standard minimum sebelum graduan boleh diberi penganugerahan kelayakan dan keluar bekerja. Bagaimanapun, sekiranya IPTS menyasarkan graduan boleh menyertai awam adalah dinasihatkan agar IPTS untuk memohon dan mencapai perakuan Akreditasi (LAN).

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa menyokong sepenuhnya usaha kerajaan menambah bilangan jururawat terlatih dalam perkhidmatan kesihatan. Oleh itu, pihak kementerian amat mengalu-alukan mana-mana pihak swasta yang berhasrat menubuhkan kolej yang menawarkan kursus latihan kejururawatan ke peringkat tinggi. Pihak swasta yang berminat boleh mengemukakan permohonan untuk mendaftar sebagai IPTS dan memohon mengendalikan kursus sebagaimana termaktub di bawah Akta IPTS 1996.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai nisbah yang *ideal* antara seorang jururawat kepada penduduk iaitu daripada yang disarankan oleh WHO, ialah 1 kepada 200 (1:200). Oleh itu negara kita memerlukan untuk mengeluarkan lapan ribu jururawat setahun sedangkan sekarang kita mengeluarkan pada kadar tiga ribu setahun.

Oleh itu apabila terkeluar berita bahawa ada 1,200 jururawat yang telah tamat kursus daripada IPTS tetapi mereka ini tidak diiktiraf oleh LAN, maka ini kita rasakan satu kerugian. Oleh itu, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang dakwaan kolej-kolej swasta bahawa walaupun keperluan

kursus, tenaga pengajar dan kelengkapan yang lain diiktiraf oleh Lembaga Jururawat Malaysia, mengapakah ianya masih tidak diiktiraf oleh LAN kerana Lembaga Jururawat Malaysia ini merupakan badan profesional yang lebih arif tentang keperluan kursus kejururawatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul pada waktu ini kita mempunyai nisbah 1:436 penduduk. Setakat ini sehingga Disember 2004 Jururawat Terlatih sekarang hanya ada 56,703 orang dan sekiranya sasaran 1:200 penduduk memang kita perlukan 8,000 pelatih setahun tetapi pada waktu ini hanya ada 3,000 dan di peringkat IPTA yang melatih ada 1,162 orang, di peringkat IPTS sekarang ada 2,861 dan daripadanya 1,200 adalah calon dari Kementerian Kesihatan Malaysia di IPTS.

Kita memang mempunyai kapasiti yang terhad kerana setiap permohonan untuk menubuhkan IPTS perlulah mendaftar di Kementerian Pengajian Tinggi melalui JPS dan LAN. Secara prinsipnya kita harus melihat bagaimana IPTS-IPTS yang mendaftar itu mahu dan mempunyai potensi untuk mendapatkan perakuan LAN dipilih untuk meneruskan program dan yang kedua haruslah mewujudkan mekanisme penilaian dan pemantauan secara naziran yang berkesan dalam memilih dan mengesan prestasi pelajar-pelajar. Sebenarnya pihak badan-badan profesional seperti Lembaga Jururawat dan juga Kementerian Pengajian Tinggi harus ada penyelarasan yang dianggotai oleh JPA, LAN dan agensi-agensi lain yang berkaitan dan kita juga memohon supaya Majlis Akreditasi Lembaga Jururawat sendiri ditubuhkan supaya kita boleh bekerjasama dalam hal menambahkan bilangan pelajar-pelajar kejururawatan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati bahawa untuk mendapat kelulusan daripada LAN nampaknya payah. Soalan saya ialah apakah kriteria yang diguna pakai oleh LAN supaya pengiktirafan kepada IPTS dalam segi kursus kejururawatan ini akan dapat diperolehi ataupun diakui dan dipercepatkan? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak LAN sentiasa mengalu-alukan pihak-pihak yang ingin mengendalikan kursus ataupun membuka IPTS tetapi sebelum membentuk amalan terbaik, kita perlu ada jaminan kualiti dan ia dilaksanakan melalui tiga peringkat proses penilaian.

Yang pertama, pihak IPTS perlulah memohon penilaian kelulusan penilaian kursus pengajian dahulu yang memfokus kepada kesediaan IPTS menawarkan sesuatu kursus pengajian dipohon. Contohnya seperti kalau kita hendak melatih di peringkat Diploma, tenaga pengajarnya mestilah di peringkat Sarjana Muda. Kalau kita hendak melatih jururawat di peringkat Ijazah, mestilah tenaga pengajarnya satu tahap yang lebih tinggi daripada Program Sarjana Muda.

Yang kedua, mereka juga harus memohon untuk mencapai standard minimum yang diperlukan untuk menilai tahap pematuhan standard bagi kursus pengajian yang sedang dikendalikan.

Yang ketiga barulah untuk mencapai kecemerlangan dalam penilaian sesuatu kursus pengajian, mereka memohon pengendalian perakuan akreditasi. Peringkat-peringkat inilah yang kita lakukan untuk memastikan setiap jururawat yang merawat kita ada jaminannya supaya mereka tidaklah dikatakan tidak bermutu dalam perkhidmatan.

5. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan kawal selia terhadap bank-bank komersial yang mencari jalan untuk mengenakan bayaran ke atas pelbagai jenis perkhidmatan, memandangkan tidak ada bayaran dikenakan ke atas perkhidmatan yang berkenaan sebelum proses penggabungan diadakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Gelang Patah. Ini berkenaan dengan caj yang dikenakan oleh bank ke atas pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia sentiasa memberi keutamaan terhadap usaha mengukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna termasuk memastikan akses kepada perkhidmatan perbankan pada kos yang berpatutan yang berkuat kuasa

pada 1 Februari 2005 bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan dikehendaki menawarkan akaun simpanan asas (*basic saving account*) atau akaun semasa asas (*basic current account*) kepada semua warganegara Malaysia termasuk pemastautin tetap.

Pemegang akaun tersebut akan mendapat akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti deposit cek dan wang tunai, pertanyaan akaun, pengeluaran wang, pemindahan dana di bawah institusi perbankan yang sama, kemudahan pembayaran bil dan *interbank* GIRO. Dalam menggunakan perkhidmatan yang disediakan seperti yang telah saya sebutkan tadi, pemegang akaun layak mendapat akses pada 16 transaksi sebulan bagi setiap akaun yang terdiri daripada 14 transaksi percuma dan 2 transaksi *interbank* GIRO yang dikenakan fi minimum tidak melebihi 50 sen setiap transaksi.

Bank Negara Malaysia telah pun memperkenalkan satu rangka kerja bagi mengawal pengenaan fi dan caj atas produk dan perkhidmatan perbankan runcit. Di bawah rangka kerja ini institusi perbankan dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada Bank Negara Malaysia sebelum menaikkan fi dan caj yang sedia ada atau pengenalan fi dan caj yang baru ke atas individu atau perusahaan kecil dan sederhana.

Bagi fi dan caj yang sedia ada, institusi perbankan dikehendaki memberikan rasional dan justifikasi terhadap fi dan caj yang dikenakan. Dalam kes-kes di mana fi yang dikenakan adalah terlalu tinggi, Bank Negara Malaysia boleh mengarahkan institusi perbankan untuk mengurangkan atau menghentikan pengenaan fi tersebut.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Puan Tan Ah Eng: Nanti sekejaplah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada setiausaha Parlimen. Saya dapati ada segelintir pelanggan bank sengaja mengeluarkan cek dengan niat menipu dan contohnya ialah akaun mereka telah ditutup tetapi masih mengeluarkan cek kepada pelanggan mereka dan kes ini semakin meningkat. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk mengambil tindakan yang berat kepada mereka yang melakukan perbuatan seperti begini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat jawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang sudah ada peraturan kalau cek tendang, cek yang dikeluarkan (*bound*) memang dikenakan senarai hitam (*black list*) maka dia tidak boleh membuka akaun di mana-mana bank di seluruh negara, memang sudah sedia ada.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati semua bank mendapat keuntungan RM400 juta sehingga RM1.8 bilion setiap tahun meningkat. Tetapi caj perkhidmatan buku cek yang diedarkan semua itu kita tidak keluarkan wang tunai. Kena bayar RM2 – tukar duit syiling RM100 tukar kena bayaran RM2 dan pelbagai lagi caj. Kalau hendak melindungi pengguna, tidak ada silap. Kita bawa duit, kita masuk duit dalam bank tetapi bank pula kenakan caj perkhidmatan terhadap kita yang tidak munasabah. Adakah ini direstui oleh pihak Bank Negara Malaysia? Kalau tidak kita akan dilihat bersubhat dengan bank-bank pedagang. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat [Disorak]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sebenarnya setakat ini Tuan Yang di-Pertua, mulai Disember tahun lepas, Bank Negara Malaysia telah pun meminta maklum daripada semua bank untuk melihat kembali caj-caj yang dikenakan ke atas pelanggan. Setakat ini Bank Negara Malaysia sedang meneliti dan garis panduan baru akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini. Itu maklumat yang saya dapat, bermakna Bank Negara Malaysia sendiri memerhati perkara ini jika ada perkara yang tidak sihat maka tengah *review* dan perkara yang telah saya sebutkan tadi mungkin dalam pertengahan tahun ini akan dapat diadakan peraturan baru.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat beritahu adakah ini juga direstui oleh kerajaan di mana kalau kita saya mendapat aduan-aduan yang tertentu di mana kalau bayaran dibuat di suatu cawangan lebih kurang RM50,000 ia perlu *ditransfer* ke suatu *current* akaun di cawangan lain, ia perlu bayar lebih kurang RM16 kerana dikatakan ini adalah caj bagi mengira wang.

Adakah ini dipersetujui atau diketahui oleh kementerian dan ini dibenarkan dan kalau tidak adakah tindakan akan diambil? Saya boleh bagi nama bank tersebut. Bank tersebut ialah Bumiputera Commerce di Ipoh baru-baru ini yang telah mengenakan caj. Apabila pelanggan tanya kepada bank, dia kata ini adalah satu arahan daripada Bank Negara Malaysia. Adakah ini betul?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini tidak tepat. Sebab itu saya sebutkan tadi bahawa Bank Negara Malaysia sedang *review* peraturan yang sedia ada. Tetapi untuk mengelakkan perkara ini, elok kalau kita menasihatkan pelanggan-pelanggan supaya membuka yang sebutkan tadi iaitu akaun *basic* simpanan asas, akaun semasa asas atau (*basic current account*.)

Ciri-cirinya saya sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua. Untuk akaun simpanan asas, ini mulai daripada Februari tahun ini, had deposit permulaan hanya diletakkan untuk membuka akaun simpanan asas ini tidak melebihi RM20. Tiada caj untuk dikenakan kepada perkhidmatan dan penyelenggaraan. Had baki minimum yang dikenakan tidak boleh melebihi RM20.

Untuk akaun semasa, had deposit permulaan hanya RM500. Ini untuk *basic account* yang telah saya sebutkan tadi. Tiada caj dikenakan bagi pengeluaran buku cek dan kecuali dari duti setem dan caj perkhidmatan sebanyak RM10 bagi setiap setengah tahun dikenakan ke atas akaun yang mempunyai baki kurang daripada RM1,000 seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan yang sedia ada dan penyata bulanan percuma. Caj percuma ataupun tidak dikenakan caj terhadap transaksi untuk 16 kali bagi setiap bulan. Yang lain-lain ada ciri-ciri lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

6. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian sedar kegiatan berpersatuan dipercayai dapat mengelakkan belia daripada terjerumus dalam masalah sosial. Tetapi, 70 peratus daripada belia tidak menjadi ahli mana-mana persatuan, termasuk persatuan belia. Apakah perancangan dan tindakan kerajaan terhadap belia yang tidak berpersatuan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sedar bahawa sebahagian besar belia yang tidak menyertai mana-mana persatuan berpotensi untuk terlibat dalam gejala sosial yang boleh merugikan negara, keluarga dan diri mereka sendiri.

Namun begitu, kementerian juga yakin terdapat kelompok yang tidak bermasalah dalam kumpulan belia yang tidak berpersatuan. Ini bahkan mampu untuk mengurus kehidupan dan keperluan masing-masing. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional di bawah teras tidak berpersatuan adalah:

- (i) Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia sedang melaksanakan satu kajian untuk mengenali, memahami dan menghargai sistem nilai, norma, keperluan dan harapan kumpulan belia yang tidak berpersatuan melalui proses penyelidikan kualitatif;
- (ii) menggubal program pendidikan dan latihan belia yang fleksibel dan berteraskan pembentukan kemahiran, hasil pembelajaran yang efektif, nilai-nilai positif dan pembelajaran sepanjang hayat;
- (iii) penyediaan pusat kegiatan belia dengan kemudahan yang lengkap;
- (iv) mewujudkan sekretariat sukarelawan dengan tujuan untuk mengembangkan sifat, keupayaan dan penglibatan sukarelawan di kalangan belia tidak berpersatuan;

- (v) membentuk dan mengukuhkan kerjasama dan perkongsian pintar dengan sektor industri teknologi dan sebagainya;
- (vi) merancang dan melaksanakan program berkualiti yang khusus untuk belia tidak berpersatuan.

Selain langkah-langkah tersebut di atas program Rakan Muda akan diteruskan dengan pendekatan yang lebih menarik dengan tujuan melahirkan belia yang dinamik, prihatin dan mahir. Kewujudan kumpulan penggerak Rakan Muda di peringkat akar umbi akan membantu dalam menarik penglibatan belia tidak berpersatuan untuk terlibat dalam program yang terancang dan berkualiti. Setiap pertubuhan belia juga diminta untuk melipatgandakan usaha menambah ahli pertubuhan masing-masing melalui pelbagai pendekatan yang sesuai dan mampu menarik minat kumpulan belia tidak berpersatuan.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Kementerian Belia dan Sukan ini tidak hanya menumpu kepada sukan sahaja. Pembangunan belia juga penting. Saya lihat sekarang ini program Pembangunan Belia oleh kementerian seolah-olah macam 'hidup segan mati tidak mahu'. Kita ada banyak dasar – Dasar Belia Nasional misalnya yang dibangkitkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, cantik dari segi perancangan tetapi di bawah, di akar umbi tidak ada apa pun. *[Disampuk]*

Saya tidak tahu di kawasan Parlimen lain. Di kawasan Parlimen saya begitu banyak persatuan belia yang tidak bermesyuarat bertahun-tahun. Saya pernah bangkitkan ini di Parlimen, juga pernah bangkitkan di Majlis Tindakan Daerah. Jawapan daripada pegawai belia kata ini bukan tanggungjawab dia, ini tanggungjawab Pendaftar Pertubuhan. Takkanlah ini tanggungjawab Pendaftar Pertubuhan. Persatuan belia ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan, suka tak suka Kementerian Belia dan Sukan bertanggungjawab dan tindakan perlu diambil.

Kerana Tuan Yang di-Pertua, belia ini satu aset negara yang terpenting. Ingat semasa Soekarno, dia kata, "bagi saya 50 pemuda, saya boleh gegarkan dunia ini." Belia cukup penting, sekarang ini dalam konteks yang lain. Beri 50 belia kita bangunkan dia, ekonomi negara boleh maju. Tetapi kalau dia dibiarkan, ada persatuan tak bermesyuarat. Betul Tuan Yang di-Pertua, persatuan belia di kampung-kampung, di daerah-daerah hari ini mati, lesu, tak ada kegiatan langsung. Jauh sangat berbeza dengan 10-15 tahun dahulu macam-macam program ada, hari ini tak ada.

Saya tidak tahu di kawasan-kawasan Ahli Yang Berhormat yang lain. Di kawasan saya begitu keadaan. *[Disampuk]* Bila kita tanya di Parlimen, jawapan daripada kementerian dasar cukup cantik – program ini program itu tetapi di bawah tak ada apa. Saya hendak mintalah jawapan daripada kementerian, saya kecewa sungguh dari segi ini. Saya minta maaf kalau ini kritikan...

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan persatuan yang tidak menjalankan mesyuarat agung tahunan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mengambil tindakan bila persatuan-persatuan tersebut menghantar atau memohon untuk sumbangan, kita memerlukan laporan tahunan sebelum kita memberikan sebarang pertolongan kepada persatuan-persatuan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, memperkasakan semula pertubuhan belia di semua peringkat dan melalui pemberian bantuan dan bimbingan membolehkan pertubuhan belia aktif semula dan membawa imej yang positif dalam masyarakat setempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau ada persatuan-persatuan di tempat Yang Berhormat yang tidak menjalankan mesyuarat agung, saya menyeru kepada Yang Berhormat supaya memberi keterangan itu kepada pihak kementerian untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. *[Ketawa]* Ini akan membolehkan kementerian bekerjasama dengan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah kemerosotan persatuan-persatuan belia. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Oleh kerana ramai golongan belia yang tidak berpersatuan, adakah kerajaan berhasrat untuk mewajibkan semua kampung – kampung tradisional, kampung-kampung baru, taman-taman perumahan, ladang-ladang FELDA, FELCRA dan kawasan setinggan untuk mereka menubuhkan persatuan belia berdaftar agar kita dapat menyelesaikan masalah belia dan membangunkan itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan menyedari fenomena kemerosotan minat belia untuk menyertai persatuan belia dalam pelbagai peringkat khususnya di peringkat kampung. Untuk tujuan ini Menteri Belia dan Sukan telah memberi amanat kepada semua pegawai daerah belia dan sukan supaya memberi kemudahan kepada belia-belia di perkampungan untuk membuka kelab-kelab sukan. Dahulu untuk mewujudkan kelab sukan sesebuah persatuan kena register dengan *Register of Society (ROS)*, dengan izin. Tetapi masa kini bahawa Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja memudahkan untuk membuka persatuan-persatuan belia atau persatuan-persatuan sukan tetapi untuk melibatkan lebih ramai belia untuk menyertai kursus-kursus ataupun program-program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

7. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kerajaan bercadang memperluaskan penggunaan HDNR (High Damping Natural Rubber Bearing) untuk melindungi bangunan daripada kerosakan akibat gempa bumi. Berapa peratus yang telah menggunakannya dan setakat manakah persediaan sistem amaran awal (EWS) untuk melindungi penduduk dari gejala tsunami.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya sebuah bangunan di Malaysia yang menggunakan HDNRB iaitu High Damping Natural Rubber Bearing iaitu sebuah bangunan pejabat tiga tingkat di Lahad Datu, Sabah kepunyaan *Malaysian Palm-Oil Board* yang siap dibina pada tahun 2000. Lokasi ini telah dipilih kerana ianya telah mengalami gempa bumi berukuran 5.8 dalam skala Richter pada tahun 1976. Penggunaan HDNRB juga telah dilaksanakan di atas usaha Malaysian Rubber Board di dua buah bangunan iaitu sebuah di negara Iran dan sebuah lagi di negara Algeria.

Di dalam perkembangan yang berkaitan Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan sebuah kajian bertajuk dengan izin, *The Vulnerability of Public Building Subjected to After-Effect of Seismic Tremor from Earthquake in Neighbouring Countries* yang telah siap pada tahun 2003, manakala fasa kedua kajian yang serupa sedang dilaksanakan di dalam tahun 2005 ini. Dalam pada itu Jabatan Kerja Raya juga telah membentuk sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli-ahli akademik dan mereka yang berkemahiran di dalam bidang gempa bumi bagi melaksanakan satu program dan kajian berkaitan bahaya dan risiko gempa bumi di Malaysia bagi tahun 2005 dan 2006. Setelah kajian-kajian ini diselesaikan Jabatan Kerja Raya akan dapat menentukan kesesuaian penggunaan HDNRB sebagai salah satu kaedah untuk melindungi bangunan daripada kerosakan akibat gempa bumi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah seperti mana yang kita tahu bahawa natural disasters seperti gempa bumi adalah merupakan sesuatu perkara yang tidak boleh dielakkan. Tetapi usaha untuk meminimumkan kerosakan daripada natural disasters ini sebenarnya boleh dilakukan. Oleh sebab itu, saya bertanya kepada Timbalan Menteri apakah kerajaan tidak berhasrat untuk menggalakkan penggunaan *steel reinforcement* ataupun menggunakan besi keluli di dalam kesemua industri pembinaan khususnya pembinaan projek-projek kerajaan disebabkan penggunaan besi keluli dan *steel reinforcement* ini seperti mana yang kita tahu bukan sahaja boleh menjimatkan masa bagi pembinaan satu-satu projek, mempercepatkan pembinaan tetapi juga ia lebih penting akan dapat meminimumkan kerosakan kerana ianya lebih fleksibel, tidak *stiff* dan tidak rigid seperti penggunaan *concrete reinforcement* seperti mana yang berlaku sekarang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat. Kerajaan melalui Jabatan Kerja Raya sebagaimana yang saya jelaskan tadi satu

langkah proaktif telah diambil untuk melakukan satu kajian yang lebih terperinci mengenai perkara-perkara yang berhubung kait tentang reka bentuk bangunan khususnya bagi menangani masalah gempa bumi yang skala Ritchernya lebih besar daripada apa yang berlaku pada hari ini.

Mengikut *code of practise* dari segi *design* yang sedia ada semua bangunan yang telah pun dibina adalah merupakan dalam keadaan yang selamat dan *intact*, dengan izin. Walau bagaimanapun, kajian untuk menaik nilai dari segi reka bentuk dijalankan sesuai dengan tuntutan kehendak dan juga cabaran pada hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang adalah ke arah yang betul Kementerian Kerja Raya mengadakan satu jawatankuasa untuk mengkaji bangunan. Adakah kajian ini akan dibentangkan dalam Parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen dapat meneliti dan untuk menyertai satu perbahasan di dalam Dewan ini dan seterusnya memang betul kita mengkaji bangunan-bangunan, apakah struktur yang lain seperti jalan, jambatan, jambatan dan sebagainya.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan hal ini kerana dari semasa ke semasa kita nampak kawalan ataupun pemantauan JKR tidak begitu berkesan termasuk MRRK2 di Kepong sehingga empat konsultan dilantik belum lagi kita memperbaiki projek itu. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sama ada kita akan kaji walaupun gempa bumi kita bukan di dalam rangkaian api di dunia tetapi kajian yang selanjutnya untuk struktur-struktur yang lain adalah perlu untuk memastikan keselamatan kita.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Seperti yang saya jelaskan sebentar tadi selepas peristiwa gempa bumi pada 26 Disember dan juga Mac yang berlaku ini semua bangunan termasuk bangunan infrastruktur di dalam negara ini berada di dalam keadaan yang selamat dan masih dalam *intact*. Tadi Yang Berhormat bangkitkan tentang masalah *supervision* iaitu kawal selia daripada segi bangunan dan Yang Berhormat juga mengaitkan dengan masalah MRR2 yang telah pun beberapa kali dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini dan jikalau Yang Berhormat untuk mendapat laporan teknikal yang terperinci mengenai kajian yang saya sebut tadi untuk dibuat dengan khusus sebagai perkara yang berhubung kait, dengan izin *seismic tremor* daripada *earthquake* untuk diambil kira dalam reka bentuk yang datang ini, saya akan menyampaikan laporan teknikal kepada Yang Berhormat.

8. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian mempunyai perancangan khusus untuk menyelenggarakan sekolah-sekolah lama khususnya di luar bandar dan memastikan bekalan air ke sekolah-sekolah dapat diselesaikan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan yang telah dibentangkan. Pelaksanaan dan pemantauan bagi penyelenggaraan sekolah-sekolah kerajaan di bandar dan luar bandar adalah usaha berterusan Kementerian Pelajaran dalam memastikan keselamatan dan kualiti bangunan sekolah yang digunakan. Satu perancangan penyelenggaraan yang bersistematik telah diwujudkan di mana kajian menyeluruh sedang dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan sebenar. Kajian ini melibatkan aspek-aspek di dalam komponen bangunan iaitu dari segi struktur, kemas, mekanikal, *electrical*, infrastruktur lain dan persekitaran luar termasuk kecerunan, sistem bekalan air dan perpaipan ke sekolah-sekolah.

Bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar Kementerian Pelajaran menyediakan bekalan air bersih secara sistem *reticulation* awam. Bagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat kemudahan ini Kementerian Pelajaran menyediakan bekalan air secara sistem *gravity*, sistem telaga *tube* dan sistem tadahan hujan. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia memang ada satu sistem tetapi saya lihat kalau ia ada satu sistem untuk membuat kerja-kerja pembaikan, macam mana di negeri Yang Berhormat sendiri, ini adalah laporan yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran yang menyatakan, dengan izin, "*Sixty-one Tamil School in the state...*". *Means*

Negeri Sembilan state. "Also face other problems such shortage of teachers, no proper toilet, canteens and roads". Tidak ada proper toilet, canteens and others. Ten Tamil schools in Negeri Sembilan declare unsafe.

Kalau ia ada satu sistem macam mana ia boleh dibiarkan sampai ia jadi *unsafe*. Apakah sebabnya? Adakah ini kerana ia *Tamil school*, jadi tidak peduli dengan keadaannya.

Seorang Ahli: Undi mahu!

Puan Chong Eng: Tetapi saya rasa, ini bukan *Tamil school* sahaja, ada banyak SRJK(C) dan juga SK khasnya di Sarawak dan Sabah. Ini menunjukkan bahawa sistem ini tidak cukup baik ataupun tidak berkesan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya tidak ada sekolah yang tidak ada *toilet*, tidak ada sekolah yang bangunannya menjadi *unsafe*.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Kementerian Pelajaran kami mempunyai 10 ribu buah sekolah. Kalau tidak ada sistem pemantauan, kalau tidak ada sistem untuk meningkatkan atau ubah suai bangunan-bangunan, sudah tentu keadaan sekolah tidak begitu seperti yang disebutkan dan mungkin lebih teruk daripada keadaan ini.

Memang kita akui, ada sekolah-sekolah, khususnya di luar bandar masih memerlukan bantuan. Oleh kerana itu, tiap-tiap tahun kita minta, kita mohon lebih banyak wang peruntukan untuk melaksanakan projek-projek membaik pulih atau mengubahsuai bilik darjah atau bangunan sekolah supaya ia jadi selamat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya anggap eloklah kita memberikan pendidikan. Membawa pendidikan, kemudahan pendidikan, *access* pendidikan kepada rakyat tidak kira di mana letaknya penduduk. Lebih baik memberi pendidikan walaupun kadangkala keadaan tidak begitu baik, khususnya di luar bandar, Sabah dan Sarawak tetapi kita anggap eloklah kita memberikan kemudahan pendidikan untuk memberikan ilmu kepada rakyat kita supaya ia akan jadi orang yang berilmu dan boleh mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Puan Chong Eng: Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan keberkesanan. Tidak jawab soalan?

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, kena beri arahan.

9. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang menubuhkan Jawatankuasa Pemantau Alam Sekitar yang dianggotai juga oleh wakil NGO yang berwibawa di setiap negeri untuk membantu menjayakan Rancangan Fizikal Negara (RFN).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, pemantauan Rancangan Fizikal Negara akan dilakukan oleh Bahagian Rancangan Fizikal, di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan bantuan setiap kerajaan negeri serta agensi Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

Pada masa yang sama Unit Kawal Selia di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga mengawal selia aktiviti-aktiviti di bawah beberapa seksyen, di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang merangkumi:

- (a) pembangunan bandar baru yang merangkumi penduduk melebihi 10,000 atau meliputi kawasan melebihi 100 hektar;
- (b) pemajuan bagi pembinaan infrastruktur atau kemudahan utama; dan

- (c) pemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit dalam kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu rancangan pemajuan.

Dalam menjayakan fungsi pemantauan dan pengawalseliaan yang turut merangkumi sektor alam sekitar, JPBD Semenanjung Malaysia melaporkan berkaitan *non-conformity* dan *non-compliance* kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara secara berkala setiap tempoh 3 bulan.

Pada masa ini, tiada cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Alam Sekitar Khas yang juga dianggotai oleh NGO untuk menjayakan Rancangan Fizikal Negara, disebabkan oleh wujudnya bahagian seperti yang disebutkan di atas di jabatan di Kementerian. Walau bagaimanapun, penglibatan NGO di dalam kedua-dua atau mana-mana organisasi yang disebutkan adalah tertakluk kepada pertimbangan Majlis Perancangan Fizikal Negara seperti yang telah diperuntukkan di dalam Akta. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan masih berlaku penyelewengan dari segi pengawalan alam sekitar di semua negeri di dalam negara ini, itu menunjukkan ada kelemahan dalam sistem penguatkuasaan. Soalan saya, apakah undang-undang spesifik untuk melindungi kawasan sensitif seperti *mangrove*, *swamp*, *wet lands*, *coral reef* dan sebagainya.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menerima pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam penguatkuasaan mungkin ada kelemahan. Seperti yang saya telah beritahu tadi, baru-baru ini kerajaan telah menubuhkan Rancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, di mana rancangan-rancangan untuk membangunkan semua kawasan sensitif yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mesti menerima persetujuan daripada Majlis ini sebelum proses-proses pembangunan diberi kebenaran oleh kerajaan negeri. Kita berharap melalui Majlis ini pemantauan yang lebih ketat dan menyeluruh boleh didapati untuk mengawal kawasan-kawasan sensitif kita. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabdi bin Yaakob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada semua murid yang berada di *gallery*, terutamanya pelajar dari Sekolah Menengah Purun, Bera. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah syarikat FELDA dan anak-anak syarikat FELDA dan berapakah pendapatannya setiap tahun dan berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi projek prasarana dan kebajikan peneroka di rancangan-rancangan FELDA di seluruh negara setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan FELDA mempunyai 24 syarikat subsidiari, 10 syarikat bersekutu dan 9 syarikat usaha sama. Pendapatan dalam tiga tahun kebelakangan ini adalah di antara RM7.3 juta hingga RM8.4 juta. Manakala keuntungannya adalah di antara RM320 juta sehingga RM450 juta dalam tiga tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA Holdings dimiliki 51% oleh koperasi Permodalan FELDA dan setiap tahun koperasi mendapat dividen kira-kira 12% hingga 15% daripada FELDA Holdings.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa FELDA menjalankan banyak tanggungjawab sosial, umpamanya mulai tahun 2005 kerajaan merancang membina 6 buah kompleks sukan komuniti, 6 buah dewan serba guna bagi memberi kemudahan kepada masyarakat rancangan FELDA. Setiap kompleks sukan kosnya bernilai RM2 juta, manakala dewan pula dianggarkan bernilai RM200 ribu hingga RM400 ribu.

Di samping itu, FELDA juga merancang untuk membina tiga buah kolej komuniti untuk memberi peluang kepada generasi kedua FELDA. Sebagai tambahan saya ingin

maklumkan bahawa untuk tahun 2005, FELDA menyediakan peruntukan tambahan berikut sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya:

- (i) kemudahan asrama anak peneroka RM7.2 juta;
- (ii) latihan vokasional anak peneroka RM30 juta;
- (iii) skim tuisyen anak peneroka RM33 juta;
- (iv) Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan bahawa FELDA akan membelanjakan RM150 juta untuk membaiki pulih bekalan air di seluruh kawasan FELDA di Pahang;
- (v) insentif melanjut pelajaran di pusat pengajian tinggi berjumlah RM30.4 juta;
- (vi) Tabung Usahawan berjumlah RM50 juta; dan
- (vii) skim untuk membaiki rumah peneroka berjumlah RM10 ribu seunit.

FELDA memainkan peranan yang aktif dalam memastikan tanggungjawab sosialnya dimantapkan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini di dalam laporan akhbar ada disebut bahawa masalah dadah menjadi satu masalah yang amat besar di rancangan-rancangan FELDA terutamanya di Pahang. Salah satu perkara yang menyebabkan timbul masalah penyalahgunaan dadah dan sebagainya di rancangan tanah adalah kerana kurangnya aktiviti-aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh golongan-golongan belia di FELDA.

Adakah pihak FELDA bercadang untuk menambahkan peruntukan untuk belia, terutamanya dengan menyalurkan peruntukan-peruntukan tambahan dengan memberikan kepada persatuan-persatuan belia supaya mereka boleh mengadakan program untuk melarikan mereka daripada perkara-perkara yang boleh membawa mereka terbabit di dalam kancah dadah dan sebagainya.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Pada masa ini memanglah dadah ini merupakan satu gejala yang melanda beberapa skim FELDA termasuklah di Pahang. Pendekatan yang diambil oleh FELDA setakat ini ialah untuk memberi latihan dan pendidikan kepada anak-anak di FELDA, termasuklah latihan vokasional, skim tuisyen dan pembinaan dewan-dewan dan pusat komuniti ini adalah langkah-langkah bagi memastikan bahawa belia-belia mempunyai masa ataupun tidak terluang begitu sahaja masa mereka.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti baru yang dirancang oleh FELDA ini kita berharap anak muda akan mempunyai ruang untuk dilatih dalam bidang-bidang tertentu, dengan itu dapat mengurangkan gejala dadah di kawasan FELDA. Mengenai cadangan supaya FELDA menyalurkan peruntukan khusus untuk persatuan-persatuan belia, insya-Allah, kita akan meminta pengurusan FELDA bagi menimbangankan cadangan Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akhiri sesi jawab lisan sekarang.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

Tuan Chong Chieng Jen: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi satu notis bahawa satu usul membincangkan masalah kekurangan diesel dibentangkan hari ini, tetapi Tuan Yang di-Pertua menolak soalan usul saya. Saya ingin membela usul saya kerana alasan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua tidak tepat dan salah.

Di dalam notis usul saya, saya memberikan notis bahawa saya hendak membentangkan usul saya hari ini, bukan kelmarin dan itulah *notice pursuant to* Peraturan Mesyuarat 43. Saya akan membacakan notis saya. Ini adalah untuk memberi notis di bawah Peraturan Mesyuarat 43 mengenai keputusan Tuan Yang di-Pertua menolak usul saya ini dan notisnya telah diberi pada 19 April 2005.

Pada 19 April 2005, saya memberi notis bahawa saya hendak membentangkan usul untuk membincangkan masalah kekurangan diesel pada 26 April 2005, iaitu hari ini. Pada 25 April 2005, Tuan Yang di-Pertua menolak usul saya.

Dalam surat Tuan Yang di-Pertua bertarikh 25 April 2005, Tuan Yang di-Pertua memberitahu bahawa terdapatnya satu usul oleh Ahli Parlimen bagi Bagan yang akan dibentangkan pada 25 April 2005 dan notis usulnya telah diberi lebih awal.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua menolak usul saya mengikut Peraturan Mesyuarat 18(5) yang menyatakan bahawa tidak lebih daripada satu usul boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat. Dalam notis usul saya yang bertarikh 19 April 2005, saya tidak minta bahawa usul saya dibentangkan pada 25 April 2005. Sebaliknya dalam notis usul tersebut memberitahu bahawa saya hendak membentangkan usul saya pada 26 April 2005. Notis saya telah memenuhi syarat Peraturan Mesyuarat 18(2) yang mewajibkan bahawa notis usul hendaklah diberi sekurang-kurangnya 24 jam sebelum persidangan dimulakan. Bukan sahaja 24 jam notis sebelum persidangan hari ini telah diberi tetapi masa 72 jam telah diberi.

Keputusan Tuan Yang di-Pertua menolak usul saya adalah salah. Dalam notis usul tersebut saya telah meminta supaya usul saya dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada hari ini dan bukannya kelmarin. Maka penggunaan Peraturan Mesyuarat 18(7) oleh Tuan Yang di-Pertua yang menolak usul saya adalah salah dan haruslah diperbalikkan. Itulah notis saya. Saya minta usul saya dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, saya telah mendengar ucapan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Usul Yang Berhormat untuk dibawa pada 25 April 2005 iaitu semalam, iaitu sebelum persidangan dimulakan. Akan tetapi ini tidak dapat dilakukan dan telah ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 18(5). Jika dibawa pada hari ini iaitu 26 April 2005 bermakna ia dibawa selepas persidangan dimulakan. Ia tidak boleh dibawa. Ia mesti jatuh dibawa pada 25 April 2005 semalam sebelum persidangan. Oleh kerana ia tidak boleh dibawa kerana ada dua usul pada hari itu, kerana Peraturan Mesyuarat mengatakan hanya satu usul sahaja pada satu hari maka ia tidak boleh dibawa pada hari yang lain kerana kalau dibawa kepada hari yang lain ia sudah lepas di bawah perkataan 'sebelum persidangan dimulakan'.

Lagi pun Yang Berhormat tidak boleh menetapkan tarikh untuk membawa usul itu, kalau Yang Berhormat boleh menetapkan tarikh maka Tuan Yang di-Pertua tidak boleh menetapkan mana-mana tarikh pula. Lagipun kalau Yang Berhormat boleh menetapkan tarikh pada 26 April 2005 bermakna Yang Berhormat juga boleh menetapkan tarikh 27, 28, 29 atau pun sampai bila-bila masa mendapatkan tarikh. Oleh itu elemen ataupun usul yang hendak disegerakan sesuatu perkara itu sudah tidak ada lagi. Oleh itu saya menolak usul Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya meminta perkara ini dikaji oleh kerana kalau kita mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1), benar bahawa ada sebut: "Seseorang ahli yang hendak minta izin mencadangkan supaya majlis mesyuarat ditangguhkan hendaklah mengeluarkan pemberitahu bersurat yang tidak melebihi 300 perkataan kepada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara yang hendak dirundingkan iaitu sekurang-kurangnya 24 jam tidak termasuk hari kelepasan sebelum persidangan dimulakan....". Dan persidangan - *sitting* adalah definisi yang spesifik di bawah Peraturan Mesyuarat 98 yang membezakan *sitting* daripada mesyuarat daripada *session* dan *the sitting* atau persidangan bererti ialah tempoh dijalankan persidangan majlis dengan tidak berhenti-henti termasuk masa ditempohkan persidangan dan termasuklah tempoh majlis bersidang sebagai jawatankuasa.

Sungguhpun ini perlu dibacakan dengan Peraturan Mesyuarat 98 dan Peraturan Mesyuarat 18(5) yang berbunyi: "Tidak lebih daripada satu usul menangguhkan mesyuarat

menurut peraturan ini boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat". Tuan Yang di-Pertua betul apabila berkata bahawa tarikh yang biasanya tidak boleh ditetapkan tetapi dalam kes ini, oleh kerana Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tahu bahawa Yang Berhormat bagi Bagan sudah mengemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), dia sudah tahu bukan dia tidak tahu, kita pun tahu. Tetapi oleh kerana perkara ini tertentu (*specific*) demi kepentingan orang ramai dan *urgent - urgent* sampai sekarang. Hari ini seluruh negara *diesel crisis*. Semua bas sekolah, lori-lori tidak ada diesel. Krisis masih berterusan.

Oleh sebab itu beliau tahu bahawa ada usul di bawah 18 (1) sudah dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa beliau tetapkan dalam keadaan yang luar biasa - yang spesifik itu oleh kerana ada satu usul bahawa hari yang kemudian *at the first opportunity* dan dalam *first opportunity* di sini ialah selepas usul Yang Berhormat bagi Bagan. Bukan boleh tetapkan apa-apa. Saya setuju bahawa dalam Peraturan Mesyuarat 18(1) tidak boleh menetapkan masa tetapi dalam keadaan ini oleh kerana ada Peraturan Mesyuarat 18(5) memperuntukkan bahawa satu usul boleh dikemukakan keadaan itu saya harap kita boleh *interpret* Peraturan Mesyuarat ini supaya dalam keadaan itu boleh membenarkan tarikh kemudian digunakan, oleh kerana kalau tidak Peraturan Mesyuarat 18 ini tidak akan bererti semacam krisis diesel kita tidak boleh menangani dan kalau krisis ini tidak boleh menangani bererti Parlimen sudah cuai dan tidak relevan, tidak *pertinent*.

Saya harap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bolehlah timbang semula oleh kerana di bawah Peraturan Mesyuarat 43 keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah *final* termasuk kaji semula dan untuk membenarkan Yang Berhormat Bandar bagi Kuching untuk boleh mengemukakan usul tergepar ini kerana subjek ini masih kritikal hari ini. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat saya tidak dapat membenarkan usul ini dibawa pada hari ini kerana seperti yang telah saya sebutkan tadi. Juga atas sebab-sebab yang telah saya berikan tadi kerana usul itu mesti dibawa semalam sebelum persidangan dimulakan. Oleh kerana semalam tidak dapat dibawa kerana ada dua usul, maka saya tidak dapat membenarkan usul ini dibawa pada hari kerana jikalau saya membenarkan usul itu dibawa ke hari ini, bermakna bahawa saya sebagai Pengerusi dan Yang di-Pertua Dewan ini akan melanggar peraturan persidangan ini sendiri. Jadi keputusan saya di sini adalah muktamad mengikut Peraturan Mesyuarat 43. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membuka Rang Undang-undang Pendaftar Kapal Layar Antarabangsa Pindaan 2005.

[Dewan kecoh dan riuh rendah dari beberapa Ahli Pembangkang]

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Chong Chieng Jen: Sudah rosak. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah baik.

Tuan Chong Chieng Jen: Kerana tidak peraturan di mana-mana yang memperuntukkan bahawa Ahli Parlimen tidak dapat menetapkan masa usulnya dibentangkan di Dewan ini dan lagi pun yang diperuntukkan dalam peraturan ini adalah sekurang-kurangnya 24 jam. Asalkan 24 jam atau lebihnya diberikan, ia harus dipertimbangkan. Oleh itu *don't kill my motion like that. If you want to kill my motion with a more valid reason. Not a reason like that.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat baik, duduk. Sekurang-kurangnya 24 jam. Lebih pun tidak boleh. Kalau 26 *[Dewan kecoh]* Dengar, dengar dahulu, kalau lebih 26 Yang Berhormat juga boleh bawa 27, Yang Berhormat juga boleh bawa ke tahun hadapan. Ini bermakna

Tuan Chong Chieng Jen:.... mengubahkan. *It's for the Select Committee to change the law to change the peraturan. Until it is change it has to be follow up.*

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara lain. Itu boleh dipertimbangkan.

Tuan Chong Chieng Jen: 24 jam dan tidak ada peruntukan bahawa ia tidak boleh diberi 26 atau 27. *This is not a good reason.*

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum persidangan dimulakan dan persidangan dimulakan adalah pada hari 25 iaitu semalam bukan persidangan pada hari ini. Kalau saya membawa usul itu sebelum persidangan dimulakan pada hari ini saya akan melanggar peraturan. Keputusan dalam perkara ini adalah muktamad. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi Pindaan 2005. *[Dewan masih kecoh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Pembangkang]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk. Keputusan adalah muktamad mengenai perkara ini. *[Dewan bertambah kecoh]*

Cukuplah Yang Berhormat. Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke Peraturan Mesyuarat 18(2), dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan tenang mendengar apa yang saya ingin bangkitkan. Peraturan Mesyuarat 18(2) memperuntukkan dengan izin saya baca: "Seseorang ahli yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan hendaklah mengeluarkan pemberitahuan bersurat....." 18 (2) pemberitahu.

Peraturan Mesyuarat 18(5) "Tidak lebih daripada satu usul menangguhkan mesyuarat menurut peraturan ini boleh dibawa" tetapi Peraturan Mesyuarat 18(2) tidak memperuntukkan tidak boleh bagi dua pemberitahu pada masa yang sama. Pemberitahu tidak kata tidak boleh bagi dua pemberitahu. Dalam Peraturan Mesyuarat 18(5) kata tidak boleh dibawa, maksudnya dibangkitkan dalam Dewan dua usul. Dalam Peraturan Mesyuarat 18(2) tidak kata tidak boleh bagi dua pemberitahu. Itu perkara satu.

Tuan Yang di-Pertua: Diam. Baik. Sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: dan...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: ... dan masalahnya ialah di mana negara kita pada masa 19 hari bulan mempunyai dua isu yang begitu penting dan Tuan Yang di-Pertua, kalau benarkan saya habiskan dulu...dan tarikh yang paling awal boleh dibawakan usul Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ialah pada hari Selasa. Dia tidak minta untuk tarikh yang lain. Peraturan Mesyuarat 18(2) dengan terang menyatakan, dia boleh bagi pemberitahu tidak ada had kepada satu pemberitahu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik.

Cik Fong Po Kuan: Itu yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Duduk, duduk.

Cik Fong Po Kuan: Dan tarikh yang paling awal.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: ...ialah hari ini untuk usul Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya pohon, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah buat keputusan. Keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad. Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling* yang lain kena patuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk. Duduk dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. [*Dewan semakin kecoh*] Peraturan. Ini Dewan yang mulia, DAP jangan jadikan fasallah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Saya telah beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah untuk berucap. Beliau mengatakan Peraturan Mesyuarat 18(2) mestilah dibaca tertakluk juga kepada Peraturan Mesyuarat 18(5) kerana Peraturan Mesyuarat 18(5) adalah spesifik. Tidak boleh ada dua usul di bawa pada satu hari. Sila Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Pendaftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi Pindaan 2005.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kita minta urusan mesyuarat ini diselesaikan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk semua. Yang Berhormat. sila duduk. Sila. Semua Yang Berhormat diam. Saya tidak mahu.... sila Yang Berhormat diam. Bacaan kali yang kedua bila?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh selesai krisis diesel?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh selesaikan krisis diesel?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila.

Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Yang Berhormat sila duduk. Semua Yang Berhormat sila duduk

[*Dewan amat riuh kerana Ahli-ahli Pembangkang membantah*]

Saya minta semua Yang Berhormat duduk. Setiausaha..... Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KAPAL LAYAR
ANTARABANGSA LANGKAWI 2005**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pemerbadanan, pendaftaran dan pentadbiran Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi dan mengenai perkara-perkara yang berkaitannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.35 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah akta mengenai saraan Ahli Parlimen (Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat), Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Anggota Pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan nya.

Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi menaikkan saraan sebanyak 10 peratus daripada kadar sekarang berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 (1) dan (2) rang undang-undang adalah mengenai nama rang undang-undang yang dipinda iaitu Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005 dan tarikh berkuatkuasanya ialah pada 1 Januari 2004.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 3 Akta ibu. Fasal 2(a)(1) mencadangkan elaun bulanan bagi Ahli Dewan Negara dinaikkan daripada RM3,738,090 kepada RM4,112,079 sebulan.

Fasal 2(a)(2) mencadangkan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM5,916.90 kepada RM6,508.050 sebulan. Fasal 2 (b) pula mencadangkan elaun bulanan Ketua Pembangkang dinaikkan daripada RM3,496,090 kepada RM3,846.59 sebulan.

Fasal 3 rang undang-undang bertujuan meminda Seksyen 4 Akta Ibu iaitu mengenai gaji Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Fasal 3(a) mencadangkan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM12,927,020 kepada RM14,219.092 sebulan manakala Fasal 3(b) pula mencadangkan gaji Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM8,800 kepada RM9,680.80 sebulan. Fasal 4(a) Rang Undang-undang adalah bertujuan bagi meminda Seksyen 6(1) Akta ibu iaitu mengenai gaji anggota pentadbiran iaitu seperti berikut: -

- (1) Fasal 4(a)(i) mencadangkan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dinaikkan daripada RM20,751.50 kepada RM22,826.65 sebulan.
- (2) Fasal 4(a)(ii) mencadangkan gaji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dinaikkan daripada RM16,516.50 kepada RM18,168.15 sebulan.
- (3) Fasal 4(a)(iii) mencadangkan gaji Yang Berhormat Menteri dinaikkan daripada RM13,552.00 kepada RM14,907.20 sebulan.
- (4) Fasal 4(a)(iv) mencadangkan gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri dinaikkan daripada RM9,861.50 kepada RM10,847.65 sebulan.
- (5) Fasal 4(a)(v) mencadangkan gaji Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dinaikkan daripada RM6,534.00 kepada RM7,187.40 sebulan.

Fasal 4(b) dan (c) rang undang-undang pula adalah bagi meminda Seksyen 6 (3) dan 6(4) Akta ibu iaitu mengenai elaun Ketua Dewan Rakyat dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat. Fasal 4(b) mencadangkan elaun Ketua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM3,496.90 kepada RM3,846.59 sebulan. Iaitu menyamai elaun Ketua Pembangkang seperti cadangan di Fasal 2(b) rang undang-undang. Fasal 4(c) pula mencadangkan elaun Timbalan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM1,802.90 kepada RM1,983.19 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukkan bagi tarikh gaji dan elaun bulanan itu kerana dibayar iaitu di kuat kuasa mulai 1 Januari 2004. Kenaikan elaun dan gaji bulanan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM3,120, 428.52 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sri Gading sila.

11.41 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya bangun untuk menyokong dan pertama saya berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyedari tugas sebagai seorang wakil rakyat amat berat dan kenaikan ini walaupun masih tidak dapat menampung keperluan yang sebenarnya sebagai wakil rakyat namun kata orang tua-tua, tidak ada cempedak biarlah nangka. Maknanya tidak dapat banyak pun sedikit pun kita berterima kasihlah. Tetapi saya ingin hendak menyentuh sedikit walaupun kenaikan ini tidak sepadan dengan tugas dan beban yang dipikul oleh seorang wakil rakyat Ahli Parlimen. Negara ini baru sahaja mendengar ura-ura elaun ini dinaikkan 10%, negara ini sudah seolah-olah kiamat, Oh! Kiamat!

Rakyat seolah-olah tidak boleh menerima, seolah-olah kepada mereka ini satu kerugian...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh Tanya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih rakan saya di sebelah sahaja. Mahu bisik-bisik tidak boleh kerana Yang Berhormat bagi Sri Gading berkata official. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan pada hari ini di samping kita ingin mengucapkan rasa terima kasih tetapi di sebalik kenaikan 10% ini digembar-gemburkan oleh media-media kita

seolah-olah kita mendapat berlimpah-limpah, ia berkata dalam satu surat khabar saya baca *'more money for MP's'*. Kalau *more money* itu bererti dia berjuta-juta tetapi kenaikan untuk kita lebih kurang RM560 sebulan. Apakah Yang Berhormat ingin menceritakan hal sebenar wakil-wakil rakyat apabila berhadapan dengan rakyat, ini perlu sebab pada saya kenaikan 10% ini tidak memadai, seharusnya kita diberi banyak lagi keperluan-keperluan yang memerlukan kita mengorbankan wang ringgit kita sendiri.....minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti beliau akan bercerita, saya yakin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah yang saya hendak paparkan di Dewan yang mulia ini. Papar, papar mana? Sudah keluar ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Papar belum masuk!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini yang saya hendak jelaskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rantau Panjang, saya belum.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya punya jawab dahulu!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rantau Panjang soalan tidak patutlah, you panggil kuorum selepas itu you keluar pula!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Sri Gading. Saya rasa Sri Gading bersetuju dengan saya kerana saya mengatakan perkara ini di bising sangat oleh semua media masa oleh kerana *wrong timing*. Masa yang dikemukakan oleh menteri kita untuk menaikkan sedikit gaji kepada Ahli Parlimen ini tidak kena pada masa dan adalah tepat. Sepatutnya waktu pegawai-pegawai kerajaan dinaikkan dan di situlah Ahli Parlimen juga dinaikkan barulah tidak dijadikan heboh seperti ini, setuju atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau Rantau Panjang rasa wrong time, dia tidak payah terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading, saya hendak memaklumkan semalam Yang Berhormat Rantau Panjang panggil kuorum sebenarnya ada 26 ahli, hanya dia lupa kira diri dia sendiri*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yalah, dia jahat, cakap dengan dia!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia ini ada niat jahat Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang itu saya tidak tahulah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selepas itu dia keluar pula, dia panggil kuorum selepas itu dia keluar pula, ini niat jahat. Ahli Parlimen tidak boleh macam itu. Rakyat macam tidak seolah-olah macam tidak boleh terima, sinis.

Beberapa Ahli: Bukan rakyat, rakyat okey!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, ada sesetengah rakyat, bukan semua tetapi ramai yang menyokong. Sedangkan wakil rakyat memperjuangkan nasib rakyat. Wakil rakyat memperjuangkan semua masalah rakyat. Kadang-kadang Ahli Parlimen *Backbenchers* ini bergaduh dengan kerajaan dalam usaha hendak memperjuangkan nasib rakyat. Sampai hati rakyat kalau ada yang tidak sudi menerima dan marah dengan kenaikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat adalah dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya, wakil rakyat bertanggungjawab untuk membuat dasar demi keamanan, kemakmuran, kemajuan, keteguhan, kecemerlangan, kegemilangan rakyat dan negara. Mulia tugas ini Tuan Yang di-Pertua, RM500 naik bukan sepadan dengan peranan mulia yang dimainkan. Wakil rakyat bekerja untuk rakyat, bergaul dengan rakyat, bercampur dengan rakyat, bercampur dengan berbagai-bagai lapisan rakyat dan rakyat ini pula mempunyai masalah-masalah dan kerehah-kerehah yang berbagai-bagai dan bermacam-macam. Telah menjadi

budaya di Malaysia ini sejak dahulu Tuan Yang di-Pertua, dan menjadi budaya di negara ini wakil rakyat menjadi payung kepada rakyat. Wakil rakyat di sesetengah pengundi beranggapan wakil rakyat sebagai *welfare* bergerak, pejabat kebajikan, tempat rakyat mengadu, tempat rakyat meminta pertolongan, tempat rakyat menyampaikan hajat, macam-macam hajat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa lama hendak berucap nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bercakap 2 jam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak bolehlah, berilah peluang kepada yang lain. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah yang telah diuar-uarkan oleh rakyat, biar rakyat faham siapa sebenarnya wakil rakyat, apakah kenaikan RM500 itu sesuatu yang luar biasa. Tuan Yang di-Pertua, ada masalah.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jemput.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat berkata, dia mahu bercakap 2 jam supaya apa yang dia cakap boleh disampaikan kepada orang ramai tetapi bagaimana dia cakap akan disampaikan kepada orang ramai apabila satu perkataan akan digunakan dalam media masa dan tidak ada *live telecast*. bukankah kita ada *live telecast* supaya sekurang-kurangnya apa yang dia cakap boleh disampaikan kepada orang ramai...*[Dewan menjadi riuh seketika dengan sorak]*, *live telecast*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa kerana isu ini telah pun diuar-uarkan oleh akhbar dan menjadi tanggungjawab akhbar untuk menyiarkan pula pendapat wakil rakyat yang berkenaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pasti, media kita esok ataupun malam ini televisyen kita akan keluarkan, tengah hari ini saya rasa radio RTM kita akan keluarkan cerita ini. Ipoh Timor, Ipoh Timor jangan kita sangka buruk sangat dengan akhbar-akhbar ini, mereka akan tolong dan saya tahu Ipoh Timor akan berucap dan pasti bila Ipoh Timor kalau menyokong usul ini pun akan keluar dalam akhbar, saya rasalah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada wakil rakyat inilah tempat dia mengadu, kalau dia ada masalah Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jumpa DO, dia tidak jumpa penghulu, dia tidak jumpa doktor, dia tidak jumpa peguam, dia jumpa wakil rakyat, kerana bagi dia wakil rakyatlah yang akan menyelesaikan masalah dan pengaduan-pengaduan yang sampai kepada wakil rakyat kebanyakannya meminta pertolongan yang berkaitan dengan wang ringgit. Anak dia sakit Tuan Yang di-Pertua, anak dia hendak sekolah, mak mertua dia sakit, macam-macam. Dia mati, dia sunat, bertunang, berkahwin.

Saya ada seorang kawan datang jumpa saya, "YB tolong saya malam ini." Berapa? "RM1,000", untuk apa? "Pasal hendak hantar saya kahwin esok RM3,000 hantaran, saya ada RM2,000, RM1,000 kurang". YB macam mana pun mesti tolong. Kalau tidak tolong matilah saya. Tuan Yang di-Pertua apa saya hendak buat, kena tolong juga RM1,000, lepas itu saya cakap dengan orang rumah saya, kalau dia boleh kahwin RM1,000 lebih baik aku yang kahwin.....*[Ketawa]*..... bagi dia RM1,000 dia kahwin lebih baik saya yang kahwin, Tuan Yang di-Pertua setuju?

Wakil rakyat kerja tujuh hari seminggu, 24 jam satu hari satu malam, mana ada orang kerja 24 jam satu hari satu malam, wakil rakyatlah. Seminggu tujuh hari, tidak ada cuti, tidak ada *overtime*. Wakil rakyat Tuan Yang di-Pertua memang tidak ada cuti.

Wakil rakyat dalam satu kawasan, hitung pajanglah 50,000 pengundi, ada berpuluh-puluh masjid Tuan Yang di-Pertua, berpuluh-puluh surau, berpuluh-puluh sekolah,

berpuluh-puluh NGO, berpuluh-puluh persatuan, berpuluh-puluh parti politik, berpuluh-puluh PIBGnya, semuanya mohon bantuan wakil rakyat, dia hendak mesyuarat minta pada kita, dia hendak seminar minta pada kita, dia hendak main bola minta pada kita, dia hendak badminton mintak hadiah daripada kita, dia hendak bola jaring minta pada kita, dia hendak majlis jamuan teh minta pada kita, dan wakil rakyat tidak boleh kata no, no - kalah.

Tuan Yang di-Pertua saya punya wawancara dengan akhbar Berita Minggu, kalau RM5,000 atau RM6,000 untuk diri dan keluarga lebih daripada cukup, tetapi yang kami tanggung ini perkara-perkara yang di luar daripada kewajipan kami, tetapi sebagai wakil rakyat kena buat. Kalau tidak buat wakil rakyat pelokek, wakil rakyat tidak guna, wakil rakyat itu, wakil rakyat ini, akhirnya rakyat benci, pilihan raya kita kalah dan kalau semua wakil rakyat bersifat lokek, kedekut dan bakhil Tuan Yang di-Pertua yang akan kalah wakil rakyat yang mewakili parti, akhirnya Barisan Nasional akan gulung tikar.

Seorang Ahli: Termasuk Speaker.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Tuan Yang di-Pertua ini masalah kita ada majlis Israk Mikraj, Maulud, Awal Muharam, Nisfu Syaaban, bulan Ramadhan, Aidiladha, Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Krismas, Deepavali, Gawai dan Keamatan, apa lagi Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Sri Gading. Saya ingin bertanya pada Sri Gading, adakah Sri Gading cuma menggambarkan di dalam Parlimen ini bahawa bertemu wakil rakyat tertumpu pada masalah-masalah di kawasan seperti kita sebut tadi berbanding dengan tugas sebenar kita di Parlimen yang lebih mencabar, yang lebih elitlah, insya-Allah dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah. Kita membuat dasar dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman rakyat Malaysia terutamanya yang sinis-sinis, terutama wakil rakyat yang Pulau Pinang ADUN yang "bodoh" itu, siapa itu, mana, apa...*[Disampuk]* *[Dewan Gamat]* Batu Maung, dia kata wakil rakyat ini mudah sahajalah, kerja mudahlah, seminggu sekali, dia seminggu sekali kita hari-hari. Dia jenis wakil rakyat tidak guna, penggal akan datang *[Disampuk]* Presiden BN buang dialah, ganti orang lain, kalau dia lagi kalahlah *[Disampuk]* ADUN "bodoh"lah, mana itu. *[Disampuk]*

Batu Maung buat malu sahaja dia tidak tahu, dia pun baru penggal pertama, dia pun jenis lokek agaknya, azablah engkau. Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, saya terbaca kenyataan ADUN Batu Maung ini. Saya sendiri hairan bagaimana dia terpilih menjadi wakil rakyat, saya bagi *confirm* Yang Berhormat, dia betul-betul ADUN yang "bodoh" dalam dunia ini, sebab kalau dia wakil rakyat berjiwa rakyat, dia bekerja untuk rakyat dia kata sidang tiga hari bermakna dia tidak komited dengan perjuangan dia. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada Presiden parti dia supaya orang ini diambil tindakan disiplin, sebab dia tidak bermakna untuk rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Presiden dia, Presiden UMNO.....*[Dewan riuh]*..... Presiden UMNO pecat dia penggal yang akan datang, jangan pilih dia, pilih ramai lagi yang ada dekat Pulau Pinanglah, orang UMNO baik-baiklah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi yang rakyat yang sinis tentang kenaikan 10%, suka saya membuat perbandingan Tuan Yang di-Pertua. Wakil rakyat Malaysia elaun RM5,919, wakil rakyat Australia - RM26,000 Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat New Zealand - RM20,000, wakil rakyat Filipina - RM16,000, wakil rakyat Singapura - RM28,000 Tuan Yang di-Pertua dan, nanti sekejap Rantau Panjang *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang]*..... nanti sekejap, nanti sekejap Rantau Panjang.

Ini ante punya masalah juga sama ini, mereka berganda-ganda daripada kita, Ahli Parlimen Malaysia. Mereka sedap pasal wakil rakyat Australiakah, New Zealandkah, Filipinakah, Singapura, dia tidak tengok longkang, dia tidak tengok rumah terbakar, dia tidak tengok kalau air bah, dia tidak tengok apa berkaitan dengan rakyat, tetapi rakyat Malaysia longkang sumbat Ahli Parlimen pergi, rumah terbakar dia pergi, air bah dia pergi, orang sakit dia pergi, orang mati dia pergi, orang kahwin dia pergi *[Sambil mengetuk-ngetuk meja]*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tangan tidak sakitkah? *[Dewan gamat]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangan sakit, nanti meja pecah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Demi perjuangan Tuan Yang di-Pertua termasuk Tuan Yang di-Pertua punya perjuangan. Saya walaupun sakit tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Harta, harta benda pecah nanti, rosak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada. Okey, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Sri Gading. Sri Gading tadi banding dengan Australia, banding dengan Singapura, banding dengan Filipina, sebenarnya *standard of living* dan *standard of income* ketiga-tiga negara itu beza dengan kita.

Sepatutnya Yang Berhormat kena banding dengan Thailand. Tahukah Thailand Yang Berhormat, *standard of living* dia lebih kurang dengan kita, *standard of income* lebih kurang kita tetapi gaji dia ialah RM16,000 satu bulan, mempunyai tiga orang pembantu. Tiga pembantu, gaji RM16,000 itu sepatutnya Yang Berhormat banding dengan Thailand jiran kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Rantau Panjang ketinggalan zamanlah Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah cakap sudah ni, dia ketinggalan zamanlah, kacau daunlah kau, duduk ajelah, jangan kacau akulah*[Ketawa] [Disampuk].....*

Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Sri Gading dan terima kasih kawan-kawan. Dalam kita membicarakan soal persaraan dan gaji kita ini, saya ada satu sahaja kebimbangan. Kebimbangan kita ialah bagaimana ianya ditulis, bagaimana ianya akan didedahkan besok. Hari ini kita bercakap soal tidak cukup. Saya bimbang wartawan yang mendengar, penulis yang mengolah, penyunting yang akan memberi tajuk-tajuk besar esok, melihat bahawa perbahasan kita ini ialah tentang soal diri kita

Datuk Ronald Kiandee:] Ketereh, you hendak jadi *untouchable*kah, Ketereh.

[Dewan riuh]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, saya tidak hendak komen. Saya bimbang tulisan yang dibuatnya ialah hari ini Dewan Rakyat berbincang soal poket mereka, soal makanan yang hendak masuk kepada mereka. Saya hendak tegaskan di sini dan saya hendak minta persetujuan Sri Gading, yang kita katakan pada hari ini ialah bukan soal poket kita, soal bagaimana kita boleh menjalankan tugas kita dengan lebih baik, untuk kepentingan *tax payer*, pembayaran cukai.

Bagaimana kita hendak menjalankan tugas kita dengan lebih berkesan bukan soal wang dalam saku, bukan soal pendapatan kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak, nanti belum habis. Tengah naik ini Yang Berhormat *[Ketawa]....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ini soal masa hadapan, soal sudah banyak. Empat tadi.....*[Ketawa].....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagilah peluang.

Seorang Ahli: Apa yang naik itu.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang saya hendak sebut ialah kebimbangan ini, saya risau besok dia bincang soal rumah mereka, bukan itu Yang Berhormat, yang kita bincang ialah bagaimana kita boleh menjalankan tugas dengan lebih baik. *Tax payer must pay for this.* Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Saya setuju. Itu sebab saya punya pembukaan, saya menyatakan siapa sebenarnya wakil rakyat dengan tugasnya? Bukan soal pendapatan yang hendak masuk kocek kita tetapi yang hendak saya paparkan kepada rakyat, bagaimana beban tanggungan yang kita berikan kepada rakyat melalui wang kocek kita yang bukan sebenarnya kerja hakiki kita. Itu surat khabar saya rasa akan bersifat adillah kerana kita memaparkan bagaimana tanggungan-tanggungan kita.....

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kekanda Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya agak terpanggil untuk bercakap sedikit, mencelah di sini setelah mendengar apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh sebentar tadi. Isu yang selalu dibincangkan ialah tentang ada beberapa unsur isu moral di sini, isu maruah di sini, di mana kita hari ini berbincang tentang menaikkan gaji kita. Bendanya tidak seberapa tetapi perkara inilah yang dihebohkan kerana ada masalah-masalah lain, rakyat dan sebagainya. Ada negara, misalnya mana-mana negara dalam dunia, inilah yang menjadi isu apabila di kalangan pembuat undang-undang berbincang untuk menaikkan gaji mereka sendiri. Ia diperhatikan oleh pembayar cukai.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ada negara misalnya, Kongres di Amerika, dia membuat peraturan, boleh bincang untuk naikan gaji tetapi ia hanya berkuat kuasa pada penggal yang akan datang. Katanya, dari segi hujah moralnya, di kalangan Ahli Yang Berhormat ataupun pembuat dasar, tidak boleh duduk berbincang untuk menaikkan gaji mereka sendiri tetapi untuk masalah yang umum atas kepentingan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, ia hanya berkuat kuasa pada yang akan datang, bukan untuk diri sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat dalam konteks kita bercakap tentang Islam Hadhari, tentang kelebihan-kelebihan kerajaan yang sekarang, yang kita sebutkan dalam konteks moral tadi? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya bersetuju kalau hendak dibuat peraturan seperti itu tetapi yang kita hadapi sekarang, peraturan yang seperti ini. Saya bercakap berkaitan dengan peraturan yang diguna pakai waktu ini. Kalau ada perubahan-perubahan pada masa akan datang, terpulanglah tetapi saya bercakap dari segi peraturan yang sedia ada pada hari ini, yang berkaitan dengan rasa sinisnya rakyat kepada wakil rakyat, atas kenaikan 10% ini. Datuk, sebagai contoh Datuk ya, bagaimana beban bukan hendak membangkit tetapi supaya rakyat faham bagaimana kita ini, dikehendaki oleh rakyat.

Jemputan kahwin, orang kebanyakan dua jemputan sahaja tetapi, wakil rakyat mempunyai kawasan yang luas, undi yang ramai, 12 jemputan, hari Sabtu, okey. Orang ramai, dia punya duit salaman 'keruk' ini RM10 cukup tetapi kita, dia tidak boleh RM10 pasal sampul surat kita, tuan rumah akan letak atas kocek, atas pasal malam nanti dia hendak tengok Yang Berhormat Mohamad Aziz ini berapa bagi. [Ketawa] Maka itu sebabnya sekurang-kurangnya RM50. Hendak diapakan Datuk, ini maruah kita sebagai Ahli Parlimen dan harapan orang yang menjemput kita, RM50. Okey, 12 jemputan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Ketua Cawangan Yang Berhormat, lain sumbangannya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu kalau Ketua Cawangan, mungkin agaknya RM200. Ada dia punya *rate* tertentulah. Okey, 12 jemputan Datuk hari Sabtu, besoknya hari Ahad 10 jemputan RM50 lagi, katalah RM50. Berapa?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minggu depan lagi, hari Sabtu, lapan jemputan, RM50. Berapa? Ahad pula 12 lagi jemputan.....

Beberapa Ahli: Sudah habis. *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk, ini lain orang Sabah dan Sarawak. Pergi dengan dia punya *long boat* itu RM1,200. Kena lagi bagi makan dekat rumah panjang, kena lagi.

Seorang Ahli: Kinabatangan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau dapat SMS macam ini, macam saya dapat macam mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Datuk punya SMS?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: “Assalamualaikum Yang Berhormat Datuk, saya memohon sumbangan untuk dua orang anak saya pergi Kuala Lumpur”. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, itu contoh hidup Datuk dan Datuk tidak boleh kata, “No”, Datuk akan kata, “Yes”, walaupun dalam hati Datuk merintih. *[Ketawa]* Apa hendak buat, Datuk, “Menangis dalam senyum, Datuk.” Kebanyakan wakil rakyat ini semua senyum ini, bukan main merintih dalam hati. Tidak percaya tanya Jerai. Ini senyum Datuk.

Datuk Ronald Kiandee: Senyum dalam tangisan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kalau kita lihat, Yang Berhormat, kalau pegawai-pegawai kerajaan lain naik gaji, semua rakyat menyokong. Kalau guru naik gaji, rakyat kata bagus, kerajaan bagus, kalau polis naik gaji, semua orang menyokong tetapi bila wakil rakyat naik gaji, semua orang bising. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat beritahu kita, *why?* Apa masalahnya? Apa persepsi yang tidak betul tentang kita ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Inilah persepsi yang salah oleh rakyat. Walhal, beban yang ditanggung oleh Ahli Parlimen itu, seperti yang saya nyatakan, ini pun sedikit sahaja, bagaimana beban yang berat Datuk. Datuk, kadang-kadang kita ini tidak ada duit Datuk, habis duit. Nasib baik orang rumah kita ada, kita minta dengan orang rumah kita. Orang rumah pun kadang-kadang marah, Datuk. Marah pasal dia asyik keluar sahaja, masuk tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi, Yang Berhormat banyak orang rumah, boleh minta banyak. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu kabul, itulah. Itu pun tidak tahan, Datuk. Ini pun dah fikir-fikir hendak cari lagi satu untuk tolong, Datuk. *[Ketawa] [Dewan riuh-rendah]* Ini cerita betul.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya hanya hendak tambahlah, saya daripada bulan November hingga bulan inilah dan bulan Mei ini, memang hebat sekali. Selalunya wakil-wakil rakyat di Sabah ini, khususnya bulan Mei ini, hari Pesta Keamatan.

Seorang Ahli: Sama, sama.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Saya *suggest* sekarang ini, sudah diminta lebih kurang 10 ekor lembu. Satu ekor mahu RM2,000, 10 ekor sudah RM20,000.

Seorang Ahli: Sapi itu apa?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Itu lembu. Beritahu sikitlah, kadang-kadang orang Kelantan pun hendak cakap benda-benda macam ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta ekorkah minta sapi itu?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Lembu, lembu. *[Ketawa]* 10 ekor lembu ini kita bagi dengan orang kampung. Gaji wakil rakyat ini berapa? Itu satu perkara. Daripada bulan sebelas, November hingga bulan ini, aktiviti sukan, *[Disampuk]* macam-macam permintaan diminta RM500, RM1,000. itu dia tekan kita lagi. Dia kata RM1,500. Tekan lagi, wakil rakyat kena bagi RM2,000. Kita ini sebenarnya, manalah hendak dapat duit macam ini, ya.

Kita ini, orang ikhlas dan telus ini, kita korek-koreklah, korek mana-mana bank yang kita simpan lama-lama dulu, yang kita tanam di tanah pun kita angkat balik. *[Ketawa]* Macamlah juga Yang Berhormat bagi Sri Gading kata, dia punya bini-bini pun bagi. Kita ini korek, apa kita jual, getah dan sebagainya untuk membantu rakyat-rakyat kita. Saya mintalah, kalau orang-orang ini hendak tanya, hendak cakap pasal gaji kita baru 10% naik pun sudah diungkit-ungkitkan, diperbesar-besarkan, saya rasa ini tidak setarafah, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kahwin lagilah Pensiangan, selesailah masalah. Cari janda kayalah. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini Datuk, ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, Yang Berhormat bagi Sri Gading belum menjawab, hendak tanya apa Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak. Bolehkah tidak saya gunakan daripada rintihan-rintihan Yang Berhormat bagi Sri Gading, disokong oleh rintihan-rintihan kawan, bak kata pepatah, "*Rumah terbakar nampak asapnya, hati terbakar siapa yang tahu?*" Setuju atau tidak Yang Berhormat? *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Falsafah. Ini Jerai punya falsafah. Betullah. "*Hati terbakar siapa yang tahu?*" Tanggung sendirilah Jerai. Apa hendak buat? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, Ledang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya yakin dalam Dewan ini ada media, di luar Dewan ada media tetapi saya yakin media, dia prihatin, dia adil, cuma kadang-kadang kita tidak cukup masa berhujah, jadi, ada perkara-perkara yang tidak *detail*. Tetapi hari ini, saya yakin dengan hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, daripada A to Z sangat mikro, masalah wakil rakyat daripada yang berurusan dengan di peringkat-peringkat Parlimen, jabatan, sampailah kenduri-kendara dan sebagainya, akan dapat menjelaskan tentang tugas sebenar wakil rakyat.

Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading setuju bahawa ini akan digambarkan dengan sebenar-benarnya oleh media? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya yakinlah media akan menggambarkan sejelas-jelasnya supaya keadilan akan diberi kepada kita. Tuan Yang di-pertua, satu perkara lagi, ini Yang Berhormat Menteri yang jaga Parlimen. Kita sudah begitu beban

ditanggung oleh beban yang berbagai-bagai dari segi kewangan, tetapi kerajaan tidak nak pula bantu kita. Ambil contoh, kita punya bilik hotel - *class standard room*, KSU - *sweet room*. Kita bawahkan atau atas KSU? Eh pembuat dasar! Kalau tidak bergerak Parlimen ini, tidak gerak pentadbiran kerajaan, kalau tidak luluslah di Parlimen ini, tidak ada duit engkau semua. Kakitangan kerajaan, ibu bapanya masuk hospital boleh ditanggung oleh kerajaan, Ahli Parlimen tidak. Ahli Parlimen lahir daripada pokok? *[Ketawa]* Pegawai kerajaan lahir daripada ibu bapa?

Seorang Ahli: Buluh betong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buluh betong. Ini satu keadilan. Kata kerajaan sekarang ini, berbudi bahasa, mesra rakyat, tetapi wakil rakyat tidak diajak untuk bermesra dan berbudi bahasa kepada ibu bapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ramai wakil rakyat yang tidak ada ibu bapa. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi ada yang ada emak, ada yang ada bapa. Macam saya ada emak lagi Tuan Yang di-pertua, mertua lagi. Bapa-bapa mertua lagi. *[Ketawa]* Nak diadakan apa Tuan Yang di-pertua, nasib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu Yang Berhormat cari sendiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Macam penerbangan kapal terbang, kita tidak bagi diskaun yang sepatutnya. Hotel kita antarabangsa lagi tidak laku. Ini layanan kerajaan terhadap ahli Parlimen. Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-pertua, apakah kakanda Sri Gading bersetuju kalau saya katakan bahawa wakil rakyat ini tidak harus *benchmark*nya ini diletakkan sama dengan pegawai kerajaan. Yang jadi masalah kepada kita ini ialah *benchmark* itu ialah *benchmark*, pegawai kerajaan. *Benchmark* itu ialah Jusa C Jusa D dan berbagai-bagai. Saya berpendapat bahawa kita adalah Ahli-ahli Parlimen ini harus ada *benchmark*nya sendiri, bukan berdasarkan kepada *benchmark* dia orang. Saya rasa kalau itu dibuat, perkara ini boleh diselesaikan. Komen Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Komen saya sepatah. Betul. Memang betul. Kita ini sepatutnya itu sebab kita merayu supaya Ahli Parlimen ini duduk di bawah Parlimen, bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh kakitangan kerajaan. Biar diletakkan di Parlimen, kita urus masalah kita sendiri kemudahan-kemudahan yang patut kita dapat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kesemua kemelut ini berlaku disebabkan bahawa di Malaysia ini parti tidak menguasai kerajaan, di sebaliknya kerajaan menguasai parti. Apa pandangan ahli Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah yang selalu disebut-sebut. Kita melaung-laungkan bahawa parti menguasai kerajaan, tetapi dari segi praktiknya kerajaan menguasai parti. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kena fikirilah. Parlimen kena fikir lagi. Ini kemelut yang berlaku beginilah. Wakil rakyat yang membuat dasar, yang lebih tinggi kedudukan daripada kakitangan kerajaan tetapi nasibnya, kemudahannya diletakkan di bawah. Kita Jusa C pun tidak macam ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita membentuk kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, kita membentuk kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tiap-tiap lima tahun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: M1 bukan Jusa C, betapa rendah kita Tuan Yang di-pertua. M 54, betapa rendahnya. Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya dengar cadangan dari Yang Berhormat Ketereh tadi. *Benchmark* kita memang berkaitan dengan kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa kalau *benchmark* kita ini mesti

berkaitan dengan pegawai-pegawai CEO syarikat swasta. Seperti yang berlaku di Singapore, ataupun di Hong Kong di mana wakil rakyat-wakil rakyat mereka, gaji mereka, elaun mereka, insentif mereka, adalah *benchmark* dengan pihak swasta. Apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan kita mesti *benchmark* dengan syarikat swasta atau CEO swasta. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang saya setuju. Umpamanya macam Perdana Menteri - RM 22,000. CEO Petronas berapa dapat? Berapa dia dapat? CEO Tabung Haji berapa dia dapat? CEO Telekom berapa dia dapat? CEO TNB berapa dia dapat? Memang tidak sebanding. Banyaklah GLC-GLC yang boleh jadikan perbandingan bagaimana gaji dia lebih tinggi daripada Perdana Menteri. Tetapi di Singapore Perdana Menteri dia juta dapat. Jemput.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau di United Kingdom, di Amerika, di Australia, di Philippine, di Singapore. Di Amerika di Filipina di panggil *Congressman*. Apabila *Congressman*, dia *full, of honourable* di mana-mana sahaja, dihormati, dilayan dengan berbagai-bagai kemudahan. Tetapi dalam negara kita mungkin kita bukan *Congressman* sebab kita ahli Parlimen, mungkin begitu. Apakah mungkin status kita perlu ditukar jadi *Congressman* barangkali kita boleh di megah-megahkan. Adakah Yang Berhormat mahu bertanya kepada menteri yang bertanggungjawab tentang soal kita ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setujulah 'Man'kan sahajalah. Apa benda. *[Ketawa]* Biarlah kita sepatutnya menerima layanan yang selayaknya. Kita pun tidak mahu yang lebih-lebih yang bukan-bukan. Tetapi janganlah hinakan kita di tempat yang tidak selayaknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Beluran.

Timbalan Yang dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran

Datuk Ronald Kiandee: Layanan. Kita dikeluarkan Kad Ahli Parlimen, cantik, *credit card size*, saya jaga Tuan Yang di-pertua Kad Ahli Parlimen ini saya jaga, saya tidak letak dekat *wallet*, bila letak dekat wallet ia boleh pecah. Saya jaga betul. Tetapi masalah dia, Parlimen keluarkan kad ini, tetapi kalau kita keluar masuk Parlimen, kita tidak payah pakai kad, jadi *most of the time* kita tidak boleh guna. Kita guna kad ini di lapangan terbang, imigresen tolak Tuan Yang di-pertua, imigresen tolak. Apabila kita keluarkan Kad Ahli Parlimen ini, dia tanya "tidak ada ICKah?" Di bank jangan cakap. Penggal lalu kita sudah *confirm* Yang Berhormat Kinabatangan, hantar ke bank kena tolak. Di mana kad ini boleh diguna? Saya tidak tahu. Status kita ini, orang tidak tengok langsung. Kerajaan kita bagi itu tidak sentuh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah salah satu penghinaan. Kalau kad yang dikeluarkan sebagai satu kad istimewa bagi ahli Parlimen, tidak laku di imigresen, imigresen kurang ajar, bodoh! *[Ketawa]* Saya minta maaf, apa guna kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Parlimen tidak laku di imigresen, imigresen jadi apa? Siapa Menteri di imigresen?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh tolong bantu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap, bagi Yang Berhormat bagi Kemaman, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading kerana sekali lagi memberi peluang kepada Kemaman. Satu kehebatan yang dilihat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru ialah tentang kesungguhan beliau untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang bersih daripada

rasuah dengan adanya Pelan Integriti Nasional, dengan adanya Institut Integriti Nasional, dengan membuat pengisytiharan harta dan sebagainya. Tetapi banyak yang berpendapat bahawa salah satu daripada sebab kenapa berlakunya rasuah dalam sesebuah negara sekiranya mereka yang dianggap mempunyai kuasa ataupun hampir kepada kekuasaan, gaji ataupun elaun ataupun pendapatan mereka rendah. Misalnya kalau negara itu, polisnya terlalu rendah gajinya, maka terdedahlah polis itu untuk mencari insentif-insentif yang tidak halal. Ertinya boleh berlaku rasuah.

Ada yang berpendapat kalaulah sekiranya di kalangan pembuat undang-undang seperti Ahli Parlimen yang gaji mereka rendah, yang boleh diketawakan orang tetapi tanggungan dan tanggungjawab mereka itu besar dan mereka ini mempunyai hubungan yang kuat, hampir pada kekuasaan, menyebabkan mereka juga lebih besar terdedah kepada unsur-unsur rasuah begini. Saya minta pandangan, apakah dengan sekadar RM500 sedangkan dengan RM500 naik, sudah SMS suruh belanja lembu dan sebagainya, sekali lagi akan mendedahkan kita semua ini kepada insentif-insentif lain. Tauke-tauke datang minta kita jadi broker mereka dan sebagainya, mendedahkan kita kepada perkara-perkara yang tidak baik tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya minta maaflah Yang Berhormat bagi Kemaman. Ini salah satu perkara yang disalahertikan - disalah sangka Ahli Parlimen. Ahli Parlimen tidak ada peluang hendak buat rasuah ini, dia bukan pegang kuasa yang meluluskan apa-apa. Tetapi rakyat kadang-kadang berfikir bahawa Ahli Parlimen macam yang Kemaman nyatakan, seolah-olah Ahli Parlimen ini penuh dengan rasuah. Sedangkan sebenarnya kalau hendak dikira antara orang politik dengan kakitangan kerajaan, lebih banyak kakitangan kerajaan terdedah kepada rasuah. Bukan Ahli-ahli Parlimen, fasal Ahli-ahli Parlimen tidak ada kuasa. Tidak ada kuasa.

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Muar, Muar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin hendak menambah tentang kemudahan yang disediakan dan saya tidak faham mengapa diberikan kepada saya iaitu kereta api kelas pertama. Di Muar tidak ada stesen kereta api. Saya tidak tahulah yang lain mungkin dapat naik, tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Sri Gading, apakah agaknya rasional diberikan kemudahan kereta api kelas pertama kepada semua Ahli Parlimen? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rasionalnya kerana kita mengikut British. Dahulu waktu penjajahan dahulu dan di London, England, kereta api itu menjadi salah satu pengangkutan yang penting. Maka itu, kerana kita pun mengikut penjajahan British punya pusaka, Kereta api Tanah Melayu – inilah satu-satunya ada Melayu, dia bagi keistimewaan. Walaupun Muar tidak ada kereta api, dia bagi jugalah. Mana tahu agaknya dari Kuala Lumpur hendak pergi Penang berbulan madu, pakailah.. *[Ketawa]*

Saya hendak balik kepada Yang Berhormat bagi Beluran tentang imigresen. Saya hendak minta Perdana Menteri atau siapa yang berkaitan, tolong beritahu jabatan-jabatan kerajaan, tolong iktiraf kad Ahli Parlimen yang telah dikeluarkan oleh Parlimen. Kalau tidak, tarik balik sahajalah kad. Buat apa? Buang sahaja dalam tong sampah. Siapa menteri yang berkenaan?

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya rasa Yang Berhormat Menteri yang menjaga Parlimen boleh jawab soalan ini, boleh atau tidak boleh. Semua jabatan kerajaan

mengiktiraf. Bukan ramai sangat, 219 orang sahaja, 219 kad sahaja dan ini dikeluarkan oleh Parlimen.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dua yang bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, Bukit Bintang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Bintang, silakan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya amat kagum dengan ucapan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading sedar, menurut laporan tinjauan ke atas kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan untuk Ahli Parlimen Komanwel 2002 hingga 2003 yang dilaksanakan oleh *Commonwealth Parliamentary Association*, kebanyakan negara anggota CPA menyediakan sejenis perkhidmatan kesetiausahaan dan ruang pejabat untuk setiap Ahli-ahli Parlimen. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa walaupun Parlimen kita yang mewah ini tetapi tempat letak kereta pun tidak ada untuk Ahli Parlimen. Kadang-kadang kita terpaksa *park* kereta jauh dari bangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading, menurut satu laporan Ahli Parlimen di Taiwan, *basic allowance* mereka ialah RM20 ribu dan untuk *assistant*, kerajaan membayar RM58,750 sebulan untuk *assistant* ini dan *office allowance* ialah RM12,500 di Taiwan. Di Hong Kong adalah RM50 ribu untuk setiap Ahli-ahli Parlimen. Inilah satu hakikat yang benar-benar di seluruh dunia. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kemudahan asas pejabat Ahli Parlimen di setiap kawasan haruslah diberi untuk kemudahan kepada rakyat kerana lebih mudah berhubung dengan wakil rakyat walaupun mereka menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen ada pejabat di tiap-tiap kawasan, ini akan memberi lebih mudah kepada rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan pandangan, pendapat serta cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ini menjadi sebahagian daripada ucapan saya, selesailah. Maknanya apa Yang Berhormat punya ucapan, menjadi sebahagian daripada ucapan saya untuk tindakan Yang Berhormat Menteri dan siapa yang berkaitan dengan Parlimen. Takkanlah seorang Ahli Parlimen kena letak kereta jauh? Hina sangatkah Ahli Parlimen? Tidak kiralah dia pembangkang atau kerajaan, tetapi dia masih Ahli Parlimen yang disebut Yang Berhormat. Yang Berhormat apa jalan kaki tiga batu? *[Ketawa]* Tidak sesuai! Selepas itu naik teksi datang, alahai, menahan teksi, kongsi pula teksi empat orang *[Ketawa]* Hendak bayar seorang sudah tidak mampu lagi, apa hendak buat? "Bertayan" kata orang Melayu, "takyan". Limosin fasal tidak boleh *claim*, kemudian mahal sangat Limosin, tidak mampu, kongsi teksi merah putih itu kan? Alahai, nasib baik tidak naik kereta sapu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, ini penghabisanlah Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya tertarik dengan *authority Parliament Card*. Saya ada dua peristiwa, semalam berlaku – fasal kad. Semalam saya datang Parlimen betul-betul pukul 10 pagi. Pagi itu saya pergi beratur di pejabat imigresen untuk buat pasport anak saya yang hendak pergi ke luar negara. Saya ikut prosedur biasa, beratur pukul 8.35 dapat nombor 1107. Saya tinggalkan anak saya, saya kata, "Papa pergi Parlimen sebab papa ada soalan. Papa datang balik kira-kira dalam satu jam setengah". Saya pergi balik, nombor yang diserve masa itu 1020, nombor saya 1107. Saya tunggu, saya kata kalau saya tunggu sampai pukul satu, saya tidak boleh masuk Parlimen hari ini. Saya pergi ke kaunter, saya jumpa

pegawai imigresen sebab Yang Berhormat bagi Padang Terap, kawan saya ini beritahu, beritahulah kau ini Ahli Parlimen, mudah-mudahan dia layan.

Saya pun pergilah, minta tolong. Saya kata, saya sebenarnya sudah *queue* daripada pagi tadi. Saya hendak masuk Parlimen sekejap, saya tunjuklah kad saya. Saya kata saya Ahli Parlimen hendak minta. Pegawai itu tengok saya, dia kata pergi jumpa bos di depan. Saya pun pergi jumpa bos dia. Bos dia beritahu saya dan saya pun beritahu, saya bukannya hendak dahulu, saya cuma minta selesaikan masalah ini – pengesahan sahaja, saya hanya perlu mengesahkan. Pegawai itu beritahu, pergi jumpa pengarah. Saya kata okey, terima kasih, terima kasih, tidak apa, saya tunggu. Saya pun tunggu di depan. Bila saya tunggu, saya tidak pakai kot, saya pakai *tie* sahaja. Saya tunggu, saya tengok. Dia pun saya tengok gelisah, pegawai ini gelisah. Akhirnya entah macam mana dia panggil anak saya dan akhirnya dia bagi dan perkara itu selesai pukul 11.45 pagi.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah, kad itu tidak ada harga, tidak ada nilai tetapi kerana saya tidak *act*, saya tunggu macam orang bodoh, akhirnya dia bagi. Dia tidak tahu hendak buat apa, dia takut saya kompelin dan hari ini saya beritahu kepada Parlimen. Yang saya hendak sebutkan di sini ialah bahawasanya tidak ada nilai tetapi kalau kita buat macam itu, dia malu. Kalau saya ikut perangai lama, perangai tentera, sudah mengamuk, tetapi tidak mengamuk, diam dan sabar sebab Pengerusi BBC sabar.

Yang kedua, contoh lagi fasal Ahli Parlimen. Seorang sahabat saya, dia ini pelombong antarabangsa. Dia bekerja di Indonesia. Anak dia masuk Maktab Rendah Sains Mara di Muadzam Shah. Oleh kerana dia tidak ada di rumah, datuknya ada di Tangkak, dia minta supaya anak dia ini ditukar daripada MRSM Muadzam Shah pergi kepada MRSM Jasin. Dia datang merayu kepada saya, hendak pergi ke mana lagi? Ahli Parlimenlah tempat merayu, siapa lagi? Hendak tukar sekolah sahaja. Kepada siapa lagi saya hendak merayu? Saya pun carilah siapa dalam MARA ini. Pengerusi MARA ialah, Ahli Parlimen pula. Saya tulis surat kepada Pengerusi MARA, saya hantar melalui Ahli Lembaga MARA, Pengerusi MARA pun minitlah.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat tahu apa jawapan pegawai semalam? Pagi tadi saya terima, permohonan ini tidak dapat dilayan kerana ia tidak mengikut peraturan. Apa peraturannya? Peraturannya ialah kena isi borang melalui guru besar. Kawan ini pergi jumpa guru besar, guru besar sokong, saya tidak tahu dapat atau tidak. Ertinya arahan daripada Pengerusi MARA pun tidak boleh layan. Apa salahnya pegawai ini beritahu, apa salahnya MARA ini beritahu, prosedur tidak ikut, tolong ambil borang dan isi. Tidak payahlah jawab surat ini tidak dilayan. Yang saya hendak beritahu di sini Yang Berhormat ialah itulah status Ahli Parlimen pada pandangan sesetengah jabatan kerajaan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cantiklah. Saya masukkan itu sebagai ucapan saya. *[Ketawa]* Yalah, hendak ulas macam mana, bendanya betul. Benda yang dia sebut itu betul. Saya masukkan sahajalah ucapan Yang Berhormat bagi Ketereh dalam ucapan saya, selesailah saya. Jadi satu lagi...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Kepong hendak jawab, oh hendak *bye bye*. *[Ketawa]* Eh, saya hendak sebut nama *you* tahu. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Duduklah, duduk dahulu, Kepong. Satu lagi, Tuan Pengerusi, ini akhir. Nanti kawan-kawan akan sambung. Ada orang kata, *[Disampuk]* yalah termasuk soal lambang, apa semua sekali, minta diiktirafkan. Ada orang kata, "Eh engkau sudah suka dia wakil rakyat, engkau tanggunglah. Apa hendak bising-bising?" Ini setengah-setengah rakyat atau setengah-setengah pendapat mengatakan, "Eh engkau sudah suka dia jadi wakil rakyat, engkau tanggunglah beban ini".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebab berebut hendak jadi calon, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, ya. Tetapi suka saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bukan semua orang boleh jadi wakil rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Wakil rakyat itu dipilih dan parti hendak menentukan dia menang. Kalau calang-calang orang, dia tidak menang, parti kalah. Bukan soal kita ataupun seseorang itu ingin jadi wakil rakyat tetapi ada kepentingannya.

Ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, boleh kita buang Yang Berhormat bagi Kepala Batas, ganti orang lain, boleh menang? Boleh? Boleh kita buang Yang Berhormat bagi Pekan? Ganti orang lain, boleh menang? Boleh kita buang Yang Berhormat bagi Gua Musang? Ganti orang lain, boleh menang?

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh, tidak. Ambil contoh DAP. DAP beranikah buang Yang Berhormat bagi Kepong? Taruklah orang lain di Kepong, boleh memang ke? *[Disampuk]* Taruk ini sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, DAP buanglah Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, ganti orang lain, boleh menang? *[Disampuk]* DAP berani buang Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Buang Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, boleh menang DAP?

Maknanya ada kaitan dengan individu. Buanglah Yang Berhormat bagi Johor Bahru, boleh menang ke? *[Ketawa]* *[Disampuk]* Tidak, tidak, saya ambil contoh. Buang Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini, buang, ganti orang lain, boleh menang ke? *[Disampuk]* Saya ambil contohlah, buang Yang Berhormat bagi Kalabakan, boleh menang ke? Buang Yang Berhormat bagi Langkawi ini, buanglah Yang Berhormat bagi Langkawi ini hendak tengok, boleh menang? Maknanya ada kaitan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buang Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, boleh menang? *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Persoalan yang kita timbulkan sekarang ini ialah persoalan Ahli-ahli Parlimen kekurangan wang dan penambahan RM500 itu masih tidak mencukupi, itu persoalannya. Saya hendak bagi cadangan sedikit, kalau-kalau tidak membebankan kerajaan dan saya yakin Yang Berhormat pun bersetuju.

Bolehkah Yang Berhormat bersetuju kalau saya meminta supaya Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen Kerajaan meminta pihak yang berkuasa kerajaan melantik semua Ahli-ahli Parlimen sama ada kerajaan atau pembangkang menjadi Ahli Lembaga Pengarah mana-mana syarikat yang besar-besar yang ada di bursa saham. Beratus-ratus syarikat bursa saham. Lantik sebagai pengerusi tidak payah, lantik sebagai pengarah, bagi elaun RM10 ribu atau RM20 ribu tiap-tiap seorang. Saya rasa sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okaylah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu modal kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, tunggu PAS memerintahlah. Itu sahajalah. *[Ketawa]* Tidak boleh masuk dalam ucapan saya. *[Ketawa]* Tidak, ambil contoh ini tadi. Kata orang, "Ha, engkau punya suka". Cuba buang Yang Berhormat bagi Padang Rengas, hendak tengok, ganti orang lain, boleh menang ke di Padang Rengas? Maknanya individu itu penting hendak memenangi parti. Buanglah Yang Berhormat bagi Sri Gading, hendak tengok. Oooh!

Beberapa Ahli: Oooh! *[Disorak]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Ini bukan saya cakap besar. *[Disampuk]* Buang Yang Berhormat bagi Putrajaya, boleh menang? Bukan semua orang boleh jadi wakil rakyat dan dia boleh menang. Ini Yang Berhormat bagi Padang, boleh menang pasal apa, sebab buang Othman Abdul. Kalau Othman Abdul jadi calon lagi, ustaz kita, Allah, tidak menang kita. *[Ketawa]* Tetapi pasal salah calon, kalah. Bukan sebarang orang.

Buanglah Datuk dua A ini, buanglah dekat Bachok, hendak tengok, boleh menang tidak boleh menang? Jadi masyarakat jangan sinis, “Ha, engkau hendak, engkau tanggunglah”. Ada kepentingan parti dalam usaha hendak membentuk kerajaan yang berkaitan dengan peribadi seseorang itu. Maka itu dia jadi menang. Jadi bukan kehendak individu itu sendiri tetapi ada kaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Buang Yang Berhormat bagi Arau, ingat boleh menang tak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, buanglah Yang Berhormat bagi Arau, hendak tengok. *[Disampuk]* Buang Yang Berhormat bagi Jerai, hendak tengok. Ini sebagai contoh. Buanglah Yang Berhormat bagi Santubong, hendak tengok. Buanglah Yang Berhormat bagi Batang Lupa ini, hendak tengok boleh menang tidak boleh menang. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Dia menang tanpa bertanding.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia menang sampai menang tanpa bertanding. Pasal apa, dia punya peribadi. *[Disampuk]* Allah, bagilah saya peluang. *[Ketawa] [Disampuk]*

Okay, Tuan Pengerusi, okay, kerana rakan-rakan lain hendak berucap, Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan dahululah, Sabah.

12.36 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung hujah-hujah rakan saya berhubung dengan masalah-masalah.

Pertama sekali saya juga ingin turut merakamkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan berhubung dengan kenaikan sedikit elaun wakil-wakil rakyat. Pada saya, Tuan Pengerusi, bukan itu masalah yang perlu kita lihat tetapi terdapat banyak keperluan yang perlu kita ubah suai dan saya berpuas hati kerana menteri yang bertanggungjawab dengan undang-undang ini ada di sini, jadi saya ingin menyampaikan hasrat rakan-rakan dan juga saya sendiri iaitu supaya mengkaji sedikit perubahan sebab Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membicarakan soal bagaimana masalah-masalah yang dihadapi oleh wakil rakyat dan saya tidak akan ulangi.

Cuma pada saya kita pada hari ini harus menganjak kerajaan supaya meletakkan wakil-wakil rakyat ini kepada satu dimensi di mana agensi-agensi, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan itu tahu siapa wakil rakyat mereka, tahu siapa wakil-wakil rakyat dalam negara ini sebab saya mengulangi, satu kelemahan kita, kad wakil rakyat, saya cabar pegawai imigresen di Kota Kinabalu, dia kata, “YB, kad ini tidak boleh dipakai.” Saya kata “Awak cuba cakap satu kali, saya *sue you*”. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sebab ini pengiktirafan. “Panggil *you* punya pengarah jumpa saya, katakan kenapa kad ini tidak laku”. Ini kelemahan kita.

Justeru itu pihak pentadbiran di Parlimen ini harus mengklasifikasikan kad ini sebagai kad terpakai di kaunter-kaunter kerajaan. Ini masalah kita. Saya harap kakitangan di Parlimen, setiausaha Parlimen, dia dengar ucapan saya, dia dengar di pejabat dia, buat perkara ini.

Dato' Yap Piah Hon: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Serdang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Silakan, Yang Berhormat bagi Serdang.

Dato' Yap Piah Hon: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ada pengalaman semasa saya pergi satu pejabat kerajaan itu, saya tunjukkan kad itu bahawa saya Ahli

Parlimen. Dia kata, "Kad ini tidak guna. Ini adalah kad tiruan." Mungkinkah tiruan? Mesti mahu IC, baru dapat masuk jumpa ketua jabatan itu.

Yang Berhormat, adakah bersetuju kalau kad ini boleh dijadikan tiruan dan menjadi masalah kepada Yang Berhormat. Jadi apa pandangan daripada Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, sebab itu masalah. Seharusnya dalam kad itu dimaklumkan bahawa kad ini boleh diterima pakai di mana-mana agensi kerajaan, mungkin bukan di banklah sebab bank ini melibatkan pengeluaran kewangan, boleh disokong dengan kad pengenalan yang asal tetapi melibatkan perjalanan, melibatkan pengurusan-pengurusan di kaunter kerajaan.

Kita, wakil rakyat, kita gunakan kemudahan kad wakil rakyat, kenapa tidak boleh laku? Tetapi terus-terang, kalau berlaku dengan saya, saya akan sergah pegawai itu sertamerta. Yang Berhormat bagi Ketereh mungkin dia sudah lemah, sudah lembut, tetapi saya tidak. Saya akan sergah pegawai yang bodoh itu sebab....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ...saya akan katakan, "Pegawai *you* bodoh!".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah berucap, bangun lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, ini hendak menambah. Boleh tidak semua jabatan kerajaan, mungkin agaknya muka wakil rakyat ini dia tidak kenal, gambar kita ditaruk sama sebaris dengan Menteri. *[Ketawa]* Ini rasmi, ini rasmi. Boleh tak agaknya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, semua gambar kita 219 orang, taruklah dengan nama kawasan, gambar muka yang besar sedikitlah, jangan kecil tidak kenal itu. Jadi semua jabatan kenal bagi menyenangkan wakil-wakil rakyat kenal dan masalah ini tidak berbangkit.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, saya bersetuju dengan Sri Gading. Sudah tiba masanya seperti saya bertanya tadi kalau di negara-negara, mungkin mereka negara maju. *Congressman* mereka, Ahli Parlimen mereka diiktiraf dengan penuh penghormatan tetapi kita tidak dipandang dan sinis pula. Rentetan....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dah dengar daripada mula perbahasan tadi khusus daripada Yang Berhormat Sri Gading dan saya amat tertarik. Inilah pertama kali sejak 16 tahun saya duduk di Dewan ini, Ahli Parlimen bercakap banyak mengenai kelemahan dari pihak-pihak kerajaan, pegawai kerajaan khususnya.

Oleh sebab Ahli Parlimen tidak pernah bercakap berhubung dengan kepentingan Ahli-ahli Parlimen itu sendiri, jadi kali ini baru kita mendengar selepas beberapa tahun bahawa banyak masalah, banyak rintihan, banyak kelemahan dan kebodohan yang kita lihat, yang orang lain tak mengerti siapa Ahli Parlimen ini. Saya dengar tadi soal kad, saya sendiri juga terkena Yang Berhormat, saya ialah Naib Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia, di bawah kad pergi polis *headquarters*, tak terima kad saya. Saya tidak boleh menengking kerana di tempat polis itu ialah tempat *protected area*. Kalau saya menengking saya boleh ditangkap dan dimasukkan ke jail, saya tahu undang-undang.

Saya diam, okey saya balik. Tujuan saya nak pergi ke Bukit Aman itu untuk mesyuarat, jadi tidak dapat hadir mesyuarat. Saya kata kepada Presiden, saya tidak boleh hadir oleh sebab kad saya tidak diterima. Saya balik ke Parlimen, alhamdulillah saya boleh menghadiri Parlimen dari pukul 10 pagi.

Semua perkara lain seperti soal kemudahan dan sebagainya ialah menunjukkan bahawa pegawai-pegawai kerajaan menilai Ahli Parlimen daripada atasan sekali, daripada pihak KSN, dia mesti mengetahui apa sebenarnya Parlimen ini. Parlimen adalah salah satu daripada badan yang menubuhkan negara ini iaitu Badan Kehakiman, Badan Parlimen, dan Badan Eksekutif iaitu Perdana Menteri dan di bawahnya, di bawah Yang di-Pertuan Agong.

Oleh sebab tidak melihat bahawa kita ini adalah sebahagian daripada Yang di-Pertuan Agong dan membina satu negara Malaysia ini, tidak dilihat sedemikian. Itulah kenapa kita dipandang sebagai anak buah kecil sahaja, kalau tidak kita sepatutnya setimpal, duduk sama dengan Eksekutif, dengan Perdana Menteri dan kita di sebelah sebagai Ahli Parlimen. Dan sebelah sini KSN, dengan orang dia di bawah Perdana Menteri dan sebelah lagi hakim. Kita ini sama tahap dan tinggi kita dengan pihak Kehakiman dan pihak Eksekutif.

Tapi oleh sebab kita tidak pernah bercakap sehingga sekarang, jadi orang anggap kita ni mungkin tak nak bercakap, oleh sebab yang disebut oleh Yang Berhormat Kemaman tadi, kita tidak pernah menuntut hak kita. Hak-hak di bawah undang-undang, hak-hak kita di bawah semua konvensyen yang telah wujud beribu tahun mengatakan Ahli Parlimen ini, mana hak dia?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa hari ini kita sama-sama bertuah sebab kita boleh menyuarakan, menyatakan tuntutan kita, hak kita. Hari ini saya wakil rakyat, bukan saya menuntut untuk saya tapi saya menuntut untuk wakil-wakil rakyat akan datang juga akan menerima apa yang seharusnya mereka terima iaitu contohnya, seperti yang saya dan Sri Gading gambarkan. Santubong ceritakan banyak dasar ini merupakan kelemahan kita dan masyarakat harus tahu, bahawa Parlimen ini adalah merupakan satu kuasa tertinggi pemutus dasar dan menjadi penggerak dasar kepada kerajaan kita yang ada pada hari ini.

Bagaimana, di mana logik dia? Di mana relevan dia? Salah satu suara badan pemutus dasar itu tidak diiktiraf oleh pegawai-pegawai kerajaan yang rendah. Ini merupakan satu penghinaan, justeru itu kalau saya dilakukan sedemikian, saya akan sergah pegawai itu dan saya akan katakan dia adalah pegawai yang bodoh dalam dunia ini. Tetapi banyak wakil rakyat contohnya daripada Beluran, dia macam lemah, dia tidak mahu membuat *argument* dengan Ketereh mungkin sudah letih, tetapi dengan saya *sorry*. Saya tidak akan mengikut kata-kata pegawai yang bodoh pada hari itu. Saya akan nyatakan, saya akan *confirm* dia memang bodoh sebab dia tidak kenal wakil rakyat dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada menteri yang bertanggungjawab iaitu untuk melihat, untuk menyerlahkan lagi wakil-wakil, sekejap. Menyerlahkan lagi wakil-wakil rakyat kita, penginapan hotel kita ini, pegawai kerajaan kelas 'A' dia dapat *deluxe room*. Kita Ahli Parlimen mendapat '*standard room*', '*standard room*' ini harganya RM120. Jadi bayangkanlah bagaimana kita wakil-wakil rakyat mahu menginap di bilik yang sebegini, dengan kemudahan *internet* tidak ada, apabila kita tinggal dengan harga yang lebih, dia akan caj kepada kita. Perkara yang memalukan rasa saya, tidak pernah berubah-ubah.

Pembayaran teksi RM10, pergi balik RM20, saya tengok Yang Berhormat, menteri yang bertanggungjawab tolong bawalah perkara ini sebab ini amat memalukan, *ridiculous*, *tomorrow* bas, bukan saya seorang saja, banyak rakan-rakan saya naik teksi daripada Sarawak, Sabah. Ya, Jerai, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya mendengar rintihan dengan teliti dan menghayati dan saya buat satu konklusi. Apakah kalau seseorang itu menghina wakil rakyat, mereka menghina rakyat kerana kita ini dipilih oleh rakyat. Menghina kita ini, bukan menghina Badruddin, tidak tapi menghina jawatan kita ini adalah menghina kepada rakyat yang telah memberi mandat kepada kita. Yang Berhormat bersetuju tak dengan saya?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya memang bersetuju Yang Berhormat sebab kita ini mewakili rakyat. Kita membentuk kerajaan ini, pegawai-pegawai kerajaan harus tahu mereka bekerja dengan kerajaan yang kita urus, yang kita bina, yang kita bentuk.

Bukan mereka membina kerajaan ini, kita wakil-wakil rakyat membina, membentuk kerajaan yang ada ini. Ini jelas, tidak ada sesiapa yang boleh menafikan dan saya rasa semua ahli akademik bersetuju bahawa kerajaan ini dibina oleh kita, bukan mereka. Mereka adalah sebahagian daripada kita, kita tidak minta yang bukan-bukan, yang tidak relevan, yang bukan hak kita. Kita minta mereka memahami siapa kita untuk memudahkan tugas kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Nanti Tuan Yang di-Pertua, dia dah dua kali tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kekanda Kinabatangan. Berbalik kepada peranan Parlimen tadi, mengikut rekod Parlimen tidak pernah menolak rang undang-undang yang dibentangkan. Rang undang-undang yang didraf oleh pegawai-pegawai kerajaan, maknanya itu mungkin satu senario, di mana segala yang didraf oleh pegawai kerajaan dan diluluskan oleh Kabinet, tidak pernah ditolak di Parlimen. Maka mereka mungkin menganggap bahawa Parlimen adalah *rubber stamp* tetapi pada masa dulu kita memberi input yang banyak, yang bernas kepada pihak kementerian. Apakah pandangan Kinabatangan bahawa walaupun sistem kita mungkin tidak menolak rang undang-undang, tetapi kita memberi input yang besar kepada rang undang-undang yang dibentangkan supaya pada masa akan datang ada input-input yang boleh digunakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya perkara ini telah kita suarakan dan kita meminta kepada kerajaan, kepada kementerian-kementerian yang terlibat sebelum apa juga untuk Akta atau undang-undang yang dibawa ke Parlimen, harus terlebih dahulu dibincangkan kepada kita. Sebab kita adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk menentukan sama ada dia diterima ataupun tidak. Saya percaya Yang Berhormat Menteri kita prihatin dan beliau duduk daripada tadi tidak bergerak-gerak memang mahu tahu inti pati ucapan daripada kita. Jadi saya bersetuju, silakan Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Saya setuju cadangan untuk mengkaji tambang teksi ini, dia punya kelayakan untuk lebih daripada teksi. Limousin umpamanya dicaj satu perjalanan daripada hotel ke Parlimen lebih kurang RM45 ke RM50 sekali, tetapi disebabkan kita tidak layak menerima itu, cuma layak RM10, so kebanyakan naik teksi.

Satu perkara lagi yang harus ditimbang oleh kerajaan adalah melihat kelayakan pencen. Ketika ini peraturan yang berkuat kuasa kita cuma layak mendapat pencen setelah mencapai umur 50 tahun walaupun kita berhenti menjadi wakil rakyat pada umur yang awal tetapi kita cuma layak menerima pencen ini pada umur 50 tahun. Saya melihat bahawa ini satu perkara yang juga harus dikaji oleh kerajaan, biarlah wakil rakyat menikmati pencen mereka sebaik sahaja mereka berhenti menjadi wakil rakyat.

Kalau pegawai kerajaan ditetapkan pada umur 56 tahun, wakil rakyat seperti yang dibicarakan awal tadi daripada awal sekalipun elaun kita itu sendiri sebahagian besar daripada elaun itu tidak digunakan oleh wakil rakyat untuk keluarganya, untuk lain orang dan untuk masyarakat yang kita wakili. Soal pencen ini juga harus dikaji kerana ia akan memberi beban kepada wakil rakyat, umpamanya wakil rakyat yang akan berhenti pada umur 47 tahun terpaksa menunggu 3 tahun lagi untuk layak menerima pencen. Saya rasakan bahawa *it's fair*, adalah adil bagi kerajaan untuk mengkaji semula peraturan ini dan selaraskan dengan kehendak masa kini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Molek. Tuan Yang di-Pertua, saya akan jadikan ucapannya sebahagian daripada ucapan saya.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Tepuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Cantik, menteri kita dengar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, seputeh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh hendak suruh masuk juga ucapan dia Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Tengok dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti dahulu, tengok dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebelum saya berucap, saya berharap dahulu Yang Berhormat Kinabatangan akan masukkan kenyataan saya dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya telah dengar banyak cerita, saya berasa hairan Ahli Parlimen Barisan Nasional juga menghadapi masalah tentang pengiktirafan oleh pegawai kerajaan.

Bagi saya sebagai Ahli Parlimen parti pembangkang, kadang-kadang layanan yang diberikan kepada kami ini lagi teruk. Saya bagi satu contoh, pada 2 April iaitu pada hari Rabu yang lepas saya menghadiri satu taklimat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada para pengusaha pusat hiburan di Kuala Lumpur tentang kempen antidadah oleh kerajaan. Bila saya terima jemputan ini saya rasa saya harus sokong usaha kerajaan dan saya pun menghadiri taklimat itu.

Selepas saya menghadiri aktiviti itu barulah saya diberitahu oleh pembantu saya bahawa satu faks dihantar ke pejabat saya mengatakan taklimat itu adalah untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja dan dia minta maaf dan tarik balik tetapi saya sudah hadir. Saya tengok notis ini terlalu lewat. Saya berasa amat terhina kerana saya rasa kenapakah aktiviti dan taklimat seperti ini hanya untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja di mana usaha untuk menentang penggunaan dadah haruslah juga disokong oleh Ahli Parlimen dari parti pembangkang juga. Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekejap sahaja, sekejap sahaja. Saya ingin beri pandangan saya. Selalunya banyak taklimat yang dibuat oleh pihak kerajaan di Parlimen kita ini hanya untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja dan selalunya taklimat itu adalah mengenai dasar dan usaha kerajaan terhadap sesuatu kempen. Saya rasa ini adalah amat tidak adil dan ini juga adalah satu diskriminasi dan ketidakadilan terhadap Ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang di mana kita juga mewakili rakyat. Kenapakah terdapatnya dua standard dari segi ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu lagi berkenaan peruntukan pembangunan di kawasan Parlimen *[Disampuk]* kenapakah kami di sini telah dilupakan kuasa untuk mendapat peruntukan pembangunan kerana peruntukan itu haruslah diberi oleh wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk rakyat di kawasan itu. Kenapakah peruntukan ini dilupakan? Saya rasa Yang Berhormat bagi Kinabatangan selalu memperjuangkan hak asasi bukan sahaja Ahli Parlimen dan juga rakyat di kawasannya yang tertindas itu, saya berharaplah Yang Berhormat juga akan menyokong perjuangan kami di sebelah sini, walaupun kami dari parti pembangkang dan juga memperjuangkan kesaksamaan dan keadilan di antara semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini. Ini termasuk dalam ucapan Yang Berhormat, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Seputeh dan Tuan Yang di-Pertua. Saya simpati dengan nasib pembangkang tetapi apa yang mahu dikata, inilah nasib pembangkang. *[Ketawa]* Walaupun mungkin sebahagian daripada layanan-layanan itu kita tempuhi bersama tetapi dalam situasi-situasi yang tertentu pembangkang memang tidak diperlukan dalam menghadiri perbincangan soal-soal dasar kerajaan.

Dalam insiden tadi saya simpati dan saya tidak boleh menerima yang sudah dijemput kemudian di *deny* balik. Itu saya tidak setuju. Dalam soal-soal yang lain, taklimat-

taklimat yang apabila melibatkan dasar kerajaan memanglah pembangkang tidak boleh diberitahu sebab kalau kita beritahu diumpamakan kita ambil kayu pukul kepala sendiri. Jadi, kita tidak mahulah ambil kayu pukul kepala sendiri. Jadi, inilah nasib pembangkang. Kalau mahu mudah mengetahui dasar-dasar kerajaan masuklah Barisan Nasional.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bukan susah sangat, bukan sakit!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lagi senang! Masuk Gerakan kah, MCA kah pun boleh.

Tuan Lim Hock Seng: Poorah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ada lagi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, terima kasih. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, pada pandangan saya di antara semua kementerian kerajaan kita saya paling menghormati Menteri wanita, masyarakat apa itu?

Tuan Chow Kon Yeow: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil Yang Berhormat bagi Lembah Pantai kerana semalam apabila kementerianya merangka Rancangan Malaysia Kesembilan, beliau menjemput ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini untuk menghadiri satu perbincangan termasuk wakil rakyat daripada parti pembangkang. Sebelum itu, selepas kementerianya dibentuk selalunya bila mereka ada satu pembentukan dasar tiap-tiap tahun, beliau akan menjemput wakil rakyat wanita daripada parti pembangkang untuk sama-sama membentuk dasar kementerian itu.

Saya sangat menghormati Menteri ini malah saya pernah memujinya secara terbuka kerana dia mempunyai fikiran yang terbuka di mana kementerianya cukup sudi menerap idea dan juga sumbangan daripada parti pembangkang. Jadi, saya rasa beliau haruslah dicontohi oleh kementerian-kementerian Kabinet yang lain supaya wakil rakyat daripada parti pembangkang juga dihormati dan idea kita ini juga diambil kira semasa pembentukan rancangan. Saya berharap Yang Berhormat Kinabatangan juga menyokong pandangan saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya menyokong. Saya memang bersetuju sebab ada perkara-perkara perlu dikongsi dengan pembangkang. Soal strategi tidak ada masalah. Bagaimana mengurus peranan wanita untuk masa depan tetapi ada perkara-perkara yang melibatkan dasar, memang pembangkang tidak dipanggil. Jangan berkecil hati sebab itulah hakikatnya, realitinya. Kalau mahu dipanggil 24 jam, masuk kita, tidak salah.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat. Ada dua yang bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bukit Mertajam, okeylah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh, ya, *ladies first*.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Selalunya apabila timbul masalah seperti masalah penyalahgunaan dadah kerajaan akan kata inilah membanteras, memerangi dengan dadah ini adalah tanggungjawab semua termasuk pembangkang, ataupun berperang membanteras korupsi itu adalah tanggungjawab semua termasuk rakyat. Sampah pun kerana tidak bersih itu pun tanggungjawab semua.

Mengapa apabila datangnya taklimat, dasar itu dasar kerajaan bukan strategi Barisan Nasional hendak melawan dalam pilihan raya. Kenapa tidak boleh jemput wakil rakyat dari pihak sini? Kami mewakili rakyat juga. Pada akhirnya kerajaan mahu kita bekerjasama supaya menerangkan dasar kerajaan kepada rakyat juga. Saya ingin katakan saya juga pernah dijemput menghadiri taklimat untuk korupsi. Selepas itu jemputan itu ditarik balik. Saya dijemput menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pembangunan Wanita tetapi selepas itu ditarik balik semata-mata kerana saya dari parti pembangkang. Adakah itu adil? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, hendak habiskan ucapan atau hendak sambung?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mahu habis boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi dua minit untuk gulung.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tiga minit boleh untuk gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya serahkan, saya ambil ucapan Yang Berhormat itu sebahagian daripada ucapan saya untuk Menteri jawab sebab Menteri boleh jawab persoalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir, saya ingin bertanya kepada (JPA) Jabatan Perkhidmatan Awam sebab kenapa mereka begitu laai, mengapa JPA begitu lambat mengambil tindakan untuk melantik lebih kurang sepuluh orang pembantu-pembantu wakil-rakyat sedangkan perkara ini telah diputuskan oleh kerajaan. Kenapa?

Saya mahu tanya JPA, apa dia buat pada ketika ini? Kenapa mahu melantik pegawai sebegini pun mengambil masa berbulan-bulan? Apakah negara kita ini negara terlalu teruk? Apakah pegawai-pegawai JPA ini sudah tidak tahu apa mereka buat? Saya mahu jawapan. Kalau mereka tidak boleh melaksanakan kerja ini, tolong berhentikan mereka ini. Mereka ini menyeksa kerajaan, merugikan kerajaan dan merugikan rakyat! JPA ini sudah hilang akallah, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Tepuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mereka bukan lagi manusia sehingga tidak boleh melakukan perkara-perkara yang mulia. Kerajaan telah putus, dasar telah buat.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya kepada Yang Berhormat bahawa tentang soal tanggungjawab JPA. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya JPA sudah pun menyerahkan waran kepada Parlimen dan perkara ini dalam proses. Tidak payahlah kita.... adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau perkara itu dalam proses? Boleh atau tidak Yang Berhormat menerima cadangan saya supaya kita sabar sahajalah dan jangan merujuk kepada mana-mana pihak sebagai binatang ataupun haiwan. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya sebetulnya tidak pernah menyebut binatang ataupun haiwan tapi saya kata hilang akal. Jadi,.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sekejap, sekejap. Saya telah dimaklumkan bahawa dia tergendala di JPA. *The latest news* saya tidak tahu. Kalau inilah berita yang terkini saya menerima dan saya bersyukur.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dah gulung tiga minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin:sebab perkara ini dapat diselesaikan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru sebab.....

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, Batu Gajah. Cukuplah Batu Gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya sudah menggulung, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Pendek. Saya rasa adalah baik Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik dan mohon maafilah.

Tuan Lim Hock Seng: Tarik balik, tarik balik.

Cik Fong Po Kuan: Tidak baik kata pegawai-pegawai kita bukan manusia sebab kita mesti mematuhi. Kita mesti cari apakah masalah dan juga apakah kekurangan kakitangan, apakah ada masalah birokrasi menyebabkan masalah ini timbul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey, okey, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup!

Cik Fong Po Kuan: Tarik balik. Tidak payah bangkit orang bukan manusia.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat tidak ada hak mahu suruh saya tarik balik!

Cik Fong Po Kuan: Tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *What is your right?* Apa hak Yang Berhormat mahu suruh tarik balik.

Cik Fong Po Kuan: Saya hanya nasihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan cukuplah!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini hak saya!

Cik Fong Po Kuan: Saya hanya nasihat. Kita adalah wakil rakyat. Saya nasihat, saya hanya nasihat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduklah! Tidak perlu tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah! Cukuplah!

Cik Fong Po Kuan: Cadangan baiklah kita tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bukan saya cakap jahat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukuplah itu, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa? Bukan saya cakap jahat! Terserah pada dialah!

Cik Fong Po Kuan: Tidak apalah, kalau degil tidak hendak tarik balik tidak apalah, tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah, Batu Gajah, sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah selesai saya ucapkan terima kasih saya menyokong. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Johor Bahru.

1.04 ptg.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbincangan tentang soal Akta Saraan Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat sambung jam 2.30 petang.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mesyuarat disambung semula. Saya menjemput Yang Berhormat Johor Bahru menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai dengan pindaan kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan). Saya bangun untuk membahaskan akta ini. Tetapi bagi saya soal kenaikan elaun bukanlah satu isu yang perlu banyak sangat komen daripada saya kerana ia sudah pun menjadi bahan laporan dan liputan daripada pihak media dan kalau kita mengambil satu pendirian bahawa kerana ia sudah menjadi *prime news*, sudah menjadi berita yang dikomen dengan begitu kerap oleh media dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa perbahasan sebenarnya sudah pun berjalan begitu lama berhubung dengan soal kenaikan elaun bagi ahli-ahli Parlimen.

Oleh itu saya hanya ingin merujuk kepada sebahagian daripada perbahasan yang telah dilakukan di pihak media yang mungkin juga boleh ada kaitan dengan peranan kita sebagai Ahli Parlimen dan juga kedudukan Parlimen itu sendiri. Di dalam sistem politik negara, pada saya dan rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional soal dan kedudukan Parlimen ialah mengenai dengan mandat yang telah rakyat berikan kepada parti Barisan Nasional pada masa pilihan raya umum dan mandat itu hidup berterusan melalui perbahasan, melalui kerja kita sebagai Ahli Parlimen sama ada di dalam Dewan atau pun di luar Dewan.

Saya tidak ada pandangan yang lain kecuali untuk menyatakan bahawa memanglah yang menjadi dorongan kepada kita semua dalam menjalankan tugas kita ialah kesedaran bahawa mandat rakyat itu masih hidup dan bukan kita mengambil satu pendirian bahawa setelah rakyat memberi mandat bahawa mereka harus berdiam kerana kalau itu berlaku dan mungkin tuduhan kepada Parlimen kali ini ianya menjadi *rubber stamp* hanya menerima sahaja apa yang hendak dibawa oleh pihak kerajaan tanpa bahas, tanpa persoalan dan sebagainya.

Banyak persoalan yang telah ditimbulkan di dalam Dewan ini yang menggambarkan bahawa sebenarnya memang Ahli-ahli Parlimen yang biasa dalam Dewan ini walaupun kami datang daripada parti yang sama tetapi tetap mengambil pendirian untuk menyuarakan pandangan dan pendapat kami tanpa merasakan bahawa ianya bertentangan dengan pandangan kerajaan. Ianya jelas daripada berbagai-bagai perkara yang telah dikemukakan di dalam perbahasan. Malangnya tentulah apabila kita duduk di luar Parlimen dan hanya bergantung kepada laporan daripada kakitangan kita yang melaporkan balik dengan cara yang diterjemahkan oleh pihak sebagai pemberita sampai kepada penyunting, sampai kepada ketua pengarang mungkin tapisan itu akan dilakukan sehinggalah timbul satu rencana yang telah ditulis oleh saudara Zainal Arifin iaitu yang telah dianggap sebagai satu rencana yang penting bagi pihak akhbar *New Straits Times*.

Ianya telah disiarkan dua hari berturut-turut iaitu pada 20hb dan 21hb April 2005. Sebab ianya disiarkan sekali lagi pada 21 April 2005 ialah kerana adanya satu dakwaan oleh rakan saya Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat bagi Ipoh Timur yang menyatakan bahawa ahli-ahli Barisan Nasional pun menyokong penuh apa yang telah beliau menyatakan iaitu pendapat beliau bahawa ikut cakap yang dinyatakan oleh pihak beliau dalam surat khabar ialah "Apabila saya bertanya kepada Ahli-ahli Parlimen sama ada

mereka bersetuju dengan pendapat bahawa *column* ini *contemptuous of MPs* ataupun menjijik-jijikkan Ahli Parlimen *there was general agreement even among Barisan National MPs*.

Saya melihat *Hansard*, saya membaca *Hansard* mencari di mana agaknya terdapatnya tafsiran bahawa adanya *general agreement* ataupun persetujuan umum terhadap pandangan yang dikemukakan oleh pihak Ketua Pembangkang. Dukacita saya mungkin *Hansard* ini tidak menggambarkan suasana persetujuan yang begitu hangat kepada pandangan ucapan oleh Ketua Pembangkang walaupun ucapan itu pun sebagai mana Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua sedar bahawa ia telah keluar daripada tajuk perbahasan pada ketika itu tetapi tidak mengapalah kerana Ketua Pembangkang, saya faham Yang Berhormat agak memberi *leeway* yang lebih, memberi jalan yang lebih untuk beliau melakukan perbahasan itu.

Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri apabila membaca rencana oleh Encik Zainal Arifin saya tidak terasa terhina kerana saya pun sendiri memikirkan bahawa itu sudah menjadi hak media untuk melaporkan apa yang mereka hendak laporkan kerana saya sudah menyatakan di dalam temu ramah wawancara saya bahawa sudah menjadi satu realiti bahawa sudah tentulah kita ini dilihat melalui kaca mata pihak-pihak yang tertentu. Kalau mereka pakai kaca mata gelap maka gelaplah gambarannya yang diterjemahkan melalui akhbar di dalam rencana-rencana mereka. Saya sebenarnya tidak merasakan bahawa saya ini merasa seolah-olah jijik oleh apa yang ditulis oleh saudara Zainal kerana dia pun sebenarnya membuatkan satu gambaran dalam rencananya bahawa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*People just don't care anymore about MPs what they do.*" Ini pandangan yang telah disampaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Johor Bahru ada dalam Dewan hari itu mungkin dia tidaklah, oleh kerana dia perlu baca *Hansard*. Saya pun tidak tahu sama ada beliau ada tanya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada dalam Dewan yang mulia masa yang berkenaan tetapi kalau dia semak *Hansard* Yang Berhormat daripada Beluran yang dia ada buat *interjection* semacam dengan izin saya setuju rencana itu menghina Ahli Parlimen tetapi dia tidak merujuk kepada mana-mana Ahli Parlimen - Yang Berhormat bagi Jerai. Tetapi yang dihina dan dikeji inilah yang membela masyarakat di luar sana bahawa mereka untuk menjustifikasikan.

Saya tidak tahu sama ada sekarang Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sudah tukar fikiran bahawa rencana itu tidak menghina mereka, tidak menghina Ahli-ahli Parlimen tentu itu hak Ahli Parlimen Barisan Nasional buat begitu tetapi kemungkinan kita memantaulah oleh kerana kalau rencana itu tidak menghina Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional memang ini bukan satu masalah.

Sungguhpun ada Ahli-ahli Parlimen sudah *on record* kata mereka rasa dihina tetapi kemudian kata tidak dihina hak itu terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal perbahasan tetapi kalau saya rujuk pada *Hansard* dan lihat hanya seorang sahaja yang bercakap semasa *interjection* dengan Ahli Parlimen bagi Ipoh Timor. Saya lihat juga memang betul ada pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, tetapi kalau dikatakan bahawa ini sahaja adanya *general agreement*, apa yang dimaksudkan dengan *general agreement*?

Ini masalah tentang perkataan. Saya akan rujukkan kepada masalah yang manusia berhadapan dengan perkataan dan menggunakan perkataan yang tidak sebenarnya tepat. Sebab itu kalau kita lihat kepada apa yang ditulis oleh saudara Zainol di dalam rencananya, saya mungkin mempunyai toleransi yang lebih tinggi dan sebenarnya saya rasa bahawa Ketua Pembangkang pun bukan merasakan terhina sangat kerana ianya merupakan satu...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Sekejap, sekejap..... kerana saya merasakan bahawa sebenarnya Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hanya mengacah dan kalau saya baca balik kepada apa yang dinyatakan di dalam *Hansard* tentang ucapan semasa ucapannya ialah hanya untuk mengacah, hanya untuk *provoke* hanya untuk mendapatkan satu reaksi. Dalam suratnya pun dia berkata sebenarnya dia tidaklah menyatakan bahawa dia hendak *attack* atau menyerang *News Straits Times*, hanya hendak membawakan perkara ini kepada ini bahawa ia kononnya rencana ini membawakan kepada satu perasaan bahawa ialah menjijikkan Ahli-ahli Parlimen dan Parlimen itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk menjelaskan atau membetulkan keadaan masa itu supaya tidak ada usaha untuk *white-wash* kita mengutuk Jepun untuk *white wash* sejarah dan kita tidak mahu pun *white wash* ada apa yang berlaku dalam Dewan yang mulia ini. Bukan sahaja dua orang, ada lagi Yang Berhormat bagi Sabak Bernam yang ada kata perasaan yang sama dan saya *confirm* bahawa saya ada rasa bahawa ada perasaan bahawa Ahli Parlimen dihinakan - bukan oleh kerana saya sendiri atau Ahli Parlimen DAP menjadi sasaran tetapi oleh kerana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun yang menjadi Ahli-ahli Parlimen mereka menjadi *target*.

Itulah, tetapi kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional terasa sekarang, rasa lebih tebal muka, rasa tidak ada apa-apa perasaan *white wash* apa yang berlaku itu terpulung kepada hak Ahli-ahli Barisan Nasional.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua kita bukan soal hendak *white wash* atau hendak menolak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya hendak katakan saya beruntung saya pun tidak pasti, hendak katakan saya rugi kerana insiden atau pun isu ini pun saya tidak pasti. Daripada Sabak Bernam sampai ke Port Dickson dalam tempoh dua hari, apabila saya bertemu dengan kawan-kawan saya, maka saya dipanggil seperti Ketereh panggil sayalah *the untouchable*, terima kasihlah.

Tetapi sebenarnya saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru bahawa kenyataan kita ini harus ditafsirkan secara positif. Apa yang saya nyatakan ketika platform Jerai sebenarnya, saya telah mencelah dan saya menyatakan bahawa walaupun ada apa-apa masalah semangat Barisan Nasional kalau kita hendak bertindak kita bertindak secara berhemah. Tidak emosional seperti pembangkang yang selalunya semberono, itu yang saya nyatakan.

Jadi, maknanya saya sangat bersetuju bahawa kalau pun kita hendak mengambil tindakan dengan semangat yang disebut oleh Ketua Pembangkang itu tadi, kita prihatin tentang isu itu. Apa masalahnya kita prihatin?. Sebab hal rakyat ini kita memang harus prihatin tetapi apabila pemimpin Barisan Nasional ini dia hendak bertindak dia bertindak berhemah tanpa emosi, insya-Allah. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang bila kita kata bahawa ada pihak hendak *white wash history*, sebenarnya tuduhan kepada Jepun ialah mereka bukan *white wash* mereka menulis semula *history*. Inilah apa yang hendak dilakukan oleh Ketua Pembangkang. Dia mengaku yang dia mendapat persetujuan umum daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Dia mengatakan artikel ini menghina Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang menjadi 92 peratus daripada anggota Dewan ini.

Tetapi bila saya menyoalkan sama ada ia sebenarnya tidak ada persetujuan umum yang *general agreement* yang diakui oleh Ketua Pembangkang, saya pula yang dikatakan hendak *white wash*. Siapa yang cuba hendak menulis semula sejarah yang terdapat dalam *Hansard* hanya satu orang sahaja yang mengambil bahagian dalam perbahasan ketika Ketua Pembangkang menimbulkan cerita ini.

Penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam sudah jelas menunjukkan. Saya faham, kami semua faham sebenarnya apa yang ditunjukkan atau menjadi tujuan kepada Ketua Pembangkang bukan untuk mempertahankan maruah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Dia hanya bertujuan untuk menjolok-jolok lagi atau *memprovoke* kami semua untuk sama-sama bangun kononnya hendak rujuk Zainol Ariffin kepada, Jawatankuasa Hak Keistimewaan (*Privileges Committee*) di Parlimen.

Tetapi kepada sayalah, Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak menjadi masalah apa yang telah ditimbulkan oleh saudara Zainol Ariffin di dalam rencananya di dalam komennya di muka 4, *Prime News, The New Straits Times* hari Khamis April 21. Yang menjadi masalah sebenarnya,.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, ialah tindakan pihak akhbar yang saya kata memakai cermin matanya sendiri dengan menulis.....

Tuan Lim Kit Siang: Minta maaf panjangkan perkara ini. Terpulanglah kepada Ahli-ahli Dewan, pemerhati-pemerhati surat khabar (*Press*) untuk buat tafsiran sama ada hari itu benar ada *general agreement* Ahli-ahli Barisan Nasional bahawa perasaan mereka rasa dihina oleh rencana itu. Sebenarnya hari itu saya ada kata kalau mereka rasa dihina oleh kerana apa yang ditulis tidak benar perlulah rencana itu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan (*Privileges Committee*) dan saya ada sebut hari itu bahawa ini tidak bererti bahawa Zainol ialah *guilty*. Tidak.

Tetapi akan memberi satu peluang untuk satu fokus sama ada benar atau tidak benar apa yang ditulis dalam rencana itu dan kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional rasa mereka tidak rasa terhina oleh kerana apa yang ditulis itu berlaku, mereka rela menerima hukuman dalam *judgement* dalam rencana itu, itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Barisan Nasional tetapi saya tidak mahu memanjangkan perkara semacam inilah.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Bukan soal dia hendak memanjangkan, kalau dia tidak panjangkan dia diam sahaja lah. Dengar lah ucapan saya. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat kita balik kepada pindaan lah. [*Dewan riuh seketika*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Boleh saya memanjangkan sedikitlah, memberi komen kepada apa yang telah dibawakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang menjadi masalahnya kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia mengatakan bahawa ini hukuman. Siapa kata ini hukuman? Kalau saudara Zainol hendak menghukum kami saya minta maaf lah.

Kalau Ketua Pembangkang mengatakan bahawa saudara Zainol sebagai penulis rencana boleh menghukum kami saya rasa itu tidak tepat.

Tuan Lim Kit Siang: Sesiapa pun boleh buat *judgment*, ini masyarakat terbuka, sesiapa pun boleh buat....

Dato' Shahrir Abdul Samad: [*Ketawa*] *You* boleh komen, apa salahnya dia buat komen, apa salahnya dia buat komen. Kita boleh menerimanya sebagai satu hakikat hidup dan sebagai orang politik. Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor pun biasa menerima berbagai-bagai hukuman dan saya pun sendiri telah menerima berbagai-bagai hukuman, itu tidak menjadi masalah kerana apabila kita masuk arena politik, kita sudah menerima ia sebagai satu hakikat dan kita akan dihukum, akan diuji, akan dilihat, akan diambil kira, ditimbang dan sebagainya dan diteliti oleh berbagai-bagai-pihak tetapi yang menjadi masalah saya rasa Tuan Yang di-Pertua ialah apabila dalam proses untuk melaporkan apa yang berlaku dalam Dewan Rakyat. Ianya tidak tepat dan membawa tujuan dan maksud yang boleh dipersoalkan.

Umpamanya yang saya rasa begitu terkilan ialah soal dan cara surat khabar New Straits Times dengan *masthead*nya yang baru dan yang merah yang mengatakan *humiliated MP's*, siapa yang mengatakan *humiliated MP's attack NST*. Perkataannya yang digunakan ialah, *the article that spark two days rampage*, ya. Ini menggunakan perkataan "*rampage*", apa maksud perkataan "*rampage*" saya pun terpaksa pinjam *thesaurus*, macam mana hendak ejanya, daripada anak saya. Saya pinjam *thesaurus* dan hendak mengetahui apakah maksud perkataan *rampage* ini? Salah satu pengertian yang sama dengan *rampage* ialah *ramp* dengan *rage*.

Kalau *rampage* itu pernah berlaku Ronald Kiandee tidak boleh jadi Ronald Kiandee, Ronald Kiandee menjadi *Rambo Ronald* [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*] Kerana dia *rampage*, ya Ketua Pembangkang tidak kisahlahkan, sudah biasa dengan *rampaging act* dia tetapi satu lagi maksud perkataan yang sama maksud dengan *rampage* ialah *running amok* dan orang Melayu memahaminya 'mengamuk'. Tidak akanlah Choke Swardling yang menulis rencana ini menyatakan bahawa *the article that spark this rampage*. Perkataan *rampage*, apa tujuan perkataan itu digunakan di dalam laporan New Straits Times, huh?

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Sila.

Puan Chong Eng: Semua perkataan ini ialah *adjective words*, *description words*. Dia mengandungi *meaning judgemental value*, penilaian *judgemental* di dalamnya untuk memberi satu perasaan kepada ...[*Dewan menjadi riuh rendah dengan sorakan*] Kepada pembaca, ya.

Sepatutnya dalam penulisan akhbar ini adalah menjadi satu prinsip supaya tidak menggunakan perkataan-perkataan seperti ini yang membawa *judgemental* atau penilaian *judgement* untuk memberi satu perasaan yang boleh mempengaruhi penilaian pembaca dan saya rasa ini adalah tujuan penulis ini, terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Terima kasih. Saya rasa Ahli Yang Berhormat lebih positif menyumbang kepada perbahasan kita daripada Ketua Pembangkang. Saya ingin melihat dan menunggu satu hari adanya perubahan.

Beberapa Ahli: Ya! [*Disorak*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tetapi betul, saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang sebenarnya bahawa cara laporan yang hari yang kedua lebih dahsyat dan lebih teruk daripada rencana Zainol Ariffin. Saya tidak tahu Choke Swat Ling yang menulis *report* ini bukanlah artikel, ini menulis laporan persidangan yang berlaku pada hari itu di mana *humiliated MP's attack the NST*, DAP Lim Kit Siang *leads with support with Barisan Nasional members*, yang itu saya tidak bersetuju. Tetapi dia menulis begitu dan ada pula sebaliknya *the untouchable*, apa maksud *untouchable*? Hendak terangkan maksud *untouchable*? Kalau *untouchable* ini Tuan Yang di-Pertua, *untouchable* ini dia bermain dengan perkataan. Dalam *untouchable*, dalam sistem *kasta* di India ini kumpulan yang paling rendah sekali ialah iaitu *jijik* itu ialah.....

Seorang Ahli: Paria!

Dato' Shahrir Abdul Samad: Ya, paria! Minta maaf saya gunakan perkataan itu, adakah itu maksud New Straits Times? Ataupun itu maksud Choke Swat yang menggunakan perkataan *the untouchables*?

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Terima kasih, sebenarnya izinkan saya Tuan Pengerusi menjelaskan konsep *untouchable* ini. Konsep ini diperkenalkan oleh Mahatma Gandhi untuk memberi pengiktirafan kepada satu golongan dalam sejarah atau dalam macam mana kita tidak tahu telah dipinggirkan supaya mereka diberi peluang-peluang yang setimpal dalam kerajaan dan juga dalam pelbagai bidang. Maka konsep

untouchable sebenarnya adalah istimewa, golongan-golongan istimewa. Maka mungkin NST telah memberi maksud *untouchable* dalam konteks sebegini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya ada satu soalan yang hendak ditanyakan kepada Yang Berhormatlah.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Sayakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah kesemua ini berkaitan dengan akta pindaan yang kita bangkitkan?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Ya. *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Beberapa Ahli: Ya, ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Ianya ada kaitan dengan akta pindaan kerana ia berhubung dengan soal fahaman rakyat terhadap apa yang hendak kita bahaskan pada hari ini. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat Johor Bahru yang ada kata mengenai *heading* ini *humiliated MP is attack, NST DAP's Kit Siang leads to support from Barisan Nasional members*, ini bukan ditulis oleh saya. Dalam kenyataan pun saya ada tulis dengan izin, *I did not lead and I am no doubt that the Barisan Nasional MP's, do not want to be lead by me and in any or slot on NST, in fact Barisan Nasional MP's are very sheepish and shape face about the whole episode. I do not know whether Barisan Nasional MP's untouchables by DAP MP's and leaders and always belongs to the most vulnerable political group in the eyes of mainstream media or I will not be treated as a known person by all of the years'* Itu saya setuju.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Adakah Yang Berhormat ini *known person*?

Tuan Lim Kit Siang: *Known person, yes.*

Puan Chong Eng: *By the media!*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Oh, *by the media!*

Tuan Lim Kit Siang: *By the mainstream media...*

Dato' Shahrir Abdul Samad: *Mainstream media!*

Tuan Lim Kit Siang: *Your media! Okey.*

Dato' Shahrir Abdul Samad: *My media? [Dewan menjadi riuh dengan sorak]*

Tuan Lim Kit Siang: *Your media.*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Oh, *my media?*

Tuan Lim Kit Siang: *Your mainstream media! [Ketawa]*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Oh, *my mainstream media!* Ini yang sedap ini, sudah sekarang ini saya sudah menjadi tauke media pula. Parti?...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Doesn't look like it.*

Dato' Shahrir Abdul Samad: Yakah? *Doesn't look like it at all, isn't it? [Ketawa]* Kerana apa yang saya lihat bahawa sebenarnya masalah yang dibawa oleh laporan seperti ini dengan penggunaan perkataan-perkataan yang menimbulkan emosi, soal *rampage* dan sebagainya. Juga apabila saya pula membaca tulisan daripada Kalimullah Hassan, *column was fair comment*. Yang saya tertarik dengan apa yang dilaporkan oleh Kalimullah Hassan ini ialah bahawa dia menggambarkan bahawa seolah-olah adanya konspirasi yang bermula daripada hari pertama apabila *pre-council* Barisan Nasional bermesyuarat sehinggalah membawa kepada tindakan Ahli Parlimen dari Ipoh Timor yang mengetuai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dalam menyerang media. Seolah-olahnya ada satu konspirasi.

Saya hendak memberi satu pandangan kepada Dato' Kalimullah Hassan bahawa apabila kita menulis sesuatu ianya mestilah kerana kita hadir dan dengar perkara itu berlaku. Apabila Dato' Kalimullah melaporkan tentang mesyuarat *pre-council* Barisan Nasional, beliau tidak ada dalam mesyuarat itu. Beliau hanya melaporkan *hearsay* iaitu satu perkara yang tidak boleh dilakukan oleh seseorang wartawan yang faham tentang etika kewartawanannya, *hearsay* jangan menjadi bahan laporan. [Tepuk]

Kedua, dia menyebut saya sebagai menyatakan, bahawa saya mengkritik *The New Straits Times* dan editornya kerana kononnya surat khabar *New Straits Times* mencetak, mengeluarkan berita yang bukan-bukan tentang mesyuarat yang diadakan oleh Kelab *Back-benchers* di Kota Kinabalu berminggu-minggu dahulu dan dia menyindir katakan, saya pun juga seorang yang menyokong kepada *free press* dan memang saya menyokong *free press*. Tidak sepatutnyalah apa yang telah dibincangkan dalam sebuah mesyuarat tertutup juga dirujuk di dalam laporan ini.

Biar saya bukakan cerita ini, balik semula kepada soal penggunaan perkataan. Dalam laporan itu dinyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen yang saya rujuk di dalam Mesyuarat *Pre-Council* Barisan Nasional saya merujuk kepada *The New Straits Times* yang juga menggunakan perkataan yang boleh menimbulkan satu anggapan yang salah. Beliau menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mempunyai sikap *stony silence*, diam seperti batu, membatu, bukan membisu, membatu.

Stony silence dalam fahaman saya ialah bertujuan untuk menunjukkan bahawa kita tidak bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dan saya bertanya kepada Perdana Menteri, apa sebab ini *The New Straits Times* hendak suruh orang ramai benci kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Soal gaji, soal status, soal kedudukan, soal kerja, soal *report card*, boleh ditulis tetapi mengapa ia sudah menjadi seolah-olah satu gerakan untuk menggalakkan rakyat supaya membenci kepada Ahli Parlimen bahawa kami ini tidak relevan, tidak ada siapa pun yang kisah apa yang kami lakukan, betulkah? Tetapi bahasa ini boleh digunakan untuk *liaison* dengan begitu mudah sebagai penulis, dia kata, "*On the other hand people just don't care anymore about the all MPs or what they do*", *What do you mean by people?* Siapa *people* ini? Ini apa, kalau diterjemahkan adakah ia rakyatkah, orang ramaikah, *the people* atau segelintir atau golongan yang minum teh tarik dengan kita, itu pun *people* juga.

Saya Tuan Yang di-Pertua saya bertanding. Sebentar, kejam, sebentar kejam....[Memandang ke arah Yang Berhormat Rantau Panjang].....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Kalau boleh bagi masa untuk saya habiskan bab ini, selepas itu saya bagi jalan. Saya pernah bermula karier politik saya sebagai seorang Ahli Parlimen di Johor Bahru dan sampai sekarang di Johor Bahru. Ketika itu saya tidak faham bagaimana seorang tokoh Pembangkang boleh dianggapkan begitu popular di kalangan rakyat dan kerana tiap-tiap kali saya bertanding saya menang, tetapi pada pandangan *The New Straits Times* ketika itu memanglah, wakil rakyat tokoh Pembangkang ini seorang yang *terror*, tetapi saya membuat tafsiran mungkin saya tidak biasa minumlah dengan pemberita, saya tidak bersosial dengan pemberita, saya tidak pergi ke Kelab JCSC dan sebagainya.

Yang menjadi masalah kita, kita hidup dalam dunia kita sendiri, kita menulis apa yang kita lihat melalui kaca mata kita sendiri tetapi apa yang komen kita, pandangan dan pendapat kita akan dibaca oleh pihak ramai. Saya tidak melihat saudara Zainol Arifin menulis satu-satu yang boleh menjijikkan kami, pasal dia menuliskan benda-benda yang dia teringat Parlimen pun dia cerita pasal, awak bukan Hindu tulen, saya Hindu tulen, awak bukan Hindu tulen, ini apa benda ini? Itu yang jadi ingatan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Rantau Panjang dahulu ke.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar rintihan daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru hasil daripada penulisan oleh wartawan-wartawan kita dan Parlimen kita ini dinilai oleh mereka yang suka menulis dan juga suka mengikuti perkembangan berlaku di Parlimen ini. Tetapi rakyatnya tidak mengetahui keadaan sebenar kerana ia tidak dilaporkan dengan baik, dan adakah Yang Berhormat bersetuju inilah peluangnya kita mendesak kepada kerajaan supaya Persidangan Parlimen ini disiarkan terus-menerus seperti mana dalam negara lain Yang Berhormat. Supaya bukan sahaja penulis atau wartawan yang menilai tetapi rakyat juga boleh menilai apa yang kita bercakap di Parlimen ini. Yang Berhormat setuju tidak?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan di dalam beberapa wawancara saya dengan pihak akhbar, bahawa saya memahami kalaulah hendak digunakan kemudahan TV untuk merakamkan atau untuk menunjukkan perbahasan kami dalam Dewan Rakyat ini berterusan mungkin ini akan menimbulkan kos yang tinggi. Tetapi sebenarnya Parlimen ini mempunyai kemudahan yang boleh disalurkan atau dijadikan sebagai media untuk disampaikan segala perbahasan kita, segala perbincangan kita kepada orang ramai.

Kita mempunyai kemudahan untuk mengadakan *web broadcast* dengan kamera yang ada di sini, boleh merakamkan dan boleh diberikan secara *real time* melalui *internet* dan ianya sudah menjadi satu sistem yang boleh diterima pakai, memang boleh diguna oleh sebahagian besar rakyat. Ia tidak menjadi masalah kalau digunakan cara *web broadcast* itu, kerana ini pun cukuplah kerana kalau hendak dipujuk rancangan televisyen untuk mengadakan *live telecast* dan sebagainya, mungkin ini akan membebaskan mereka, tetapi saya hendak nyatakan bahawa kami tidak ada masalah untuk hadir dalam rancangan-rancangan TV.

Sebenarnya dalam masa ini saya rasa lebih ramai Ahli Parlimen sama ada dari parti Pembangkang ataupun daripada Barisan Nasional yang telah diberikan kemudahan dan peluang untuk terbit, untuk keluar dalam temu ramah, program-program dan rancangan televisyen. Hanya mungkinlah kita tidak boleh keluar di *Prime Time* TVlah, itu saya setuju dengan saudara Zainol memang kita tidak boleh keluar dalam *Prime Time* TV kerana *Prime Time* TV ini antara pukul 8.00 sampai pukul 11.00. Rancangan yang saya lihat, rancangan *American Idol*, berbagai rancangan yang tentunya bercorak lebih kepada hiburan. Memanglah kalau diletakkan kita di peringkat *Prime Time* TV ini tidak akan menguntungkan kepada pihak TV. Tetapi saya hendak rujuk balik kepada soal *column* atau rencana yang ditulis oleh Dato' Kalimullah Hasan.

Pertamanya, saya nyatakan tadi bahawa tidak patutlah dia menulis kononnya adanya satu konspirasi di antara saya dengan Ketua Pembangkang untuk menyerang NST. Saya tahulah kalau Ketua Pembangkang macam mana dia punya '*peel*' pun tidak macam itulah. Hendak kita berkonspirasi menyerang dengan secara sengaja, secara terancang kepada NST, tidak. Sebenarnya kalau NST hendak buat laporan, buatlah.

Akhirnya kami tahu dari segi khidmat kami, dari segi pengorbanan kami ianya akan dilihat juga oleh rakyat, tetapi janganlah dengan mempunyai kedudukan yang begitu istimewa sebagai seorang Ketua Pengarang dan siapakah lantik beliau sebagai Ketua Pengarang, ada temu duga ke? Bukankah ini dan kelayakannya, adakah dari segi kelayakannya ia bersesuaian untuk menjadi Ketua Pengarang untuk memberikan komen tentang apa yang berlaku, sedangkan etika dilanggar.

Kedua, apa yang dilakukan bukan *The New Straits Times* sahaja, tetapi *Star* pun sama. Dia rujuk kepada laporan *Deputy Group Chief Editor*, Dato', seorang lagi Dato', Datuk Wong Chun Wai, *The Deputy Group of Chief Editor of The Star*.

In the April 17, Sunday column, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya baca, dia kata:

"MALAYSIANS must have shaken their heads in disbelief at the remarks made by some of our elected representatives over the past week, particularly after these representatives had voted to increase their own allowances."

Ini 17 April, ini 26 April. Takkanlah Datuk Wong Chun Wai pun tidak tahu bahawa belum lulus. Macam mana kita hendak *react*, hendak memberikan pandangan kepada perkara ini. Saya rasa kalau *New Straits Times* hendak membabitkan surat khabar yang lain, saya rasa itu tidak adillah, kerana apabila saya baca akhbar *STAR* pada hari Ahad yang lalu, *In The Glare Of Unwanted Publicity*, gambar saya lawa pula itu. [Ketawa] Kemudiannya, "*Nazri Urges MPs To Debate Relevant Issues*", *Raise For MPs Raises A Ruckus - Suhaini Aznam*. Ini *STAR* juga. Tidak ada masalah. Tidak ada masalah dari segi laporannya. Bila pemberita itu telefon saya, saya kata, *thank you for the report, "No problem"* tetapi yang saya tidak faham, apa pasal *The New Straits Times* dengan cara begini?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahulah kepada media, pendirian kami sebagai orang politik, sebagai Ahli Parlimen teruskanlah laporan dan liputan itu kerana kami faham bahawa tentunya laporan dan liputan daripada pihak media ialah melalui kaca mata mereka yang menulis, yang merencanakan, yang mengarang, yang menerima laporan daripada pemberita-pemberita yang bertugas di Parlimen. Kami terima tetapi janganlah dalam keadaan mereka melakukan tugas itu, mempunyai pula kepentingan-kepentingan yang tertentu, tujuan-tujuan yang lain, kerana sepatutnya yang dikatakan *the rule: no smoke, no fire*. Saya rasa kalau asap, apa pasal hendak lihat kepada kalau *rolenya* hanya *no smoke, no fire*. Mengapa tidak kita melihat kepada peranan surat khabar untuk menjadi satu punca pengajaran dan peningkatan fahaman rakyat kepada sistem Parlimen, kepada sistem demokrasi. Peranan Ketua Pembangkang umpamanya, peranan parti pembangkang, peranan Ahli-ahli Parlimen biasa.

Janganlah diwarnakan dengan pandangan-pandangan yang entah, bertujuan apa pun kami tidak tahu. Tambahan lagi, menggunakan perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan tanda tanya kepada sama ada kami ini relevan atau tidak? Kalau itu sudah menjadi soal kepada pihak surat khabar *The New Straits Times*, bahawa kami sudah tidak relevan. Kalau kami tidak relevan, relevankah juga proses politik dan sistem demokrasi negara ini? Adakah pihak *The New Straits Times* adanya sistem demokrasi yang lain? Tengok menteri-menteri sahaja. Tetapi, mana hendak adanya menteri kalau tidak adanya Ahli-ahli Parlimen? [Tepuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Ini yang kadang-kadang kita masih terperangkap dengan fahaman, pendirian dan pendekatan yang kolonial. Pendekatan dan fahaman yang feodal bahawa suara rakyat bukan terletak kepada menteri-menteri. Suara rakyat bukan terletak kepada timbalan menteri atau setiausaha Parlimen sahaja, anggota pentadbiran. Suara rakyat dan mandat rakyat itu sebenarnya terletak dalam Parlimen, di antara satu pilihan raya kepada satu pilihan raya yang akan datang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Kita hanya membawa mandat rakyat dan kalau *The New Straits Times* terutamanya saudara Datuk Kalimullah Hassan tidak boleh terima keadaan itu, tidak apa. Bukan kami hendakkan jawatan dia dan saya rasa dari segi sinilah, Tuan Yang di-Pertua, kita semua tidak boleh menjadi *lawyer*.....

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Minta maaf sekejap. Sekejap, sekejap. *Give me a chance to get going*. Kami semua tidak boleh menjadi *lawyer*, kami semua tidak boleh jadi *engineer*, kami semua tidak boleh jadi askar, kami semua tidak boleh jadi doktor. Ada juga doktor yang menjadi Ahli Parlimen, ada juga *lawyer* yang menjadi Ahli Parlimen, saudara juga *engineer* yang menjadi Ahli Parlimen. Kalau negara ini semuanya orang pandai-pandai, memanglah Ahli Parlimen pun semuanya pandai tetapi negara kita ini pelbagai lapisan, pelbagai peringkat, pelbagai fahaman, pelbagai ideologi, pelbagai cara, pelbagai nasib. Ada yang akhirnya menjadi Ketua Pengarang, betul. Ada yang menjadi *engineer* tetapi ada juga yang akhirnya berjaya hanya sebagai pemimpin rakyat, tetapi, semua kami memegang mandat rakyat itu dengan serius. Kami mahu melaksanakan tanggungjawab dan tugas kami dengan serius dan kami tidak rela untuk menyerahkan

mandat itu kepada mana-mana akhbar. Kalau ada mana-mana pihak hendak mengambil alih, merampas hak itu, mandat itu daripada Parlimen ini.....

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bersetuju dan saya tetap akan bercakap, menentang usaha-usaha ini. *[Tepuk]* Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru apabila beliau menyatakan bahawa kita tidak boleh ada semuanya *lawyer* dengan izin, di kalangan Ahli Parlimen. Saya ada sebut dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru untuk dikongsi di Dewan ini kerana kalau kita ada semua *lawyer* dalam Dewan ini, maka Dewan ini akan jadi mahkamah.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Razali bin Ibrahim: Kalau kita ada semua doktor dalam Dewan ini.....

Seorang Ahli: Hospital.

Tuan Razali bin Ibrahim:maka Dewan ini akan jadi hospital. *[Ketawa]* Dan, kalau kita ada semua Profesor dalam Dewan ini, maka kita jadi universiti.

Seorang Ahli: *Engineer, engineer?*

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya setujulah dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru, yang kita ada hari ini sudah cukup baik. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Terima kasih. Sambung Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru jelas menunjukkan bahawa Yang Berhormat bagi Johor Bahru pun tidak setuju dengan apa yang ditulis dalam dua kolom itu. Yang saya hendak dapat pendapat Yang Berhormat bagi Johor Bahru ialah ada perbezaan dari liputan, laporan Parlimen dan apa yang ditulis oleh dua pengarang itu. Apa yang ditulis itu ialah *commentary*.

Yang *commentary* itu ialah beliau membawa perasaan dan juga *judgment* beliau dalam isu ini dan selalunya orang yang hendak buat *judgment* dia mesti berdasarkan maklumat yang asli, yang sebenarnya berlaku iaitu kalau dia berada di dalam Dewan ini dan dia membuat *judgment* bahawa sesiapa atau Dewan ini, bagaimana dia melakukan kerja. Itu kita boleh terima tetapi yang kedua-dua ini mereka tidak berdasarkan *commentary* beliau atau *judgment* beliau berasaskan apa yang sebenarnya berlaku.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru ialah mereka melihat melalui kaca mata media tetapi, apa yang diucapkan di dalam Dewan ini setiap hari begitu banyak. Orang media yang membuat keputusan, apa yang hendak ditulis dan selepas sampai kepada editor, editor yang akan membuat keputusan apa yang hendak disiarkan. Apa yang saya hendak katakan ialah apa yang sudah disiarkan di dalam surat khabar itu adalah sangat selektif dan dia tidak memberi gambaran yang sepenuhnya keseluruhan dalam Dewan ini. Saya rasa kalau mengikut prinsip hendak membuat kritik itu, dia mesti berasaskan apa yang berlaku di dalam Dewan ini. Dengan jelas, apa yang di.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan untuk Yang Berhormat bagi Johor Bahru? *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Johor Bahru tidak menyatakan. Dia hanya menyatakan liputan atau laporan. Ini bukan laporan. Apa yang kedua-dua *features* itu bukan laporan. Ini mesti dibezakan. Adakah Yang Berhormat bagi Johor Bahru bersetuju dengan pandangan saya?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya tidak bersetuju sangat tetapi saya menghormati pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kerana ada sebab juga

saya tidak bersetuju. Saya bukan tidak bersetuju kerana saya tidak suka, tidak bersetuju, tidak. Saya tidak bersetuju kerana yang menjadi masalah, dalam laporan ini pun digunakan perkataan yang emotif, yang *judgmental*. Umpamanya, contoh *rampage*, *rampaging* 'Ranau'.

Itu salah, *untouchable* apa maksud tujuan dia. Ia tidak berlaku hanya dalam rencana. Mungkin kalau pun saya tidak bersetuju dengan Zainal Ariffin, tidak bersetuju dengan Dato' Kalimula Hassan, saya tidak menjadi masalah. Saya menghormati hak mereka menulis. Saya hanya melaksanakan tanggungjawab kami sebagai Ahli Parlimen untuk menyatakan bahawa janganlah tulis yang menjadi *hearsay*. Janganlah tulis benda yang sepatutnya yang berlaku di dalam majlis yang tertutup. Hormatlah sedikit, walau apa pun kedudukan kita, kita kena hormat. Yang ini pula

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya ingin tanya Yang Berhormat Johor Bahru, *headline* macam ini '*Humiliated MPs Attack NST*' dan dengan mengeluarkan gambar-gambar Ahli-ahli Yang Berhormat ini, adakah juga ini salah satu taktik *New Straits Times* untuk menaikkan jualannya kerana kita tahu jualannya telah pun menurun. Mungkin dengan cara ini, mereka berharap dapat menaikkan jualan dengan menggunakan isu Ahli Parlimen. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Ini yang menjadi masalah yang kita hadapi. Satu pihak mereka kata kita tidak relevan, tetapi satu pihak lagi suka menulis fasal kita. Jadi, ini yang membingungkan. Kalau kita ini tidak relevan, kalau sayalah menjadi Zainal, Dato' Kalimula Hassan, saya sudah kata *MPs are not relevant*. Hah, kita tulis benda lainlah, kita tulis fasal cerita *Malaysian Idol* kah, kita tulis fasal nak pergi melancong, apa susah nak tulis fasal Parlimen. Senang. Itu yang sepatutnya, kalau dia sudah bersetuju dan berpendapat kita ini tidak relevan, lupakan sahajalah, tidak jadi hal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kelana Jaya berminat.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-pertua. Sebentar tadi kita telah mendengar kenyataan oleh Yang Berhormat Muar dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Johor Bahru bahawa di dalam Dewan ini Ahli-ahli Parlimen terdiri daripada pelbagai profesion. Dalam Dewan ini juga kita lihat adanya Speaker, Timbalan Speaker, Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Semua ini juga merupakan Ahli-ahli Parlimen. Apa pandangan Yang Berhormat Johor Bahru, apakah pandangan tentang artikel-artikel yang ditulis itu juga dituju kepada mereka yang memegang jawatan tersebut? Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya cuba nak mengheretkan Tuan Yang di-pertua, Timbalan Yang di-Pertua jugalah. Tetapi saya bercakap sebagai merujuk kepada Parlimen sebagai satu institusi. Kalau katakan ahli Parlimen tidak relevan, maka institusi Parlimen pun tidak relevan, jadi buat apa nak tulis lagi. Jangan tulislah. Tidak payah bagi *headline* pun tidak apa. Pasal saya pun seronok juga, kadang-kadang belajar juga daripada *News Straits Times* ini. Saya ini Tuan Yang di-pertua, seorang yang suka membaca, suka juga menonton program televisyen, menonton wayang, suka menjelajah. Saya sudah pergi hampir beberapa negara termasuk juga saya sudah pergi ke Rom, pergi ke Vatican. Hanya apabila saya terbaca *News Straits Times* baru saya tahu yang kasut *Pope* ini warna merah. Saya tanya rakan saya yang beragama Kristian.

Saya tanya 'Tahu tak kasut *Pope* ini merah?' Dia kata dia tidak tahu. Jadi kita semua sudah tahu, kerana gambar ini dipaparkan di muka depan dan kalau orang Inggeris kata, '*A picture is worth a thousand words*', selepas tolak lima perkataan di bawah *heading* itu, yang bersama dengan gambar itu. Apa agaknya maksud 995 perkataan yang ada pada gambar itu. Satu gambar 1,000 perkataan. Ada dia punya *heading*, sekarang apa tujuan dan maksud *New Straits Times* menunjukkan kasut warna merah yang dipakai oleh

Pope. Ini saya nak memuji *New Straits Times* kerana menambahkan keilmuan kita walaupun penting tidak penting, soal lainlah. Ada jugalah *trivia* yang kita tahu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bangun*]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Yang mana satu. Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya suka slogan orang Melaka, 'Di mana segala-galanya bermula.' Jadi Yang Berhormat Johor Bahru, saya pun salah seorang daripada yang sedih juga kerana gambar saya tidak masuk dalam *News Straits Times* itulah.

Tuan Yang di-pertua, Yang Berhormat Johor Bahru saya mengamat-amati ucapan Yang Berhormat Johor Bahru dan saya mendapati ada perkara yang Yang Berhormat Johor Bahru masih tidak lepaskan lagi. Saya nak cuba tanya Yang Berhormat Johor Baru berdasarkan kepada kaca mata saya yang mungkin tidak terang sangat. Seolah-olah ada satu peperangan *psy-war* antara pihak media ataupun *particularly New Straits Times* dan dan Ahli-ahli Parlimen.

Peperangan ini pula seolah-olah kita berada di suatu kedudukan yang kita buat kebenaran tetapi, *the final say* Tuan Yang di-pertua, kata akhir itu terletak kepada mereka dan ini juga mungkin saya punya pemerhatian adalah kerana pengiktirafan yang kurang kepada orang-orang media ini untuk menganggotai Dewan yang mulia ini. Mungkin satu ketika dahulu cuba nak jadi Ahli Parlimen, cuba nak jadi Ahli Dewan Negeri tetapi tidak diberi pengiktirafan oleh pihak kepimpinan atau penyokong, jadi hari ini, kita yang dapat jadi mangsa. Apa kata Yang Berhormat Johor Bahru, saya cuma nak perelaskan, betulkah pendapat saya itu?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Kita tidak boleh mempunyai sangkaan buruk kepada mana-mana pihak. Jangan kita fikirkan mereka mempunyai niat yang tidak baik. Tetapi.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bangun*]

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ramai bangun.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Yang Berhormat Beluran. Dia *Rambo Ranau*.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-pertua. Saya mengamati perbahasan Yang Berhormat. Saya ada *tag* baru berkenaan *untouchable*. Yang Berhormat Ketereh selalu panggil *untouchable*. Tetapi Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat tentang apabila ahli Parlimen ini dikatakan sebagai not *relevan* daripada perseptif media. Kita tahu bahawa mereka ini mempunyai *democratic right to write to whatever they want*. Kita ada *freedom of the press*. Mereka mempunyai perspektif yang sendiri. Tetapi dalam konteks, kita dikatakan sebagai tidak relevan.

Dalam konteks *dipotrayed* sebagai membahaskan perkara-perkara yang remeh sedangkan benda sebenar tidak berlaku. Kita lihat Ahli Parlimen Dungun ketika membahaskan Titah Ucapan Diraja. Hampir empat jam membahaskan perkara-perkara yang begitu penting, begitu relevan terhadap negara dan juga dunia. Tetapi akhirnya apabila ada celahan yang menyentuh tentang iklan LRT, itu yang diungkit, diperbesarkan. Begitu juga Yang Berhormat Tangga Batu, apabila bercakap tentang sekuriti lapangan terbang, ada komen tentang baju yang digunakan oleh MAS.

Itu yang diketengahkan oleh pihak media. Pada masa yang sama. Selepas menyetengahkan isu yang diambil sebab, isu-isu yang kita buat dalam sebagai *passing remarks* itu diketengahkan. Kemudian kita dilabel sebagai Ahli Parlimen yang tidak relevan

kerana membincangkan isu-isu yang remeh-temeh pada pendapat mereka, sedangkan itu bukan perkara yang sebenarnya berlaku di Dewan ini. Apakah kita, terima ini, apakah kita tidak merasa apa-apa apabila benda besar yang kita perkatakan tidak diketengahkan, benda yang dikomen secara sambil lewa itu diperbesarkan dan digunakan komen yang itu pula melabel kita sebagai tidak relevan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Sharir Abdul Samad: Tuan Yang di-pertua, saya sebenarnya tidak mempunyai satu pendapat yang begitu keras terhadap media. Kerana melalui pengalaman saya ini, masa saya tiada jawatan, saya bercakap tentang sesuatu perkara, ia tidak akan dilaporkan oleh media. Apabila saya jadi Menteri sahaja baru dilaporkan oleh media. Apabila saya sudah berhenti jadi menteri, saya tidak juga dilaporkan oleh media, walaupun saya bercakap perkara yang sama.

Tidak jadi masalah, kerana hanya yang mustahak, kepada sayalah Tuan Yang di-pertua, bahawa pertamanya kerana Parlimen ini merupakan perwakilan kepada rakyat dan rakyat kita ini berbagai-bagai lapisan, berbagai-bagai jenis, berbagai-bagai latar belakang dan sebagainya. Kita jangan hairan kalau dalam Dewan ini juga menggambarkan perwakilan itu. Kalau semua rakyat kita ini orang universiti, sudah lulus universiti, dan memang akhirnya semua kita ini juga akan lulus daripada universiti. Tetapi kalau setakat untuk meningkatkan kualiti dengan mempunyai wakil-wakil rakyat yang berkelayakan tinggi, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Muar, akhirnya kita akan menjadi sebuah universiti.

Pada pandangan saya, media mempunyai peranannya. Saya tidak menghalang media untuk menyatakan apa mereka suka. Kalau mereka melihat kepada yang remeh-temeh, mereka hendak siarkan pun tidak apa. Tetapi janganlah di atas pilihan, tafsiran dan tapisan itu pula, baca sendiri propaganda, menerima sendiri propaganda daripada diri sendiri, menulis pula rencana untuk menyatakan kita remeh-temeh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru, walaupun sudah empat kali bangun. Bila saya merujuk hujah daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru, kemudian saya rujuk juga hujah daripada Yang Berhormat bagi Beluran dan juga Yang Berhormat bagi Muar, tadi kita sebutkan dalam Parlimen ada berbagai-bagai lapisan, ada Ketua Menteri, ada Menteri – Ketua Menteri pun ada dalam Dewan ini - ada daripada petani, ada daripada jurusan profesional dan sebagainya. Kita membawa perkara-perkara yang penting yang datangnya daripada rakyat jelata. Daripada perkara yang mungkin dianggap bodoh hinggalah kepada perkara-perkara yang dianggap terlalu pandai kerana semuanya datang daripada rakyat. Adakah Yang Berhormat bagi Johor Bahru setuju menyatakan di sini bahawa kesemua yang kita bincangkan di sini sama ada perkara itu kecil, rumit ataupun *complicated*, mudah dan sebagainya, dijadikan satu rumusan dalam bentuk undang-undang dan dasar yang membawa kepada kehidupan rakyat yang sejahtera. Sekian terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebenarnya menjadi tanggungjawab kita sebagai satu kumpulan kecil rakyat Malaysia yang memegang kepada mandat rakyat, yang telah mengambil sumpah taat setia kepada negara untuk mempertahankan perlembagaan, itulah memang tanggungjawab kita. Pemberita tidak payah hendak angkat sumpah ini semua. Dia suka menulis, tulislah. Tetapi akhirnya, sebagai akhbar, kami menghormati kebebasan akhbar dan kami tidak minta mereka menulis tentang setiap ucapan kami, tidak. Tetapi janganlah pula menggunakan kami sebagai bahan dagangan untuk hendak menjualkan akhbar seperti mana yang dicadangkan oleh wakil daripada Cheras, Cheras ya? [Disampuk] Minta maaf, Seputeh. Ataupun untuk mencapai tujuan dan matlamat yang lain. Kalau untuk tujuan perdagangan, tidak apalah, kami tidak akan rasa terkilan.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga yang bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Saya ingin tanya pandangan daripada Yang Berhormat. Sejak 47 tahun Parlimen kita berjalan, tiba-tiba pada tahun ini kita nampak sesuatu yang begitu agresif dan satu senario berbeza berkaitan kenyataan-kenyataan yang kita keluarkan. Publisiti yang kita terima sekarang adalah suatu yang perlu saya rasa dilihat secara positif kerana dalam proses pengislahan, *there must be a storm*, dengan izin dan mungkin proses ini adalah satu proses yang baik untuk kita kerana dengan tiba-tiba (*suddenly*) rakyat sudah melihat kita sebagai satu entiti yang ada kesannya terhadap pembinaan negara.

Kalau kita lihat, banyak daripada dasar-dasar yang kita bincangkan di sini dan begitu banyak undang-undang yang kita bincangkan di sini, semuanya telah dibuat oleh eksekutif dan kita dilihat sebagai satu *rubber stamp*. Maka moral dan pandangan dunia terhadap Ahli Parlimen adalah, *they are irrelevant* macam yang dikatakan tadi. Apa yang mereka buat di sini, mungkin tidak akan dipindahkan sebagai satu dasar yang kemudiannya dihantar kepada eksekutif untuk dilaksanakan. Maka saya minta pandangan, adakah ini sesuatu yang akan berpanjangan dan reformasi ini, pengislahan ini akan benar-benar membawa manfaat kepada kita dan perlu ditangani media ini dalam konteks itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pandangan daripada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pun memang tepat juga kerana ia satu proses. Sebenarnya tidak ada mana-mana pihak, mana-mana kuasa yang boleh melarang kita kecuali kuasa Allah Taala. Kalau kita bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab kita secara jujur dan secara ikhlas apa pun rintangan yang dibawa oleh pihak akhbar, pihak media yang lain atau mana-mana pihak tidak akan boleh menyekat perubahan itu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat bagi Johor Bahru tadi khasnya mengenai laporan Pope John Paul II yang meninggal dunia. Oleh kerana saya ada baca dalam surat khabar Tionghua bahawa pandangan Yang Berhormat bagi Johor Bahru ada menyoalkan mengapa New Straits Times - dan saya orang yang terakhir untuk membela New Straits Times, mengapa New Straits Times yang dimiliki oleh parti yang memerintah dalam sesebuah negara Islam boleh menggunakan untuk beberapa hari berita Pope John Paul II yang meninggal dunia sebagai *headlines news*. Adakah ini pendirian Yang Berhormat bagi Johor Bahru?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Kenapa? Fasal apa?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini pandangan sebenar Yang Berhormat bagi Johor Bahru mengenai perkara ini? Saya sangat terperanjat mengenai pandangan semacam ini.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Pandangan apa?

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana ditekankan, mengapa ditekankan, *the headlines news*.....

Tuan Lim Kit Siang: Bagaimana sebuah surat khabar yang dimiliki oleh parti pemerintah dalam sebuah negara Islam untuk beberapa hari menggunakan berita Pope John Paul II meninggal dunia, *front page news*. Bukankah ini satu pandangan yang sangat aneh?

Dato' Shahrir Abdul Samad: Pandangan saya? Pandangan saya atau pandangan siapa?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, pandangan Yang Berhormat bagi Johor Bahru yang dilaporkan dalam surat khabar Tionghua.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Surat khabar Tionghua? Saya dilaporkan oleh surat khabar Tionghua?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Bila saya bercakap dengan surat khabar Tionghua?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu, sebab itu saya tanya Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, New Straits Times kan?

Tuan Lim Kit Siang: Tionghua – Sit Chew, Sit Chew.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Oh, surat khabar Sit Chew ya. Saya tidak ingat bila saya berjumpa dengan surat khabar *Sit Chew* untuk menyatakan pandangan saya seperti demikian. Tetapi saya merasakan yang pelik ialah fasal gambar kasut. Apa perlunya letakkan gambar kasut? Tetapi saya berterima kasih kepada *Straits Times* kerana saya boleh mengetahui bahawa Pope pakai kasut merah, itu sahaja. Kerana ini peningkatan ilmu saya dan kerana saya pun suka mendapat ilmu yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sebenarnya proses transformasi yang sedang berlaku ini akan berlaku, akan berjalan dengan walaupun disekat, walaupun cuba dihalang. Sudah tentu ia berbeza kali ini kalau dibandingkan pada masa-masa dahulu. Kalau masa dahulu, kita mesti menjadi seorang Menteri, baru dilaporkan kenyataan kita ataupun kalau kita hendak dilaporkan oleh surat khabar, kita mesti mengeluarkan *facts and figures*, tidak boleh hanya mengeluarkan idea. Sudah ada perubahan dan saya melihat bagaimana pihak surat khabar begitu berminat untuk bertanya kepada saya, berwawancara dengan saya tentang perubahan yang hendak dibawa ke Parlimen.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Mambong, di belakang.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Johor Bahru, setiap profesion memang ada kod etikanya. Begitu juga dengan *journalist* ini. Mereka ada *Society Of Professional Journalist* dan mereka juga ada kod etika. Saya mohon izin untuk membaca sedikit daripada kod etika ini dan saya ingin meminta penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru tentang kod etika ini.

Yang pertama, kod etika *Society Of Professional Journalist* ini mengatakan dengan izin, *seek truth and report it. Journalist should be honest, fair and encourages in gathering, reporting and interpreting information. Keywords* juga, *interpreting information*.

Yang kedua, *minimize harm. Ethical journalist treat sources, subjects and colleagues as human being*, kita ini semua *human being* di dalam Dewan ini, *deserving of respect*. Jadi inilah di antara kod etika yang ada di dalam *society of professional journalist*. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Johor Bahru, adakah selama ini kod etika ini diikuti oleh *journalist* kita, lebih-lebih lagi di NST?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya tidak sangat hendak mengikut apa yang dilaporkan oleh NST dan apa yang dilakukan oleh NST, tetapi tentang perkara-perkara yang lain tetapi pada pandangan saya, kalau perkara itu tidak betul, tidak betullah. Dan kalau pun adanya *selective reporting*, ada dia pilih-pilihnya yang lain, yang tertentu untuk dimasukkan dalam acuan yang telah dibentuk. Sudah dipilihnya acuan, dipilihnya ramuan, dijadikanlah ramuan itu yang diperlukan, itu yang dimasukkan, memang itu berlaku.

Tetapi saya rasa seperti mana saya katakan bahawa akhirnya kalau perubahan dan kemajuan itu tetap berlaku kerana kita melihat bahawa kepimpinan yang ada sekarang mahukan kepada keterbukaan dan menggalakkan kepada keterbukaan. Tentulah dalam

keadaan ini mungkin ada pihak yang salah faham yang merasakan bahawa keterbukaan itu bermakna memberi lesen kepada mereka, memberi kebenaran kepada mereka untuk membuat tafsiran sendiri kepada apa yang dihajati oleh kepimpinan kita dan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Donald Peter Mojuntin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Dalam perbincangan kita ini, kita kelihatan mempersoalkan *journalistic integrity* pihak media, khususnya surat khabar, dalam membuat laporan terutamanya laporan apa yang berlaku di Dewan yang mulia ini di mana mereka lebih suka atau minat kepada *sensationalist journalism*.

Saya ingin minta pandangan dari Yang Berhormat bagi Johor Bahru, setujukah bahawa dengan izin, *there seem to be a lack of intelligent journalistic analysis* kepada apa yang berlaku kepada apa yang kita perkatakan dalam debat-debat atau perbincangan-perbincangan kita di Dewan ini dan setujukah bahawa sudah tiba masanya pihak surat khabar ini, *it is time for them*, dengan izin, *to look to themselves, are they doing justice* bukan kepada Ahli Parlimen tetapi kepada *public*, orang awam. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Yang pokok saya rasa akhirnya seperti mana Parlimen sebagai sebuah institusi yang penting dalam sistem politik negara ingin memperjuangkan hak dan mandat rakyat itu demi kepentingan dan kebajikan mereka dengan cara yang disampaikan melalui perbincangan dan persoalan dan sebagainya.

Begitu jugalah media mempunyai peranannya yang tersendiri dan peranan itu juga harus dilaksanakan dengan perasaan penuh tanggungjawab. Janganlah katakan orang lain begitu dan begini. Mungkin kita yang lebih dan saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan saya bahawa sebenarnya kita sedang melalui proses perubahan itu dan kita menghormati kehadiran media, kita menghormati peranan media dan kita memikul tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen dengan serius, dengan ikhlas dan dengan jujur.

Kalau pun media hari ini, ada sesetengah media, surat khabar NST merasakan kami tidak layak, tidak mengapa kerana insya-Allah, akhirnya mandat yang rakyat serahkan kepada kami akan kami pulangkan balik kepada rakyat dan kami akan dihukum semula oleh rakyat. [*Tepuk*] Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

3.44 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kita baru dengar ucapan Yang Berhormat bagi Johor Bahru, Pengerusi *Backbenchers Club* dan kalau benar dia tidak kisah apa yang terkandung dalam kedua-dua rencana *New Straits Times*, saya percaya dia tidak ambil masa bercakap dengan begitu panjang lebar dalam perkara ini, khasnya sama ada Ahli-ahli Parlimen, khasnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang terdiri daripada 92%...

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: ...dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sekejap.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Boleh saya?

Tuan Lim Kit Siang: Ok, boleh.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Pasal pilihan penggunaan perkataan "tidak kisah" atau *I don't care*, bukan. Saya tidak pernah pakai perkataan "tidak kisah". Saya tidak rasa bahawa ianya begitu serius untuk kita mengatakan ia menghina Parlimen supaya kita hendak rujuk kepada Jawatankuasa *Privileges* dan sebagainya, itu sahaja. Janganlah diambil perkataan "tidak kisah". Saya tidak pakai pun perkataan "tidak kisah".

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, dia kata dia kisah sebab itu cakap begitu panjang lebar dalam perkara ini, khasnya sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang mengandungi 92% di Dewan yang mulia ini relevan atau tidak relevan. Khasnya pagi ini, apa yang kita dengar pagi ini, satu rintihan mengenai peranan Ahli-ahli Parlimen khasnya dalam kaca mata kakitangan kerajaan bahawa mereka rasa dihinakan, tidak dihormati dan kita dengar beberapa contoh kenapa di akar umbi ialah masalah sama ada Parlimen ini relevan, sama ada kita relevan dan sama ada kita relevan, mustahak bukan sahaja mengenai usul di hadapan Dewan yang mulia ini untuk menaikkan elaun Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen, elaun mereka 10% tetapi lebih mustahaknya apa peranan yang kita mainkan.

Sama ada kita boleh memenuhi tiga fungsi utama Parlimen. Yang pertama, sebagai satu badan legislatif yang bermakna bukan sahaja satu *rubber stamp*, kita tidak boleh dapat hormat orang ramai atau kakitangan kerajaan oleh kerana kita dianggap sebagai *rubber stamp*. Yang kedua sebagai satu badan *deliberative*. *Deliberative* untuk fikir dan bincang masalah-masalah negara kita. Yang ketiga, sebagai satu badan yang dengan izin, *hold the government to account*. Adakah kita boleh memainkan ketiga-tiga peranan ini?

Kita boleh lihat, ini apa yang penting kita perlu bahas, khasnya apabila kita bahas rang undang-undang ini, adakah kita berjaya dengan efektif, dengan cekap, dengan bermakna memainkan tujuan ini. Hari ini kita tanya orang ramai, adakah mereka anggap Parlimen relevan? Tentu mereka kata tidak relevan. Kenapa? Krisis diesel seluruh negara bukan satu hari atau satu minggu?

Puan Chong Eng: Seminggulah.

Tuan Lim Kit Siang: Empat bulan. Empat bulan sehingga sekarang ada operator bas sekolah ada memberi surat amaran kepada semua ibu bapa bahawa kalau mereka tidak boleh datang untuk membawa anak-anak mereka ke sekolah, mereka patut tahu kenapa. Oleh kerana kekurangan diesel seluruh negara, Sarawak, Sabah, Semenanjung Malaysia dan semua Ahli-ahli Parlimen. Saya percaya mereka pun ada pengalaman sendiri yang menggunakan kenderaan diesel tidak boleh dapat diesel.

Tuan Huan Cheng Guan: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Batu Kawan tidak boleh dapat diesel, Yang Berhormat bagi Pendang pun dan semua Ahli-ahli Parlimen. Tetapi masalah ini bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen hadapi, semua rakyat Malaysia beratus-ratus ribu orang. Tetapi kalau perkara semacam ini pun kita, Parlimen tidak rela, tidak boleh menangani, tidak boleh menyelesaikan krisis, apa relevansi Parlimen ini. Apa relevansi?

Itulah mustahak, tiga minggu dahulu, dalam perbahasan yang menggulung perbahasan Titah Diraja, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri ada beri satu jaminan bahawa akan ada satu mesyuarat tergepar akan diadakan untuk menyelesaikan masalah ini, ada laporan di sini bahawa satu rancangan yang baru akan dilaksanakan dan dikenalkan, di mana untuk memberhentikan segala penyalahgunaan dalam sistem subsidi dan bahawa Jawatankuasa Kabinet mengenai *on essential goods* akan bermesyuarat untuk melaksanakan skim ini. Itu dah tiga minggu tetapi sekarang, hari ini, semalam saya menerima panggilan telefon, saya percaya Ahli-ahli Parlimen semalam ada menerima panggilan telefon, seluruh negara.

Di Sarawak kita dengar rayuan, sekarang satu rayuan di seluruh negara ialah rayuan seruan kepada Yang Berhormat Menteri untuk letak jawatan, oleh sebab kegagalan beliau untuk menyelesaikan krisis diesel. Kenapa Ahli-ahli Parlimen sama ada tak kira apa parti tidak berdiri untuk menyuarakan masalah ini supaya kerajaan selesai krisis diesel ini selama sampai 5 bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup mengenai perkara itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu *relevancy*.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpukan kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah Parlimen relevan? Adakah Parlimen relevan? Kita perlu fokus menumpukan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya.

Puan Chong Eng: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semalam dan pagi ini saya menerima panggilan telefon dari operator bas kilang di Bukit Mertajam mengatakan lebih kurang 50 buah bas kilang sekarang memburu diesel. Kalau mereka tidak dapat diesel itu, mereka tidak boleh hantar pekerja pergi ke kilang. Ini saya rasa adalah satu perkara yang penting, apakah pendapat Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya percaya dan saya setuju. Ini lebih penting daripada apa Yang Berhormat Johor Bahru ucap tadi. Itulah secara langsung berkaitan dengan *relevancy* Ahli-ahli Parlimen, institusi Parlimen kepada rakyat Malaysia. Saya harap bahawa kita boleh selesaikan perkara ini. Tidak tahu apa caralah boleh cari satu formula supaya isu ini tidak pupus.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Ipoh Timor, semalam saya juga menerima panggilan telefon. Lebih daripada 10 buah bas dan van beratur di petrol stesen ESSO di Jalan Pasir Putih kerana mereka menghubungi saya, hari ini mereka hantar kad-kad dan nombor telefon kata, "tidak ada diesel Yang Berhormat, tidak ada diesel". Kami kena bawak budak sekolah besok bagaimana?

Dan sedarkah Yang Berhormat Ipoh Timor bahawa di kawasan saya pusing, dua petrol stesen BP, Petronas habis diesel. Di Batu Gajah town, Caltex, BP, ESSO, Shell, Petronas habis diesel. Dan di Muar, Jalan Hashim Shell, Jalan Bakri Shell, Jalan Sulaiman Shell, Jalan Arab Mobil semua habis diesel. Pagi ini Syarikat Pengangkutan Lori hubungi saya, berkata, "Yang Berhormat, apakah wakil rakyat akan buat berkenaan kekurangan diesel ini?" Email serta sms juga mengadu apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan keseriusan dan bagaimana kerajaan pandang ke atas isu ini dan peranan Parlimen terhadap isu krisis diesel ini?

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun ada mendapat panggilan telefon, ESSO di Jalan Pasir Putih pun tidak ada diesel dan oleh sebab mereka kata pukul 9 diesel akan datang, berpuluh-puluh kenderaan tunggu. Pukul 9 tiada, kata pukul 11 tunggu. Kenapa kita ada krisis yang begini? Kenapa, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan saya percaya pun tahu tidak menyuarakan masalah ini. Ini satu contoh, contoh sebagai apakah kita *relevancy* atau tak *relevancy* Parlimen? Masalah *corrupcy*, adakah Parlimen di hadapan untuk menangani masalah ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata inilah *center*, itulah *plan* utama, agenda utama pentadbiran beliau iaitu membanteras *corrupcy*, tetapi Parlimen yang unggul ini adakah kita memainkan peranan kita supaya kita di hadapan untuk menunjukkan satu suasana *zero tolerance for corruption*. Apa yang berlaku? Dalam surat khabar kita ada laporan-laporan mengenai kes-kes *suspect corruption*. "*Power play, Rumie's death*". Rumie Azan Mahlie daripada Sarawak, mahupun polis kata bahawa tidak "*power ... play*" tetapi ahli-ahli keluarga mereka percaya ini bersangkut paut dengan siasatan beliau mengenai *toxic waste* ..

Anggota-anggota keluarga percaya ada .. "*power play*", adakah perkara ini ditangani di dalam Dewan yang mulia ini. 20, dekat 30 tahun dahulu, 22 tahun dahulu seorang, selepas itu dianggap sebagai seorang perwira orang Melayu, orang Malaysia Jalil Ibrahim dibunuh di Hong Kong, oleh sebab *Bumiputera Malaysia Finance* skandal. Tetapi adakah Rumie Azan Mahlie, ialah Jalil Ibrahim yang kedua? Di mana oleh sebab tanggungjawab beliau oleh sebab keberanian beliau untuk siasat sehingga ke akar umbi apa penyalahgunaan kuasa termasuk *corrupcy* mengenai alam sekitar, *toxic waste*, sama ada di Sarawak atau di Malaysia, beliau sudah menjadi mangsa. Atau kita mahu tunggu satu *royal commission enquiry* barulah kita boleh mengetahui sama ada kematian Rumie akibat daripada "*power play*".

Atau adakah dalam 18 bulan ini Parlimen memainkan peranan yang bermakna untuk menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia. Harap ada reformasi, ada perubahan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, untuk membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan janji-janji beliau, untuk membina sebuah kerajaan yang cekap, yang *people oriented*, yang bersih, yang telus, yang terbuka. Adakah kita mempunyai peranan ini?

Pagi ini kita ada dengar beberapa *complaint* mengenai Ahli-ahli Parlimen tidak diberi hormat apabila mereka pergi ke jabatan kerajaan, apabila mereka tunjuk kad Ahli Parlimen. Kalau inilah *treatment*, layanan yang Ahli-ahli Parlimen dapat, bagaimana pula orang biasa? Bukankah lebih dahsyat, tetapi apakah perkara ini diperdengarkan di dalam Dewan yang mulia ini, apa yang mustahak ialah apakah kita relevan? Bukan sahaja mengenai masalah Ahli-ahli Parlimen, tetapi lebih mustahak ialah 25 juta rakyat Malaysia. Inilah apa yang perlu kita fokus dalam perbahasan mengenai rang undang-undang di hadapan kita sama ada kita boleh berjaya untuk *reverse a term of trade*, antara kerajaan dan Parlimen *shift*, supaya lebih adil, ada keseimbangan, *balance* dari segi kuasa, Eksekutif dan Parlimen.

Adakah kenaikan 10% elaun ini akan menyebabkan perkhidmatan prestasi, mutu, kualiti perbahasan Parlimen naik 10%? Atau adakah cara yang lebih baik untuk mempertingkatkan prestasi, standard dan kualiti perbahasan Ahli-ahli Parlimen.

Rang undang-undang ini bukan terhad kepada elaun Ahli Parlimen sahaja tetapi juga kepada Menteri, Timbalan Menteri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Setiausaha Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, standard dan lain-lain. Ini pun kita perlu kaji prestasi Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, prestasi Ahli-ahli Kabinet, prestasi timbalan menteri. Adakah kita merupakan satu Kabinet yang cekap, yang kompeten dan yang berkualiti? Kita ada Kabinet yang terbesar sekali campur Kabinet di dunia. Kita ada *frontbench* 33 Menteri yang penuh, *full Minister* 33, *Deputy Minister* dan Setiausaha Parlimen 60.

Seramai 93 orang lebih banyak berbanding dengan negara-negara yang lain. Sama ada Australia yang baru sahaja ada 17 orang *full minister* dan 26 orang *deputy minister* atau setarafnya. Kanada atau India ada *population* lebih daripada 1 bilion tetapi bilangan menteri penuh ialah 29 dan *minister of state* 38, total *frontbench* 67, kita ada 93. 93! New Zealand, *full minister* 20, *frontbench* yang lain 5 yang jumlah kesemuanya 25. South Africa 28, *full minister* 21, *frontbench* dan lain-lain 21, jumlah 49. UK 22 *minister*, 69 *minister of state* dan *Parliamentary secretaries* 92, pun kurang daripada Malaysia. Zimbabwe pun 50 orang sahaja. Kenapa kita ada campur Kabinet yang begitu besar kuantitinya?. Kenapa? Bolehkah ini dikurangkan? Tidak lama lagi akan ada satu *reshuffle*, bila *reshuffle*, oleh kerana apabila Kabinet ditubuhkan selepas pilihan raya besar Mac 2004 tidak ada apa-apa perubahan.

Ada orang yang dilihat atau dianggap sebagai tidak bersih pun terus dalam Kabinet. Ada orang mereka yang ada laporan kepada ACA terhadap mereka pun terus memegang jawatan dalam Kabinet. Bukan satu kuantiti, kualiti pun menimbulkan masalah mengenai prestasi standard Ahli-ahli Kabinet. Apa yang kita lihat dalam Dewan yang mulia ini mengenai jawapan, mengenai beberapa perkara seperti rancangan-rancangan yang ada diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu lalu bahawa untuk mendahului Rancangan Malaysia Kesembilan satu rancangan RM2.4 bilion melalui 26 projek, di mana di luar Dewan yang mulia ini dilaporkan oleh *Bernama* bukan sekali tetapi berkali-kali bahawa ini ialah untuk satu *pump priming* proses menghadapi keadaan ekonomi yang begitu rumit sekarang supaya program-program untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dibawa ke depan kepada Rancangan Malaysia Kelapan.

Tetapi dalam Dewan yang mulia ini, dalam masa jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan Yang Kedua kata bukan projek daripada Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi selepas penjelasan beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di luar Dewan sekali lagi ulangi inilah projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Mana itu konsistensi? Apa cakap dalam Dewan ini dan apa cakap di luar Dewan berbeza. Berbeza. Apa Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dalam Dewan ini berkata bahawa adalah *Bible* dalam bahasa Malaysia adalah diharamkan sejak kemerdekaan tahun 1957

tetapi ini kemudian ada dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di luar Dewan ini tidak benar. Apa yang perlu ialah satu notis bahawa terhad kepada bukan orang Muslim. Kenapa ada penjelasan dan pendirian yang bercanggah dalam Dewan dan di luar Dewan? Bukankah ini membayangkan *reflect* mengenai kualiti kompeten Ahli-ahli Kabinet, *full Minister*.

Kita juga selalu lihat ada menteri-menteri yang tidak ada dalam Dewan yang mulia ini. Langsung tidak ada. Kita ada seorang menteri yang dalam *session* ini kali yang pertama kita lihat beliau datang untuk memberi satu jawapan, kali yang pertama. Saya dengar bahawa dia selalu tidak ada dalam kementerian beliau pun. Selalu di luar daripada kementerian. Satu minggu satu kali datang untuk mesyuarat Kabinet sahaja dan dalam kementerian itu timbalan menteri *defector* menteri, *day to day*. Kalau Menteri berkenaan mahu menumpukan masa beliau untuk menjadi Ketua Menteri satu negara di sebelah Timur lebih baik dia menumpukan masa tenaga, usaha dalam bidang ini dan bukan terus memegang jawatan sebagai menteri tetapi tidak mahu menjalankan tugas menteri beliau. Sebab itu kita tengok baru-baru ini begitu banyak masalah *environmental* dalam DOE.

Kita kerap kali baca dalam surat khabar masalah di seluruh negara di Perak, di Sarawak, di Johor dan di Melaka *forest reserve* dicabuli bahawa *toxic waste*. Sekarang kita perlu kaji pada masa ini apabila kita kata naik 10%. Ini masa untuk mengkaji dan menguji prestasi Yang Berhormat Menteri *International Trade Industry*. Mana ada beliau dalam Dewan ini. Dia sibuk tetapi tidak kira betapa sibuk, Dewan yang mulia ini tempat untuk datang untuk *accountable* kepada Dewan yang mulia ini. Adakah satu kajian mendalam dalam perkara ini, sungguhpun baru-baru ini kita tengok ada kemajuan di mana atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah lebih ramai Ahli-ahli Kabinet datang untuk jawab, untuk memberi laporan.

Tetapi apabila mereka datang kita harap bahawa Menteri akan bertanggungjawab untuk sama ada untuk jawab soalan atau untuk bertanggungjawab mengenai penggulungan ucapan dan bukan serah kepada timbalan menteri atau setiausaha Parlimen apabila menteri ada dalam Dewan ini. Kita tidak mahu tengok Menteri ada tetapi jawapan dibuat oleh timbalan menteri atau setiausaha Parlimen kerana itu adalah tanggungjawab utama menteri yang berkenaan.

Mengenai timbalan menteri, kita tengok minggu lalu laporan dalam surat khabar di mana Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi yang kata bahawa Ahli-ahli Parlimen buli timbalan menteri oleh kerana mengenai air, penswastan air dan Jawatankuasa Pilihan Air. Buli. Adakah Ahli-ahli Parlimen buli timbalan menteri? Ini sangat serius. Tidak tahu sama ada timbalan menteri ada di sini, dia rasa dibuli. Adakah ahli-ahli sama ada Barisan Nasional atau pembangkang ada buli timbalan menteri berkenaan. Ada?

Beberapa Ahli: DAP!

Tuan Lim Kit Siang: Ada? Kalau ada ini dibuli oleh ahli-ahli Barisan Nasional. Semalam Setiausaha Parlimen dalam jawapan beliau mengenai isu Jepun mengenai perlulah minta maaf atas jenayah perang.

Kalau kerajaan mahu menimbang memberi sokongan kepada usaha Jepun untuk dapat satu tempat yang tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apabila menjawab kepada penjelasan saya sama ada kerajaan rela untuk memberi satu syarat bahawa sebelum Malaysia memberi sokongan kepada usaha Jepun dalam usaha mendapatkan *permanent seat* dalam *United Nation Security Council* bahawa Jepun perlulah ada tindakan yang *corrective* yang menunjukkan ia benar-benar minta maaf tidak ada lagi menyokong *text book* yang *revisionist militarist*, pemimpin-pemimpin Jepun tidak akan lagi membuat lawatan ke *Yakusuni Shrine* dan memberi ganti rugi kepada mangsa-mangsa kekejaman Jepun.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkata bahawa cadangan-cadangan untuk struktur semula *United Nation Security Council* belum jadi kenyataan dan kerajaan belum lagi ambil keputusan mengenai perkara ini. Tetapi hari ini saya baca dalam *Oriental Daily* iaitu sebuah surat khabar berbahasa Cina, muka depan kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengatakan bahawa pendirian Malaysia sudah dibuat, sudah sangat terang

menyokong Jepun dalam usaha untuk *bit permanent seat* Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Kenapa ada dua pendirian, satu di dalam dan satu lagi di luar? Bukankah ini satu lagi *reflect* prestasi menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, masalah besar yang kita hadapi ialah dalam 18 bulan ini semua Ahli Parlimen rela untuk menerima slogan *First World Parliament* tetapi tidak rela mengadakan mentaliti *First World Parliament*. Contoh yang terbaik sekali ialah mengenai kontroversi sampai sekarang iaitu *Select Committee* mengenai Rang Undang-undang Air. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada berkata bahawa dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu ada membuat keputusan bahawa menolak cadangan daripada semua Ahli Parlimen – *across the board*. Barisan Nasional -pembangkang *Parliament Select Committee* mengenai Rang Undang-undang. Oleh kerana keadaan air sangat teruk, apa teruk? Mengapa tidak boleh tunggu sehingga 6 bulan, 8 bulan atau 9 bulan sebelum rang undang-undang dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan? Mengapa tidak boleh tunggu? Adakah sebab-sebab diberikan bukan sahaja di Kabinet tetapi diberi kepada Parlimen ini?

Okey, katakanlah tidak boleh tunggu, tetapi mengapa tidak boleh tunggu? Apa sebab dan siapa yang tidak boleh tunggu? Syarikat-syarikat air tidak boleh tunggu atau rakyat tidak boleh tunggu? Siapa tidak boleh tunggu? Air tidak boleh tunggu? [Disampuk] Air siapa tidak boleh tunggu? Apa jenis air? Kita tahu jenis air dan apa makna air. Air ialah wang - *blue gold* - wang biru. Siapa yang bertanggungjawab kepada siapa? Parlimen bertanggungjawab kepada Kabinet atau Kabinet bertanggungjawab kepada Parlimen?

Parliamentary Select Committee - kita mahu penjelasan diberi kenapa tidak boleh tunggu. Kita tahu teruk, kenapa dan siapa yang bertanggungjawab bagi masalah begitu teruk? Adakah Parlimen bertanggungjawab? Kenapa tidak boleh tunggu sedangkan kita telah menunggu berpuluh-puluh tahun? Ya, Yang Berhormat Menteri kata air kuning, air kotor sebab itu sekarang perlulah *filter* tetapi kalau tunggu 6 bulan, 9 bulan supaya dua rang undang-undang itu, Rang Undang-undang Air Industri dan Rang Undang-undang SPAN boleh disemak dan dikaji sedalam-dalamnya oleh *Parliamentary Select Committee*, kenapa tidak boleh? Adakah kerosakan yang akan berlaku? Adakah rakyat tidak ada air untuk digunakan? Adakah Ahli-ahli Parlimen menerima sahaja sepenuhnya, oleh kerana Menteri kata tidak boleh tunggu maka mereka terima? Kita mahu tahu sebab bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen mahu tahu tetapi rakyat Malaysia juga mahu tahu kenapa tidak boleh tunggu dalam tempoh 6 bulan atau 8 bulan supaya *Parliamentary Select Committee* mengenai air boleh diadakan dan boleh menjalankan tugas.

Saya harap Kabinet dalam perkara ini esok boleh mengkaji semula dan memberi keterangan kenapa tidak boleh tunggu dan siapa yang tidak boleh tunggu. Rakyat tidak boleh tunggu atau syarikat-syarikat air yang mahu mengaut keuntungan besar tidak boleh tunggu? Itu *Parliamentary Select Committee*. Kalau prinsip *Parliamentary sovereignty* saya tidak tahu kenapa *Backbenchers Club* dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional begitu mudah *surrender* dalam perkara ini. Saya pun tidak faham mengapa *surrender* begitu mudah. Pagi kata inilah Ahli-ahli Parlimen Dewan yang tertinggi tetapi dalam perkara yang begitu pokok begitu senang menyerah tanpa alasan dan tanpa sebab.

Sebenarnya *Parliamentary Select Committee*, saya pernah bercadang bukan tahun lalu sahaja tetapi dahulu lagi. Tetapi tahun lalu saya ada mencadangkan supaya ada *Specific Parliamentary Committee* dan *General Select Committee*. Ini yang biasa dalam negara-negara yang ada *Parliament First World*.

Tengok ini, di United Kingdom, ada berpuluh-puluh *Committee*, *Accommodation Works Committee*, *Administration Committee*, *Broadcasting Committee*, *Constitution Affairs Committee*, *Culture Media Sport Committee*, *Defence Committee*, *Education and Skills Committee*, *Environmental Audit Committee*, *Environmental Food and Rural Affairs Committee*, *European Scrutiny Committee*, *Export Controls Committee*, *Finance and Services Committee*, *Foreign Affairs Committee*, *Health Committee*, *Home Affairs Committee*, *Information Committee*, *International Development Committee*, *Liason Committee*, *Modernization of the House Committee*, *Northern Ireland Affairs Committee*, *Office of the DPM Procedure Committee*, *Public Accounts Committee*, *Public Administration*

Select Committee, Regularity Reform Committee, Science and Technology Committee, Scottish Affairs Committee, Standard and Privileges Committee, Statutory Instrument Committee, Trade and Industry Committee, Transport Committee, Treasury Committee, West Affairs Committee dan Work and Pension Committee.

Negara-negara Australia, New Zealand, South of Africa, India, Indonesia, Ireland semuanya begitu tetapi bukan Malaysia. Mengapa? Adakah Ahli-ahli Parlimen malas? saya bertanya adakah Ahli-ahli Parlimen malas? Kalau bukan malas mengapa kita tidak mahu menubuhkan *Select Committee*? Siapa bertanggungjawab untuk menubuhkan *Select Committee*? Sekarang kata oleh kerana Kabinet tidak setuju, kerana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menteri yang bertanggungjawab mengenai Parlimen tidak berjaya untuk mendapatkan kelulusan daripada Kabinet. Kenapa kita perlu kelulusan daripada Kabinet? Ini adalah hal ehwal Parlimen! Ini hal ehwal Parlimen! Tidak ada hubung kait dengan Kabinet. Tidak perlu persetujuan daripada Kabinet. Kita mahu *Independence of Parliament*. Ini pun tidak berani fikir. Ini pun "waaa". Ini pun tidak boleh faham apa *Independence Parliament*? Apa *First World Parliament Mentality*, barulah *first world slogan*.

First World Parliament slogan ada *First World Parliament Mentality* tidak ada. Adakah rela fikir ini kita bukan diputuskan oleh pihak pembangkang tetapi oleh Ahli-ahli Parlimen sendiri selain daripada Ahli-ahli Parlimen kata dia tidak mahulah kerja, banyak kerja kita malas. Kita mahu rajin semacam Ahli-ahli Parlimen *First World* di dunia. Itu kita perlu sikap yang baru, adakah rela sikap yang baru?

Kita tengok dalam satu masa yang pendek yang dikatakan bahawa ada dapat persetujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan mengenai Rang Undang-undang Air dan juga masa itu dikatakan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bila beliau buat pengumuman dalam perkara ini dalam bulan Januari atau spesifiknya 19 Januari sungguhpun kemudian beliau dipaksa untuk tarik balik, dia ada kata masa itu bahawa Jawatankuasa ini *Parliamentary Select Committee* ini akan dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

Ini lagi satu sikap bahawa kita tidak sedia adakan *First World Parliament Mentality* mana dalam dunia ada *First World Parliament* ada *Parliamentary Select Committee* dipengerusikan oleh menteri, itu eksekutif. Adalah *seperation executive* dan *legislerature*. Apa-apa kerja, penggubalan, persediaan mengenai rang undang-undang yang baru mengenai dasar yang baru yang dibuat oleh eksekutif, itulah bidang eksekutif tetapi apabila datang ke *legislerature*, ke Parlimen, Parlimen perlulah satu agensi sendiri untuk melaksanakan semua *review* atau kajian.

Boleh meminta, menjemput menteri berkenaan atau anggota-anggota eksekutif datang untuk memberi taklimat, untuk memberi pandangan tetapi mana boleh ada seorang menteri menjadi menteri *Parliamentary Select Committee*. Apa *Parliamentary Select Committee* ini? Apa binatang ini? Ini bukan *Parliamentary Select Committee* lagi. Ini bukan *Parliamentary Select Committee*, adakah faham?

Beberapa Ahli: Faham!

Tuan Lim Kit Siang: Ya. [Ketawa]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya mengikuti laporan dalam televisyen dua tiga hari ini dan mungkin dalam akhbar pun ada disebutkan bahawa pada masa ini Menteri Luar negara Jerman - Fitcher sedang dihadapkan di Jawatankuasa Pilihan Parlimen Jerman - Vunderstek kerana didapati bahawa semasa beliau menjadi atau sebagai Menteri Luar Jerman beliau telah membuat tindakan-tindakan yang terlalu memudahkan orang-orang Eropah Timur terutamanya masuk ke negara Jerman dengan pengeluaran visa secara agak mudah.

Jadi beliau telah dibawa dihadapkan di *Parliamentary Select Committee* tentang isu itu dan beliau bukan sebagai pengerusi tetapi seolah-olah sebagai orang yang dituduh dan diselidiki akan tindakannya sebagai Menteri Luar di Jerman, apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya itu tunjuk bahawa adalah garisan yang jelas antara kuasa-kuasa *legislative* dan kuasa-kuasa eksekutif di mana *Parliamentary Select*

Committee bukan sahaja boleh memanggil, menjemput anggota eksekutif menteri atau orang jawatan yang lain untuk datang, untuk memberi pandangan, untuk memberi laporan malah dia dipanggil untuk menghadapi dalam satu siasatan kalau adalah alasan di mana *Parliamentary Select Committee* boleh memulakan satu siasatan oleh kerana ada apa-apa jenis penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa.

Tetapi di Malaysia, Parlimen Malaysia yang kita sekarang kata mahu *First World Parliament* selepas dekat 50 tahun kita belum boleh keras. Fikiran semacam ini, adakah kita boleh keras bahawa kita patut mengadakan satu *Parliamentary Select Committee* bukan satu tetapi 20, 30 supaya setiap menteri, setiap kementerian *discheduled* oleh satu *Parliamentary Select Committee* dan di mana menteri-menteri atau anggota pentadbiran perlulah boleh dipanggil untuk menghadapi. Adakah kita rela atau kita menganggap, oh tidak boleh, tidak boleh. Kita *rubber stamp* sahaja, inilah *mentality rubber stamp* dan kita perlu hakiskan kalau kita mahu *First World Parliament*.

Semalam kita dengar laporan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa bulan Ogos lalu pihak pentadbiran Parlimen ada kemukakan satu laporan, satu cadangan kepada JPA untuk mempertingkatkan perkhidmatan Parlimen kepada Ahli-ahli Parlimen, kita tunggu. Bukankah proses ini sangat luar biasa? Oleh kerana yang pertama saya tahu bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sudah ada mendesak mahu kembalikan kepada keadaan dahulu di mana Parlimen adalah kuasa bebas mengenai kewangan dan bukan sekarang perlu semua urusan kewangan perlu melalui Perbendaharaan.

Dahulu tahun 1980'an, 1970'an Parlimen adalah kuasa bebas untuk mengendalikan segala urusan mengenai kewangan. Kalau kita mahu begitu dan kita mesti ada, kalau kita tidak pihak pentadbiran Parlimen tidak bebas makna kita boleh *doctrine of seperation of powers* bagaimana Parlimen boleh *First World Parliament*. Kalau mahu begitu apa-apa cadangan mengenai ubahsuai reformasi Parlimen sama ada untuk menambahkan kakitangan, *researcher* dan lain-lain perlu dibuat oleh Parlimen kepada eksekutif, kepada kabinet.

Kita perlu satu jawatankuasa mungkin *Parliamentary services commission* atau kita ada satu *House committee* sebenarnya yang boleh urus tanggungjawab ini yang buat keputusan mengenai apa-apa kemudahan, *facilities* yang perlu termasuk kakitangan-kakitangan yang perlu ditambah, penyelidik *researcher*. Tuan Yang di-Pertua ada umumkan 10 orang *researcher* akan diupah, digajikan untuk bantu Ahli-ahli Parlimen tetapi 10 orang untuk 219 orang Ahli Parlimen tentu tidak cukup.

Sekurang-kurangnya kalau kita mahu *First World Parliament* kita patut bermula dengan seorang *researcher* untuk setiap Ahli Parlimen, ini patut satu keputusan *Parliamentary services commission* atau *House committee* dan keputusan ini disampaikan kepada kabinet dan kabinet kalau setuju mengarahkan JPA untuk melaksanakan dan bukan Parlimen *negotiate* dengan JPA, Parlimen *doctrine of seperation of powers*, tetapi *negotiate* kalau perlu *negotiate* dengan eksekutif dengan Kabinet, dengan Perdana Menteri.

JPA untuk menguatkuasakan *implement* bukan *negotiate* bagi pihak kabinet. Kalau begitu Parlimen bukan sahaja tidak setaraf dengan jabatan kerajaan, lebih rendah daripada satu jabatan kerajaan. Itu kita perlu *mind-set*, *see change* dengan fikiran mengenai peranan tempat Parlimen kalau mahu *First World Parliament*. Contoh yang terakhir kita tengok dalam Aturan Mesyuarat, selain daripada urusan kerajaan ada usul-usul Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, PAS, DAP - 25 usul. Adakah ini *only for show*?

Hari-hari perlu cetak ini dan diedarkan tetapi akhirnya buang dalam tong sampah, tong sampah kenapa sampai sekarang 18 bulan pentadbiran baru dan Perdana Menteri yang baru satu usul persendirian pun tidak dibahaskan, kenapa? Apa demokrasi ini? Apa *first world parliament* ini, kita mahu *first world parliament* usul *private motion* sama ada Barisan Nasional ataupun pembangkang tidak pernah dibahas.

Di sini ada satu usul yang mustahak mengenai Burma dan ini bukan usul DAP dan ini bukan usul PAS, bukan usul parti pembangkang. Ini adalah usul yang sebenarnya Yang Berhormat dari Kota Baru sebagai pengerusi *Malaysian Parliamentary Caucus*, mengenai demokrasi di Myanmar dan pun selaku Pengerusi *ASEAN Interparliamentary Caucus*. Itu

demi kepentingan Malaysia-ASEAN supaya kita tidak mahu menjadi satu *rook organization*, tidak mahu perlu menanggung liabiliti antarabangsa oleh kerana Myanmar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Semalam saya ada sebut dan saya tidak mahu ulangi bahawa saya ada dikutip oleh *United Nation Commissioner of Human Rights* sebagai antara 4 negara yang terburuk lagi dan hak asasi. Kenapa tidak boleh dibahas? Kenapa? Saya tahu bahawa sungguhpun ada ura-ura pada awalnya usul ini sekurang-kurangnya masa akan diperuntukkan untuk satu perbahasan tetapi sekarang tidak ada. Oleh kerana rejim junta militar Myanmar *arm twist* Kerajaan Malaysia. Kenapa kita perlu tunduk kepada kepada junta military Myanmar? Kita bebas, baik kerajaan mungkin adalah dasar, ada sensitiviti tetapi terpulung kepada parlimen untuk buat pendirian mengenai isu berkenaan sama ada Myanmar patut mempengerusikan ASEAN dalam tahun 2006. Biar parlimen buat keputusan kenapa kerajaan mahu benarkan Myanmar untuk *arm twist* dan tidak mahu menghalang satu perbahasan diadakan dan saya harap esok dalam Mesyuarat Kabinet.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor kita lihatlah negara Filipina. Kerajaan negara Filipina pun sampai sekarang pun tidak menyuarakan apa-apa pun pendirian mereka tentang *chairmanship our* ASEAN pada tahun yang akan datang tetapi kita lihat kebebasan parlimennya di mana Senat di negara itu dan juga *House of Representative* iaitu Dewan Rakyat di negara itu kedua-dua dewan ini telah pun meluluskan resolusi untuk menegah Myanmar untuk menjadi Pengerusi ASEAN dalam tahun yang akan datang. Ini menunjukkan kebebasan insitisi parlimen di Filipina tetapi malangnya ini tidak berlaku dalam negara kita.

Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Ipoh Timor bahawa parlimen kita ini haruslah diberi kebebasan dan juga diberi *independence* supaya kita sebagai wakil rakyat dapat menyuarakan hasrat hati dan juga suara rakyat tentang isu-isu dan juga politik negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, memang betul bahawa kongres Filipina lebih terbuka dan lebih demokratik dan lebih mirip *first world parliament* dalam proses perbahasan. Kenapa kita mahu ditinggalkan di belakang? Saya berharap bahawa Kabinet esok bahawa dan saya harap Perdana Menteri yang satu masa sebagai Menteri Luar sangat berpengalaman akan bersetuju dan akan ambil inisiatif bahawa dalam perkara ini *let go* dan jangan menyekat Parlimen untuk *restrict* perbahasan dan tidak benarkan perbahasan serta usul bukan DAP, susul Yang Berhormat dari Kota Baharu mengenai Myanmar.

Saya harap *let go* dan beritahu kepada Myanmar inilah keputusan parlimen dan ini bukan keputusan Kabinet sama ada parlimen mahu lulus, tidak lulus usul itu terpulung kepada Ahli-ahli Parlimen Malaysia semua *across the board* dan biarlah kita menunjukkan bukan sahaja kepada junta military Myanmar tetapi kepada ASEAN dan kepada dunia bahawa kita boleh buat pendirian sendiri dan yang berbeza. Mungkin bersama tetapi *distinct* daripada pendirian kerajaan oleh kerana adalah kerana peranan-peranan *distinct* antara parlimen dan eksekutif, sungguhpun dalam satu perkara mungkin *approach* yang sama tetapi pendirian ialah *distinct*. Saya harap bahawa dalam perkara ini kita bermula di mana *private members bills*, *private members motion* boleh muncul dan boleh dibahas tetapi lebih mustahaknya bahawa pihak eksekutif akan dengan izin *losen this control on this parliament*, kalau kita mahu *first world parliament*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang dan di hadapan Dewan mulia ini ialah mengenai pindaan kepada rang undang-undang dan kepada akta *members the remuneration act*. Ini semua sebenarnya tempoh daripada peruntukan perlembagaan, kita mahu tahu sama ada, ada doktrin bukan sahaja *doctrine of seperation of powers* ada di negara kita tetapi apa yang termaktub dalam perlembagaan adakah diikuti dan adakah ini

dihormati? Adakah 43(9) dalam Perlembagaan, 43 ialah mengenai Kabinet. 43 fasal kecil (9) berbunyi: *Parliament shall by law make provisions for the remunerations of members of the cabinet. The remuneration members of cabinet* diputuskan oleh Parlimen. Artikel 43A sub kecil fasal (3), *parliament shall by law make provisions for the remuneration of Deputy Ministers.*

43B sub clause (5) parliament shall by law make provisions for the remunerations of Parliamentary Secretaries.

Ahli-ahli, menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, *remuneration* mereka semua keputusan daripada dan oleh parlimen dan apa itu *remuneration*? Apa ertinya *remuneration*, artikel 160 *the interpretation*, artikel 160; *Remuneration* dengan izin; *Includes salary or wages, allowances, pension rights, fee or subsidize housing, free of subsidize transport and other privileges capable are being valued in money.*

Segala elaun dan semua jenis elaun ialah *remuneration*, semua jenis elaun yang dinikmati oleh seorang menteri, seorang timbalan menteri, seorang Setiausaha Parlimen selain daripada Ahli Parlimen ditetapkan dan diputuskan oleh parlimen. Adakah artikel-artikel perlembagaan ini diikuti? Adakah kita tahu apa elaun-elaun menteri-menteri dapat, adakah ada? Tidak tahu? Apa *entertainment* elaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Apa *entertainment* elaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri? Apa *entertainment* elaun Menteri-menteri, Timbalan Menteri, tidak tahu? Tetapi mengikut Perlembagaan, ini pun perlu diputuskan oleh Parlimen, betul.

Kita ada *Members of Remuneration Act Clause 63*, ia sebut, dengan izin, *Members of Parliament Remuneration Act 1980* ada sebut mungkin kerajaan akan kata Fasal 65 - "*A member of the administration shall also be entitled to such other allowances and privileges and such rates, and on such terms and conditions as may be specified by the Cabinet from time to time*".

Dan "*A member of administration*" mengikut Perlembagaan 160 ialah:

- "*Member of the administration*" means, in relation to the Federation, a person holding office as Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary or Political Secretary....."

- Kita tidak perlu sebut mengenai *statelah*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpat bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Selain daripada kemudahan-kemudahan, elaun-elaun khas dan sebagainya. Sedarkah Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa amalan kerajaan beberapa tahun ini terutamanya ialah selain daripada menteri-menteri bertaraf Kabinet dan sebagainya ialah juga melantik pegawai-pegawai khas, penasihat-penasihat kepada menteri bertaraf menteri mempunyai keistimewaan-keistimewaan menteri sebagaimana Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang saya yakin tahu. Beberapa contoh dkekalkan mempunyai keistimewaan-keistimewaan menteri walaupun tidak berjawatan sebagai menteri. Adakah ini satu lagi yang menyalahi Perlembagaan dan peraturan yang disebutkan tadi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya percaya semacam *envoy* mengenai pengajian tinggi yang bertaraf Kabinet. Apa kedudukan Perlembagaan, *constitutional basis* khususnya. Oleh kerana kalau beliau sebagai *member of the administration* dan semua elaun perlu diputuskan oleh Parlimen, Parlimen tidak tahu langsung. Adakah siapa tahu, apa gaji, apa elaun Duta Khas Pengajian Tinggi yang bertaraf Kabinet yang diberi, semua orang tidak tahu.

Apa yang tadi saya ada sebut mengenai Fasal 65 ialah yang sebut bahawa Kabinet dari semasa ke semasa untuk menentukan elaun seorang ahli pentadbiran, mungkinlah tidak sah, *unconstitutional*. Oleh kerana bercanggah dengan peruntukan yang saya ada sebut dalam perlembagaan dan kalau begitu semua elaun yang ada dibayar, yang ada dinikmati oleh menteri-menteri termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri

dan timbalan menteri dan setiausaha Parlimen mungkin semua tidak sah dan mereka sepatutnya membayar balik kepada *Treasury*, semua elaun yang mereka dapat beberapa tahun ini.

Adakah kita mengikut dan kenapa Parlimen kita membenarkan perkara semacam ini. Saya ingat dalam tahun 2002, masa itu Ahli Parlimen Kota Melaka ada menyoal mengenai elaun *entertainment* Perdana Menteri dan semua Kabinet, pada awalnya kerajaan tidak mahu menjawab, kerajaan enggan menjawab dan dapat persetujuan daripada Speaker masa itu, Mac 2002 bahawa membenarkan beliau tidak menjawab. Seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak jawab atas sebab demi kepentingan awam, *in the public interest*.

Apa *public interest* bahawa *entertainment* elaun untuk *Cabinet Minister* tidak diumumkan, tetapi selepas itu oleh kerana ini sangat tidak adil tentulah sangat jelas bercanggah dengan satu *transparent* dan *open policy* ada jawapan diberi, mengikut rekod yang tadi saya ada semak, ada catatan bahawa laporan *entertainment allowance* untuk Perdana Menteri RM27,000 sebulan, untuk Timbalan Perdana Menteri RM16,000 sebulan dan Timbalan Menteri RM6,000 sebulan, adakah ini keadaan sekarang, kita mahu tahu.

Oleh kerana kalau mengikut Perlembagaan semua elaun yang dinikmati ahli pentadbiran sama ada menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen patut diputuskan oleh Parlimen, tetapi Parlimen langsung tidak tahu. Saya percaya tiada seorang yang tahu, bukan sahaja *entertainment allowance*.

Saya ingat dahulu ada satu *tips allowance* satu hari RM200. Itulah dahulu saya tahu, tidak tahulah sekarang masih ada atau sekarang sudah RM1,000 sehari. *Tips allowance* apabila pergi luar negeri atau mengadakan satu jamuan besar, saya tidak tahu tetapi ini kita perlu *transparency* dan kalau Parlimen akan memainkan peranan sebagai *first world Parliament*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh Yang Berhormat, bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, adakah Yang Berhormat Ipoh Timor tahu bahawa Ahli-ahli Berhormat Barisan Nasional selepas pilihan raya yang lepas itu, mereka diberi RM20,000 setahun sebagai peruntukan kepada pejabat perkhidmatan mereka, tetapi peruntukan ini tidak diberi kepada Ahli-ahli Berhormat Parti Pembangkang, ini adalah apa yang saya dengar daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Adakah ini adalah satu bentuk diskriminasi dan juga layanan yang tidak adil terhadap Ahli Berhormat daripada parti pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun ada suara kata tidak ada tetapi tidak ada orang berani berdiri kata tidak ada. Orang yang bersuara itu, dia lari, orang yang ada menyuarakan terus lari keluar Dewan, itulah bukan sahaja tidak adil sebenarnya. Itu melanggar dengan prinsip integriti atau keutuhan yang patut menjadikan agenda utama Parlimen ini.

Itulah mustahak sama ada Parlimen ini relevan atau tidak relevan pun bergantung kepada peranan kita mengenai usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membanteras rasuah, penyelewengan dan segala penyalahgunaan kuasa. Saya mahu tahu adakah Ahli-ahli Parlimen dalam masa 18 bulan ini, adakah mereka tahu peranan mereka dalam PIN, Pelan Integriti Nasional. Adakah mereka tahu, siapa berani berdiri berkata mereka tahu dan boleh cakap apa peranan Parlimen ini dalam *National Integrity Plan*.

Adakah mereka sudah baca *National Integrity Plan*, adakah mereka baca, tidak ada. Saya percaya tidak ada orang baca. Saya percaya tiada seorang Ahli Parlimen rela berani berdiri kata, mereka tahu apa peranan Ahli Parlimen dalam *National Integrity Plan*, saya cabar siapa berdiri, tiada orang tahu. Tahu, berdiri cakap. Tidak tahu, apa peranan, tiada peranan tetapi kalau kita mahu dihormati oleh masyarakat bahawa kita adalah satu Dewan perundangan yang bertanggungjawab, tetapi kita sudah cuai khasnya dalam

National Integrity Plan ini adalah Pelan Nasional Integriti yang ada sebut dengan jelas peranan Parlimen. Ini bukan diterbit semalam sudah setahun, *first anniversary* dalam setahun apa yang sudah dibuat oleh Ahli Parlimen untuk memajukan, menunaikan PIN.

Antara lain ada tujuan bahawa - saya baca untuk faedah Yang Berhormat Ahli Parlimen yang jahil mengenai PIN, yang jahil dalam PIN. Saya boleh beri apa yang ditulis ini tanpa baca tetapi supaya memberi faedah kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang jahil mengenai PIN bahawa tujuan ialah dalam dekad 2008. Apa itu dekad 2008? Adakah pernah dengar dekad 2008, bahawa dalam *Transparency International, corruption perception index* boleh sampai sekurang-kurangnya tempat ke-30.

Dalam usaha ini apa peranan Ahli-ahli Parlimen, adalah sini. *Action plan*, rancangan tindakan, rancangan *action plan*, enam strategi. Ahli Parlimen tidak tahu. 92% Ahli Parlimen Barisan Nasional semua tidak tahu. Ahli pembangkang tahu. Parti pembangkang 8% kena tahu, 92% Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak tahu dan enam strategi. Kalau tidak tahu, bagaimana boleh laksanakan? Kalau tidak tahu, bagaimana boleh menjadi ejen *National Integrity*? Kalau tidak boleh menjadi ejen *National Integrity*, bukankah kita menjadi satu *rubbing stock*? Bagaimana kita boleh dapat hormat orang ramai dan masyarakat Malaysia?

Yang pertama, menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri mengenai integriti. Tahun lalu, saya sudah kemukakan cadangan ini dalam satu antara 20 hingga 30 *Parliamentary Select Committee*, satu yang mustahak ialah mengenai *national integrity*. Kalau kita serius dalam usaha untuk membanteras rasuah dan ini bukan sahaja cadangan saya, *National Integrity Plan*. Tetapi, tidak seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional rela memberi sokongan tetapi kita kata *Plan Integrity National* (PIN). Menteri di Jabatan Perdana Menteri datang cakap *Plan Integrity National* tetapi dia tidak faham. Mungkin dia pun tidak tahu apa dalam pelan ini, dalam PIN ini. Ada enam strategi.

Strategi yang pertama ialah institusi politik dan strategi yang pertama ada enam program. Strategi yang kedua ada empat program, strategi yang ketiga, strategi yang keempat, strategi yang kelima dan strategi yang keenam dalam satu vakum dalam Parlimen ini. Bagaimana kita boleh dapat format bahawa kita bukan satu *rubber stamp*, bukan satu boneka, bukan satu *irrelevant institution*. Saya harap bahawa.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Dalam satu perbahasan usul takziah kepada rakyat Palestin apabila Presidennya Allahyarham Yasser Arafat meninggal dunia, saya telah mencadangkan antara lain untuk ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pilihan Hal-Ehwal Luar Negara. Yang Berhormat Menteri dalam menggulungnya bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa pilihan Parlimen tentang hal-ehwal luar negara. Sehingga hari ini pun, belum nampak ura-ura untuk menubuhkan jawatankuasa itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Sebab itulah kita rasa sangat sedih bahawa lebih daripada setahun kita dengar bahawa komitmen atau jaminan mahu menjadikan Parlimen *first world Parliament* dengan beberapa reformasi tetapi tidak ada reformasi. Apa yang ada ialah deformasi, bukan reformasi, deformasi. Sekurang-kurangnya beberapa *Parliamentary Select Committee* mengenai hak asasi, mengenai hal-ehwal luar negeri, mengenai integriti, mengenai IT, mengenai manusia, *human resources*, semua patut diadakan dan saya harap Yang Berhormat Menteri *Human Resources* ada di sini.

Saya harap esok dia pergi Kabinet pun boleh sokong mengenai usaha-usaha, idea-idea mengatakan *Parliamentary Select Committee*, supaya Ahli-ahli Parlimen boleh bantu kerajaan, boleh bantu Yang Berhormat Menteri mengenai pendekatan dan cari cara untuk mengatasi masalah seperti pekerja-pekerja asing, *illegal immigrant* dan lain-lain, *graduate-graduate* yang menganggur.

Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak berani untuk menjadi menteri yang pertama untuk sokong mengatakan satu *Select Committee* khas mengenai kementerian beliau. Adakah beliau rela memberi sokongan? Saya tunggu jawapan. Relakah? Relakah? [Ketawa]

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa diam sahaja?

Puan Chong Eng: Tanjong, Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanjong Yang Berhormat. Yang Berhormat, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Tadi, Yang Berhormat telah berhujah dengan panjang lebar tentang peranan dan tanggungjawab Kabinet, timbalan menteri, menteri dan sebagainya. Kita selalu di sini menghadapi masalah di mana menteri ataupun timbalan menteri selalu apabila tidak dapat memberi jawapan akan memberi jaminan bahawa mereka akan memberi jawapan secara bertulis. Tetapi lazimnya, ini menjadi janji kosong sahaja. Seperti contoh Menteri Sumber Manusia pada tahun lepas janji kepada saya untuk memberi jawapan mengenai kes *Courts Mammoth* yang saya bangkitkan. Sekarang sudah enam bulan saya masih tunggu jawapan dari beliau.

Seorang Ahli: Tidur.

Tuan Chow Kon Yeow: Adakah ini satu sikap tanggungjawab oleh para Menteri, Timbalan Menteri dan anggota pentadbiran di dalam Dewan ini? Setujukah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tentang perkara ini?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Itu satu lagi perkara yang perlu dapat *Parliamentary change and reform* supaya kita tidak boleh ada menteri atau timbalan menteri elak tanggungjawab *accountability* dengan kata bahawa akan ambil perhatian atau jawapan akan diberi secara bertulis dan kemudian dia lupa atau bahawa tindakan akan diambil. Mungkin kita perlu mengikut contoh di India, di Lok Saba di India, di mana ada peraturan mesyuarat dipinda, di mana ada satu jawatankuasa khas untuk monitor setiap janji yang ada dibuat di dalam Parlimen, sama ada semasa *question time* atau perbahasan, sama ada tindakan diambil, sama ada perhatian diberi, sama ada *written answer* diberi.

Itu bagus tetapi kenapa sampai sekarang belum ada usaha yang relevan begitu supaya kita mempertingkatkan taraf, kualiti prestasi Parlimen supaya apa cadangan mengenai menaikkan elaun Ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli pentadbiran tidak akan menjadi satu kontroversi oleh kerana ada ramai orang menganggap ini tidak boleh disokong oleh kerana Ahli-ahli Parlimen malas, institusi Parlimen tidak guna, Parlimen *irrelevant*. Kenapa kita rela untuk *reinvent a meaningful Parliament* dan akhirnya mengenai *National Integrity Plan*. Ini bukan cadangan DAP sungguhpun kita dalam DAP ada buat cadangan ini banyak kali pada masa dahulu bahawa perlulah ada pengisytiharan harta oleh anggota pentadbiran. Pengisytiharan semua, terbuka. Adakah kita rela buat? Saya harap supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional balik, baca dengan teliti Pelan Integriti Nasional dan tengok bagaimana kita boleh buat *contribution* sebagai Ahli Parlimen untuk memajukan Pelan Integriti Nasional.

Kalau tidak apa *relevancy Parliament*? Pelan Integriti Nasional pun tidak faham, tidak baca pun, tidak tahu. *You* tidak tahu. Kita mahu Parlimen ada peranan sendiri. Kita tidak mahu masuk campur Parlimen dengan parti-parti politik.

Di luar *lounge* sebelah *MP's lounge* ada satu peti. *Drop A Book*, itu cadangan baik. *Drop A Book*, ya. Kita mahu menggalakkan rakyat membaca. *Drop A Book*. Tetapi kata Puteri UMNO, kenapa kita boleh membenarkan sebuah badan politik mengadakan kegiatan dalam institusi Parlimen yang patut atas Parlimen. Kalau boleh, satu aktiviti Puteri UMNO untuk *Drop A Book*, bolehkah DAP ada satu kotak sana *Drop another book*. Tentu tidak boleh. Kita tidak tahu ini. Ini tidak betul. Kita tidak buat. Tetapi kenapa ada Puteri UMNO, kalau boleh Puteri UMNO satu hari, ada Pemuda UMNO, satu hari ada Pemuda

MCA, Pemuda MIC. Parlimen sudah menjadi bukan satu tempat di mana berasing dari parti-parti politik. Islam Hadhari, itu semangat Islam Hadhari. Menyalahgunakan semua.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, Yang Berhormat Ayer Hitam, ok.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di- Pertua, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Selalunya saya mendapati Ahli-ahli Parlimen dari Parlimen khususnya DAP membawa NGO masuk ke sini dan mengadakan sidang akhbar. Apakah pada pandangan Ketua Pembangkang, itu juga perkara yang patut dilarang ataupun ini satu *double standard* yang tidak boleh kita lakukan. Satu hasrat yang baik, *Drop A Book* satu kempen yang baik. Kalau macam itu, apa pandangan Yang Berhormat tentang apa yang telah dibuat oleh DAP?

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama saya kata, *Drop A Book* menggalakkan tabiat membaca. Itu baik, saya setuju, saya sokong. Tetapi bukan menggunakan tempat ruang Parlimen. Ada tempat yang sewajarnya digunakan. NGO, kenapa MCA memusuhi NGO? Adakah MCA atau Pemuda MCA menganggap NGO sebagai musuh negara? Sebagai anasir-anasir jahat, kenapa mereka tidak begitu.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya cuma gunakan apa yang dibuat oleh Pembangkang. Tadi kata tidak boleh datang sewenang-wenangnya ke Parlimen. Saya gunakan apa yang hujahkan oleh Ketua Pembangkang, saya bertanya balik. Nampaknya Ketua Pembangkang cari perkara yang lain. Sebab kita tidak dengki dengan NGO. Saya tanya atas prinsip apa kalau boleh diundang dibawa ke sini untuk mengadakan sidang media. Adakah mereka Ahli Parlimen? Bukan juga. Sama kalau satu hasrat yang baik, patut kita benarkan, itu sahaja. Jangan jauh lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan sangat senang. Oleh kerana NGO bukan parti politik. Sebenarnya NGO ialah badan-badan yang ada prihatin mengenai isu-isu yang penting sama ada mengenai hak asasi, sama ada hal mengenai wanita, sama ada mengenai minoriti, alam sekitar, *estate-estate* dan kita perlu menggalakkan NGO-NGO, lebih ramai NGO datang ke Parlimen, berinteraksi dengan Parlimen. Masalah ialah majoriti Ahli-ahli Parlimen khasnya Barisan Nasional 92, mereka menganggap NGO sebagai musuh negara. Sikap ini tidak patut diadakan. Mereka patut *friendly*, *berinteract* dengan NGO-NGO dan patut mengalu-alukan NGO datang ke Parlimen menggunakan Parlimen sebagai satu galakkan. Meng*interact*kan, mengajar Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mengenai isu-isu yang mereka sampai sekarang mengabaikan, menyetepikan. Tetapi kita tidak menggunakan bahawa DAP datang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Papar bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, Puteri UMNO, ok. [Ketawa]

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Ketua Pembangkang saya ingin bertanya, adakah kempen-kempen seperti *Drop A Book* dan juga kempen-kempen yang menggalakkan budaya membaca ini hanya boleh dilakukan oleh NGO dan membolehkan ia menjadi satu kempen yang dibenarkan dan sebagainya. Apakah sebuah parti politik tidak boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang membudayakan pembacaan dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sokong, saya puji Puteri UMNO. Nampaknya ada lebih *conscious* atau lebih prihatin masalah ini berbanding dengan Pemuda UMNO atau Pemuda MCA atau Pemuda MIC menggalakkan kempen *Drop A Book*, *Read A Book*, itu lebih baik daripada beberapa kegiatan-kegiatan yang ada dianjurkan oleh Pemuda UMNO atau Pemuda MCA.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Saya puji, itu baik tetapi bukan dalam Parlimen. Oleh kerana kalau Puteri UMNO boleh gunakan Parlimen untuk kegiatan-kegiatan mereka, parti-parti atau cabang-cabang parti-parti yang lain pun boleh. PAS pun boleh, wanita atau Pemuda PAS boleh,.....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: ...datang untuk ada program mengenai Islam Hadhari yang sebenar. Ceramah Islam Hadhari apa yang akan berlaku kepada Parlimen.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya juga ingin menyuarakanlah kepada Yang Berhormat Ipoh Timor. Apakah kesalahannya mengadakan di Parlimen, adakah satu kempen yang memang digalakkan oleh semua peringkat masyarakat ini tidak boleh diadakan di Parlimen untuk mendapatkan sokongan Ahli-ahli Parlimen sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata bahawa.....

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong pun hadir semasa majlis itu. Adakah Yang Berhormat mengatakan kempen ini hanya untuk Barisan Nasional, tidak kita buka kepada semua Ahli Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya kata kempen ini saya pun sokong. Kita semua patut sokong. Tetapi, bukan dalam Parlimen. Yang Berhormat bagi Kepong dia sokong, dia sangat *gracious*. Sungguhpun dia tahu ini silap, tidak betul, tidak buat dalam Parlimen, tetapi dia pun galak.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana kempen ini baik, kita sokong, tetapi tidak patut diadakan dalam Parlimen. Itulah, ini sangat mudah oleh kerana Puteri UMNO boleh buat begini.....

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Rasionalnya, kita hendak mendengar apakah rasionalnya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: [Ketawa] Berdiri....

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: ... yang tidak membolehkan program seperti ini dijalankan di Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Parlimen ialah *about party politics*. Kalau Puteri UMNO boleh mengadakan kegiatan politik atau apa-apa jenis, di dalam Parlimen, parti-parti yang lain sama ada memerintah atau Pembangkang pun ada. Kalau kita tidak ada bantahan DAP, Wanita DAP, Pemuda PAS, Wanita PAS mengadakan aktiviti di Parlimen, ok. Tentu. Kalau kita buat bantahan sekeras-kerasnya akan dilihat bukan. Ini *double standard*.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Hari itu ada sekumpulan NGO, sekumpulan wakil dari NGO, ramainya adalah wanita yang datang hendak berjumpa dengan Ahli Parlimen. Sekuriti tidak benarkan mereka masuk. Dikatakan tidak boleh masuk ke dalam lobi ini hadkan. Dihadkan dua orang masuk. Selalunya NGO yang datang nak jumpa dengan wakil rakyat pun menghadapi pelbagai masalah. Bukankah ini ada *double standard*. Saya rasa tentulah program hari itu tidak ada apa-apa masalah. Puteri UMNO datang sini tidak perlu nak tunjuk apa-apa juga. Saya rasa yang tegas di sini ialah kalau Puteri UMNO boleh mengadakan aktiviti seperti ini di Parlimen, Wanita DAP pun nak adakan satu aktiviti. Adakah dia akan dibenarkan. Adakah dia akan menimbulkan masalah nanti? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau DAP mahu mengadakan satu ceramah di Parlimen, boleh ini diterima? Tentu tidak boleh. Sama ada apa-apa parti dan itu bersama-samalah saya rasa ini sangat jelas dan ini bukan *anti* - menentang usaha untuk menggalakkan budaya membaca, itu tidak. Saya harap Yang Berhormat daripada Puteri UMNO faham, kita tidak menentang usaha yang baik, kita puji, itu usaha yang baik tetapi tidak boleh diadakan, dijalankan di dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis Yang Berhormat? Habis?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak, banyak lagi. Tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Johor Bahru bercakap panjang lebar mengenai *mass media* khususnya dua-dua laporan, rencana dan laporan NST dan subjek kontroversi di Parlimen ini. Sungguhpun beliau kata bahawa pada 20 hari bulan, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak memberi *general agreement*, kita tahu - ini tidak benar.

Kita semua bukan sahaja baca daripada *Hansard* tetapi mereka yang lihat prosiding hari itu tahu bahawa ada *general agreement* mengenai laporan rencana *News Straits Times* yang dirasai bahawa ada kesan menghina Ahli-ahli Parlimen, khususnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan ini ada diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, daripada Jerai dan daripada Sabak Bernam dan orang-orang lain, yang ada berbual dengan saya di luar Dewan. Tetapi saya rasa apa yang penting di sini ialah kita menghadapi dua masalah, kelakuan Ahli-ahli Parlimen sendiri sama ada kelakuan Ahli-ahli Parlimen sendiri membawa satu hakikat di mana kita menghina dan menjatuhkan kehormatan rakyat. Oleh kerana kita tidak menghormati kita sendiri di dalam ucapan atau dalam kelakuan.

Kita tidak boleh nafikan bahawa ada segelintir Ahli-ahli Parlimen yang dalam ucapan mereka, kelakuan mereka menjadi bukan sahaja mereka sebagai *laughing stock* tetapi mungkin menjatuhkan martabat, darjat Parlimen di kalangan orang ramai. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam kenyataannya pun ada membuat pengakuan di dalam perkara ini. Ini masalah yang pertama.

Masalah yang kedua ialah liputan atau *coverage* atau *reporting proceeding* Parlimen oleh *mass media*, adil atau tidak adil? *Fair* atau tidak *fair* sama ada sampai satu peringkat untuk menjejaskan, memudaratkan penghormatan orang ramai kepada Dewan yang mulia ini.

Di sini saya ada sebutkan tadi bahawa sungguhpun berkata bahawa, "*DAP Kit Siang leads with support from BN members*", saya tidak mengetuai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional oleh kerana saya percaya mereka tidak mahu diketuai oleh saya dan saya tidak mahu mengetuai mereka untuk serang NST. Tetapi kita tengok laporan NST sahaja, mungkin ini pun serupa untuk surat khabar yang lain di mana.. [*Sambil menyelak-nyelak beberapa helaian kertas di atas meja*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cakap Yang Berhormat, tidak payah cari, cakap sahaja. Cakap sahajalah, tidak payah cari nota.

Tuan Lim Kit Siang: Cari, cari, ini mustahak, ini bukti, *evidential*, sabar sedikit. Ha, ini, sudah dapat. Yang pertama, laporan surat khabar amnya mengenai prosiding Parlimen, saya rasa perlu satu kajian bukan sahaja oleh Parlimen sendiri, tetapi oleh *mass media*. Tengok *New Straits Times* – di sini saya tidak mahu membela mana-mana Ahli Parlimen, perbincangan Usul Titah Diraja, macam Titah Diraja yang dimulakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun, beliau cakap berapa lama? Dia cakap dua jam, empat puluh lima minit, *correct*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga jam, dua puluh minit.

Tuan Lim Kit Siang: Tiga jam dua puluh minit? *Wow, more than what I have, okay*, tiga jam, dua puluh minit. Tentang laporan *News Straits Times* – *offensive TV at spark debates* dan sebelas kolom *edge* sahaja. Hari yang kedua, tidak ada lagi. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, dia bercakap tiga jam, *correct* tiga jam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga jam lima belas minit.

Tuan Lim Kit Siang: Ha? Lebih? Tiga jam lebih. Dia pun tidak dapat liputan. Apa yang ada dibangkitkan ialah apabila Yang Berhormat bagi Bentong dengan izin, "*Dato' Liow Tiong Lai (BN- Bentong) (picture) propose repealing the requirement allowing POL only in schools of 15 or more students interested in such classes. There is a lot of bureaucracy involves when applying to POL classes*", said Liow when seeking clarification from Ir. Dr. Wee Ka Siong (BN- Ayer Hitam) who was debating the Royal Address. Langsung tidak timbul, *disappear*, tiga jam (*three hours*), langsung tidak ada! *Championing of MCA!* Ahli Parlimen bagi Dungun, tiga jam, dua puluh minit, barulah *eleven column edge* dan bukan *eleven column edge* semua, hanya *two paragraphs* – tiga jam, dua puluh minit, dua *paragraph*. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam satu *paragraph* pun tidak ada! – *In passing* oleh kerana Yang Berhormat bagi Bentong menyelamatkan beliau, *in passing*. Kalau tidak ada Ahli Parlimen bagi Bentong, Ahli Parlimen bagi Ayer Hitam pun *disappear* dalam Tsunami. Saya sendiri yang membuat ucapan yang ketiga, berapa lama saya berucap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 104 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 104 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Dua jam, dua puluh minitlah? Dua jam, dua puluh minit. Carilah mikroskop, teleskop, apa skop, tidak ada, langsung tidak ada, satu perkataan pun tidak ada! [*Ketawa*] Mungkin *News Straits Times* kata kita cakap remeh-temeh. Saya cakap *irrelevant*, apa yang saya cakap? Mengenai *Parliamentary reform*, mengenai korupsi, mengenai jaminan Perdana Menteri untuk melaksanakan janji-janji beliau mengenai *judicial independence*, mengenai pendidikan, mengenai *competitiveness*.

Puan Chong Eng: Ada longkang ya?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada longkang, tidak ada apa-apa, tidak ada LRT, tidak ada MAS *stewardess*, tidak ada. Satu perkataan pun tidak ada. Adakah ini yang kita mahu adil kepada Parlimen? Sebenarnya saya ada di sini sepanjang perbahasan, lapan hari, tidak kira *winning up* untuk menteri-menteri, lapan hari. Setiap hari *about ten columns each*, setiap hari. Kalau ada perbicaraan *Magistrate Court* – rogol, dua muka. Perbahasan *Royal Debate*, tidak sampai separuh. Separuh *space*, sehari perbicaraan rogol. Mana itu *sense of priority*? Adakah Parlimen begitu rendah?

Bagaimana kita boleh melihat Parlimen ini sebagai satu Dewan yang tertinggi? Satu daripada tiga cabang kuasa kalau inilah *treatment* bukan kepada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Kita di sini, biasalah, *non person*, tidak *exist*, tidak wujud sama sekali dalam pandangan *main stream press* selain daripada mereka menghentam kita. Apabila Lim Kit Siang di muka depan, kita tahu itu untuk hentam, bukan untuk apa-apa. *It's not good news, it's bad news*.

Apabila ada DAP, saya tidak tahulah, PASlah, DAP keluar muka depan, ini bukan *good news*, ini *bad news*. Kalau kita mahu *first world Parliament*, inilah yang perlu kita tangani. Tengok ini, [*Menunjukkan satu keratan akhbar*] "*Humiliated MPs Attack NST*", wah empat gambar. *The quartet*, nampaknya *rogues gallery* ada empat gambar, sebenarnya tidak adillah, *untouchable*. Tadi ada tanya, siapa itu *untouchable*. *Untouchable* tertinggi atau terendah? Begitu tinggi *untouchable* atau begitu rendah *untouchable*.

Tetapi saya rasa sangat tidak adil. Sudah tentu saya tidak patut diam sahaja. Antara empat gambar, ada dua lagi gambar pun tidak patut ada di sinilah, tidak adillah. Mungkin satu gambar patut ada di sana. *Only one rogue gallery*, antara empat gambar ini, baru satu patut ada dalam *rogues gallery*. Patut ada dalam *rogues gallery*, dalam Dewan ini tetapi tidak ada di dalam. Dua orang ini saya rasa menjadi mangsa kepada ketidakadilan tetapi ada satu *valid*. Saya tidak *valid*. [*Disampuk*] Siapa *valid*? Siapa?

Ada empat gambar, balik tengoklah, [*Ketawa*] balik tengok. Tiga gambar tidak patut ada di sana. Satu bolehlah, *rogues gallery*. Kalau mahu tanya, esok tanya saya boleh bagi jawapan. Tetapi tengok rencana oleh Zainul Ariffin, "*Our MPs are not ready for*

prime time TV, “apa dia kata? Soal sama ada MP relevan atau tidak relevan. Dia kata, “*Maybe for the proverbial, no smoke, no fire rules still govern the media. It will not report what it does not see or hear and there are plenty of things to see and hear in Parliament. Sometimes it can be downright funny too. It will not report what it does or see or hear.*”

Tetapi kita tengok mereka *report what they did not see or hear. What they see or hear, they don't report. They report what they do not see and what they do not hear.* Itulah masalah. [Ketawa] *What they see or hear, they do not report but they report what they do not see and what they do not hear. Mana ada no smoke and no fire?*

Saya rasa sangat *disappointed* kerana *New Straits Times* selepas ini apabila saya ada buat satu balasan kenyataan untuk menjelaskan bukan sahaja rencana, tetapi juga laporan ini tidak diberi layanan yang adil.

Yang pertama, oleh kerana *the New Straits Times* tidaklah memberi tempat *front page* kepada *reply* saya, kenapa? Kalau laporan asal ini *front page*, *reply* saya patut *front page*. *Fair play* atau bukan satu *vocabulary* antara setengah *journalists* di negara kita dalam *mainstream press*.

Yang kedua, saya ada minta *apology*, minta maaf oleh kerana laporan muka depan ini tidak faham tujuan ucapan saya. Sangat jelas siapa yang tengok video clip yang ada boleh dilihat oleh sesiapa, kalau pergi Malaysia DAP *website*, boleh tahu. Saya bangkit hal ini oleh kerana kalau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional rasa inilah satu penghinaan, tindakan perlu diambil untuk merujuk Zainul Ariffin, *New Straits Times* kepada *Committee of Privileges*. Bukan oleh kerana *Committee of Privileges* satu *kangaroo court*.

Selain daripada mereka anggap *Committee of Privileges* sebagai *kangaroo court* di mana ada *prejudgment* sesiapa yang dirujuk kepada *Committee of Privileges guilty*, tunggu sahaja hukuman, *sentence* itu, tidak. Kita perlu menerima bahawa kalau apa-apa perkara atau sesiapa dirujuk kepada *Committee of Privileges*, inilah satu *new process*, di mana *justice* boleh didapati dan kalau apa Zainul Ariffin tulis adalah benar dan dia boleh *justify* dia benar, tentu dia tidak akan buat apa-apa kesilapan.

Tetapi kalau Barisan Nasional MP rasa ini menghina, patutlah merujuk kepada *Committee of Privileges*. Selain daripada mereka rasa tidak apalah, bukan merasa apa-apa sakit hati, tetapi hari itu nampaknya *general agreement* Barisan Nasional MP. Ooh, ini sakit hatilah. Yang Berhormat bagi Jerai rasa sayu hati. [Ketawa] Masa itu cakap pun sedih, suara pun sangat rendah, nampaknya pun macam mahu menangis. [Ketawa] Saya pun takut nanti dia menangis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order.*

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order? [Dewan riuh]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 36...

Tuan Lim Kit Siang: *Apa Point of Order?*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(6), sangkaan jahat dan merendah-rendahkan Ahli Parlimen.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta Yang Berhormat tarik baliklah.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik apa? Hendak tarik balik apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Menghina saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada saya menghina Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah, Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada saya menghina Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat kata saya sedih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia simpati.

Tuan Lim Kit Siang: You tidak sedih? [Ketawa] You sangat suka, gembira oleh kerana dihina oleh rencana itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: [Ketawa] Ya, kita bacalah, tidak apalah, kita sekarang nampaknya semua sudah tidak perlu nafikan oleh kerana Pengerusi *Backbencher* kata bahawa Barisan Nasional MP tidak kisahlah sungguhpun hari itu semua kisah.

Tetapi kita perlu adakan dan lebih tidak adil ialah bahawa *New Straits Times* tidak mengeluarkan satu URL di mana *video clip* itu boleh didapati oleh semua orang. Apa tujuan sebenar ucapan saya? Untuk menjaga maruah dan menjaga martabat Parlimen ini. Saya rasa sebab itu saya harap bahawa Ahli-ahli Parlimen yang di dalam tidak boleh dinafikan.

Kita tidak boleh nafi bahawa dalam tiga, empat minggu ini Parlimen ada menjadi *laughing stock*. Mungkin oleh kerana surat khabar baru memberi liputan yang begitu terhad dan dalam liputan yang begitu had, barulah jenaka-jenaka dan ucapan-ucapan atau kata-kata yang tidak seronok tidak patut dikeluarkan ada diberi tempat yang *prominent*, sebab itu ada *impression* bahawa Parlimen ini tidak serius tetapi Ahli-ahli Parlimen dua orang, tiga orang atau empat orang, saya rasa mereka rela dalam perbahasan ini berdiri satu demi satu minta maaf dengan terbuka, bukan sahaja kepada Parlimen ini, kepada rakyat jelata pun oleh kerana kelakuan mereka.

Selain daripada mereka boleh mempertahankan kelakuan mereka. Kalau begitu, rujuklah isu ini kepada *Committee of Privileges*. Saya harap dalam perkara ini bahawa kita rela Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada kata, bahawa kita jangan terlalu sensitif. Dia kata kita perlulah menerima apa-apa kritikan. Saya setuju kita perlu menerima apa-apa kritikan. Saya ada dituduh oleh Dato' Kalimullah Hassan, apa dia kata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa dia kata?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskan ucapan ke, hendak sambung?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak sambung?

Tuan Lim Kit Siang: Sambung esok, sambung esok ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau hendak sambung, Yang Berhormat sambung besoklah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.